

SEMUA kementerian dan jabatan kerajaan dikehendaki mengenal pasti isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional bagi dibincang dan seterusnya diselaraskan bersama-sama. Demikian juga ikatan yang kukuh di antara kerajaan dan rakyat serta penduduk perlulah wujud untuk merealisasikan lagi kejayaan-kejayaan yang telah dan akan dicapai." - Titah Sempena menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-21 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"KEMUDIAN apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengasih orang-orang yang bertawakal kepada-Nya." - Surah Ali 'Imran ayat 159.

TAHUN 51 BILANGAN 8

RABU 22 FEBRUARI 2006/1427 رابو 23 محرم

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kedatangan Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI. Foto : Masri Osman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima kedatangan isteri Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI, Puan Rukhsana Kaleem. - Foto : Masri Osman.



HARI
KEBANGSAAN
KE-22
1 HARI LAGI



ANTARA
YANG
MENARIK

Hasrat Negara:
Teliti garis pandu
pemilihan atlet
- Muka 2
Haluan:
Tingkatkan prestasi
perkhidmatan,
kepercayaan orang ramai
- Muka 10
Melirik Masa Silam:
Gauk di sekolah, gauk
di rumah
- Muka 6

TAHUKAH AWDA

DALAM pemsyihuran dan pengisytiharan Sempena Menyambut Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 menggariskan bahawa Negara Brunei Darussalam akan kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka. Pemsyihuran tersebut juga telah merujuk kepada Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1979 yang dibuat di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom yang mempersetujui bahawa apa jua kuasa dan tanggungjawab yang mungkin dipegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam hendaklah ditamatkan pada 31 Disember 1983. - Sumber PELITA BRUNEI keluaran 4 Januari 1984.

Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

OLEH REFA'AH ALI OSMAN
AN HAJI AHMAD HAJI SALIM
mad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI di Istana Nurul Iman di sini.

Di majlis itu, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI, Puan Rukhsana Kaleem.

Syed Haider Jawed.

Hadir sama di majlis itu ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa.

Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI telah dianugerahkan Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei pada hari Jumaat.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI, Puan Rukhsana Kaleem yang berlangung di Istana Nurul Iman di sini.

Puan Rukhsana Kaleem diiringi oleh isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili, Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan, Puan Fauzia Jawed.

Puan Rukhsana Kaleem berada di negara ini bagi mengiringi suami beliau yang dalam rangka lawatan ke negara ini.

Puan Rukhsana Kaleem berada di negara ini bagi mengiringi suami beliau yang dalam rangka lawatan ke negara ini.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya semasa berucap melancarkan Sambutan Jubli Emas PELITA BRUNEI.

Gunakan media untuk menyalurkan maklumat

PERAKAS, Sabtu, 18 Februari. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menyeru agensi-agensi kerajaan supaya mengambil langkah positif untuk menggunakan media yang terdapat di negara ini untuk menyebarkan maklumat dan berinteraksi dengan rakyat.

Perkara ini, menurut Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, adalah bahagian dari tugas kita sebagai sebuah kerajaan.

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn
BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR
bolhassan.bakar@information.gov.bn

yang telus dan jujur serta amanah dalam memberikan khidmat kepada orang ramai kerana kita semua mempunyai peranan dalam meningkatkan imej kerajaan yang pemedulian.

Kerana itu media merupakan satu alat perhubungan awam yang sangat kuat lagi berpengaruh kerana apa yang mereka sampaikan adalah bergantung kepada ketepatan sumber-sumber maklumat yang mereka terima dan dalam

hal ini agensi-agensi kerajaan mempunyai tanggungjawab yang penting dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai melalui saluran yang sedia ada khususnya media massa.

Yang Berhormat menyalurkan maklumat dengan para media masih terhad kepada siaran akhbar dan liputan-liputan yang berbentuk acara-acara rasmi dan 'ceremonial' justeru itu norma seperti ini hendaklah diperluaskan se-

suai dengan kecanggihan dunia informasi massa dan perkembangan masyarakat bermaklumat ketika ini.

Lihat muka 2

KEBAWAH DYMM UTUS PERUTUSAN TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan takziah kepada Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo berikutan dengan kejadian tanah runtuh di Bahagian Timur Republik Filipina baru-

baru ini yang mana menyebabkan kehilangan banyak jiwa.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerajaan baginda dan rakyat Negara Brunei Darussalam melahirkan perasaan simpati dan dukacita kepada kerajaan dan rakyat Republik Filipina terutama sekali kepada keluarga mangsa-mangsa malapetaka tersebut.



22 FEBRUARI 2006 BERSAMAAN 1427 23 محرم

WUJUDKAN SUASANA MESRA MEDIA

AGENSI-AGENCI kerajaan perlu lebih kerap dan mustahak menggunakan media untuk menyampaikan sebarang apa jua maklumat dan informasi mengenai hal ehwal kerajaan untuk diketahui oleh orang ramai di negara ini. Kekerapan penyiaran maklumat yang tepat dan terkini akan dapat mengangkat imej kerajaan dan pemimpin.

Sesuai dengan kecanggihan dunia informasi massa dan perkembangan masyarakat bermaklumat ketika ini, sudah tiba masanya bagi agensi-agensi kerajaan mengambil langkah positif untuk menggunakan sebaik mungkin media elektronik dan media cetak yang terdapat di negara ini bagi menyalurkan maklumat.

Demikian saranan yang diutarakan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya semasa melancarkan Sambutan Jubli Emas PELITA BRUNEI baru-baru ini. Ketika ini masih banyak ruang yang perlu dipertingkatkan di antara Perkhidmatan Awam dengan pihak media.

Saranan Yang Berhormat itu merupakan satu langkah tepat dalam usaha kita membudayakan Masyarakat Bermaklumat. Saranan sedemikian sepatutnya disambut baik oleh pegawai-pegawai kerajaan dalam usaha bersama mengangkat martabat dan imej baik kerajaan yang pemedulian. Ini memerlukan setiap pegawai kerajaan mengubah minda untuk lebih telus dan mesra dengan media dan bukan sebaliknya.

Dalam hal ini juga, pegawai-pegawai kerajaan juga hendaklah sentiasa memberi respons yang baik dan kerjasama yang erat setiap masa kepada pihak media. Mereka perlu menjadikan media sebagai 'kawan' yang rapat bagi memudahkan mereka menyalurkan maklumat dengan lancar dan menepati sasaran. Hubungan kerjasama seperti ini penting diamalkan dan dipraktikkan. Kondusif ini secara langsung akan dapat mewujudkan suasana 'mesra media' atau 'media friendly' yang tentunya membawa kepada pelbagai kebaikan.

Ini bermakna pegawai kerajaan perlu lebih mendekati, mesra dan mengenali para media bagi sebarang tujuan publisiti kementerian dan jabatan masing-masing. Peranan ini amat penting bukan sahaja dalam penyebaran berita tetapi juga memantapkan lagi perhubungan awam dan meningkatkan imej kerajaan. Jika mesra media dapat diwujudkan dengan baik dan berkesan, kita penuh optimis banyak masalah dapat diselesaikan khususnya perkara-perkara yang ada hubung kait dengan kepentingan awam.

Perkara ini penting bagi mengelak sebarang tulisan, pemberitaan yang berat sebelah, unsur-unsur memfitnah dan tulisan-tulisan yang memburuk-burukkan kerajaan dan pemimpin. Kita sedia maklum laporan-laporan yang tidak tepat boleh menimbulkan gambaran yang mengelirukan dan sekali gus mengganggu gugat suasana harmoni di negara ini.

Dari pengalaman yang dilalui, perkongsian maklumat di antara Perkhidmatan Awam dan pihak media kebanyakannya hanya berkisar dalam siaran akhbar dan liputan-liputan yang berbentuk acara rasmi dan 'ceremonial'. Perkara ini perlu diubah memerlukan anjakan paradigma iaitu mustahaknya agensi-agensi kerajaan lebih ligat dan muncul dalam berhubung dengan media.

Kita juga perlu mengubah tanggapan bahawa pihak media dan wartawan sahaja yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan maklumat. Walhal, sebagai sumber kepada maklumat-maklumat dalam kerajaan, agensi-agensi Perkhidmatan Awam perlu menggunakan media massa sebagai penghubung dalam menyalurkan maklumat dan penerangan kepada orang ramai.

"Ini adalah sebahagian daripada tugas kita sebagai sebuah kerajaan yang telus, jujur serta amanah dalam memberikan khidmat kepada orang ramai. Kita semua mempunyai peranan dalam meningkatkan imej kerajaan yang pemedulian," jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Kita yakin dengan kepekaan agensi-agensi kerajaan dalam penyebaran maklumat ini bukan sahaja imej kerajaan dapat diangkat tetapi yang penting orang awam mendapat maklumat yang tepat, sahih dan terkini. Maka sudah sampai masanya mesra media diwujudkan di antara agensi-agensi kerajaan dan pihak media di negara ini. Jika ini tercapai, usaha kerajaan dalam membangun negara ini juga akan lebih mudah dilaksanakan.

HASRAT NEGARA

Teliti garis pandu pemilihan atlet

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin-Nya jua sekali lagi Negara Brunei Darussalam akan menyertai Sukan Komanwel yang akan berlangsung di Melbourne, Australia bermula pada 15 hingga 26 Mac 2006.

Penyerahan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen negara yang akan menyertai Sukan Komanwel kali ini adalah merupakan satu mandat negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen negara agar dapat membuktikan keupayaan untuk bersaing di peringkat tertinggi bagi mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, saya sukacita ingin menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta penghargaan kepada kerajaan baginda yang telah memperkenankan penyertaan kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel pada tahun ini dengan segala bantuan latihan, kewangan dan lain-lain kemudahan.

Penyertaan negara di Sukan Komanwel Melbourne tahun ini merupakan penyertaan ke-5, di mana pasukan boling padang yang terpilih untuk mewakili negara daalah berdasarkan kepada pencapaian mereka di Sukan SEA Manilla yang lepas di mana Pasukan Boling Padang telah berjaya menjadi juara di dalam acara Men's Tripe serta menunjukkan prestasi yang baik.

Kesempatan ini haruslah diambil serius oleh Padukan Boling Padang

Negara bagi membuktikan prestasi mereka di samping akan dapat menimba pengalaman semasa bersaing dengan pasukan atlet lawan dan akan dapat menyaingi mereka.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Persatuan Boling Padang Negara Brunei Darussalam di atas kegigihan dan sumbangan mereka ke atas atlet-atlet boling padang. Kejayaan mereka adalah patut dijadikan contoh kepada Persatuan-peratuan Sukan Kebangsaan yang lainnya agar akan dapat berusaha bagi meningkatkan mutu Sukan Negara di samping dapat memenuhi komitmen dan tanggungjawab masing-masing sebagai ahli

gabungan Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam yang semata-mata mahukan kemajuan Sukan Negara dapat dipertingkatkan di setiap masa.

Sehubungan dengan ini, saya juga memperingati kepada Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan yang menjadi Ahli Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam supaya akan dapat menjelaskan yuran gabungan persatuan masing-masing mengikut peraturan-peraturan yang terkandung dalam Perlembagaan Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam.

Kegagalan pihak persatuan menjelaskan yuran

berkenaan akan menyebabkan persatuan itu sendiri tidak lagi diiktiraf sebagai ahli gabungan dan tidak layak untuk mewakili negara bagi kejohanan-kejohanan sukan yang diiktiraf oleh International Olympic Committee (IOC).

Selain pada itu, persatuan-persatuan sukan kebangsaan adalah diingatkan untuk meneliti garis pandu bagi pemilihan atlet-atlet untuk mewakili negara ke sukan serantau dan antarabangsa. Pemilihan untuk mewakili negara ke sukan serantau dan antarabangsa hendaklah dibuat dengan mengadakan pertandingan di dalam negara, di samping peraturan-peraturan ke atas pemilihan

atlet-atlet ke sukan serantau dan antarabangsa yang berjalan dan berkuatkuasa pada ketika ini.

Akhirnya saya berseru kepada semua atlet-atlet negara supaya akan dapat meningkatkan dan menunjukkan perhatian kepada latihan-latihan mereka supaya akan dapat mencapai kejayaan di masa akan datang.

Dan kepada atlet-atlet pasukan boling padang, saya ingin mengucapkan selamat bertanding dan moga berjaya di dalam perlawanan mereka.

Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan di Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen negara ke Sukan Komanwel Melbourne, Australia pada hari Sabtu 18 Februari 2006.

Ketua Turus Udara Pakistan terima Anugerah Juruterbang Kehormat

GADONG, Jumaat, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menganugerahkan Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei kepada Ketua Turus Udara, Angkatan Udara Pakistan, Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI.

Majlis Penyampaian Lencana Juruterbang Kehormat itu telah disempurnakan pagi tadi

oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di Markas Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di sini.

Sebelum itu Ketua Marsyal Udara Kaleem Saadat, NI menerima tabik kehormatan dan memeriksa perbarian kawalan kehormatan terdiri daripada anggota ABDB.

Penganugerahan Lencana Juruterbang Kehormat tersebut adalah bagi pengiktirafan khidmat dan jasa bakti serta sumbangan beliau dalam memperkukuhkan hubungan di antara TUDB dan Tentera Udara Pakistan.

Hadir menyaksikan penyampaian lencana itu ialah Pemerintah TUDB, Kolonel (U) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua pihak.



Dari muka 1

Menteri Tenaga menekankan tanggapan kebanyakannya agensi kerajaan yang masih beranggapan bahawa untuk mendapatkan maklumat adalah tanggungjawab agensi-agensi berita dan wartawan itu haruslah diubah.

"Agensi-agensi kerajaan hendaklah lebih giat atau lebih muncul yakni 'more forthcoming' dalam berhubung dengan pihak media," saran Menteri Tenaga.

Justeru sebagai sumber utama kepada maklumat-maklumat dalam kerajaan, agensi-agensi berkenaan perlu menggunakan media massa sebagai penghubung

dalam menyalurkan maklumat dan memberi penerangan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menekankan perkara tersebut di Majlis sambutan Jubli Emas PELITA BRUNEI yang berlangsung di Jabatan Penerangan di sini.

Dalam hubungan ini pegawai-pegawai kerajaan diingatkan supaya sentiasa memberi respons dan kerjasama sebaik mungkin kepada pihak media agar penyebaran berita, maklumat dan sebagainya berjalan lancar serta menepati sasaran kerana peranan ini sangat penting bukan saja dalam penyebaran berita tetapi juga dalam memantapkan lagi perhubungan awam dan

meningkatkan imej kerajaan.

Yang Berhormat yakin dengan adanya hubungan dan kerjasama dengan pihak media akan mewujudkan suasana mesra media dan ini akan dapat dipertingkatkan. Banyak masalah khususnya yang berhubung kait dengan ketepatan pemberitaan dan liputan akan dapat diatasi dengan dengan demikian imej kerajaan, imej pemimpin akan lebih terangkat.

Menyentuh mengenai lahirnya PELITA BRUNEI lima puluh tahun lalu Yang Berhormat menerangkan bahawa sahaja merupakan bermulanya sejarah percetakan di negara ini tetapi juga sebagai bukti betapa kerajaan dari awal lagi telah menyedari pentingnya hubungan baik antara kerajaan dengan

rakyat dalam usaha untuk sama-sama membangun negara.

Peranan yang dimainkan oleh PELITA BRUNEI pada awal kelahirannya menurut Menteri Tenaga ialah untuk memberi maklumat kepada penduduk dan rakyat di negara ini tentang apa jua usaha kerajaan.

Tambah Yang Berhormat lagi perkongsian maklumat ini lebih mudah di kenali sebagai salah satu dari ciri-ciri ketelusan kerajaan di mana melalui proses tersebut rakyat bukan saja akan menjadi rakyat yang bermaklumat tetapi juga akan menyedari tugas dan tanggungjawab mereka dalam sama-sama menaani hasrat murni negara.

Dari tugas yang berbentuk 'simple' itu, jelas

Menteri Tenaga, PELITA BRUNEI pada masa kini menghadapi tugas dan tanggungjawab yang jauh lebih mencabar dan ke arah itu PELITA BRUNEI harus memainkan peranannya dengan lebih agresif supaya tidak hanya menumpukan hasil terbitan mereka kepada perkongsian maklumat tetapi juga kepada pemberian informasi yang relevan dengan isu-isu hal ehwal semasa.

"Ini bermakna cara penulisan dan format akhbar PELITA BRUNEI hendaklah kreatif, mudah difahami dan dapat menarik perhatian orang ramai," jelas Yang Berhormat.

PELITA BRUNEI diterbitkan setiap hari Rabu dari 15 Februari 1956 merupakan terbitan yang pertama secara stensil.

KEMASYARAKATAN & SOSIAL

Pengamatan dari kerasukan boleh mendatangkan fitnah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Pengamatan dari kerasukan boleh mendatangkan mudarat dan fitnah kepada seseorang individu manusia yang terlibat sama ada secara langsung dirasuk atau dalam bentuk sihir yang mendapat kesan daripada gangguan-gangguan umpama ini untuk tujuan-tujuan keuntungan, dendam, kejahatan dan sebagainya di mana kesemua aktiviti tersebut merupakan perbuatan yang menyalahi dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi berkata demikian di Majlis Pelancaran Buku

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn

Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya hasil tulisan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan yang berlangsung di Darul-Ilfa Jabatan Mufti Kerajaan di sini.

Yang Berhormat menekankan bahawa jika kegiatan atau perbuatan penyalahgunaan ilmu kepada umum dan diamalkan, ini boleh menyalahi undang-undang di bawah Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi yang membolehkan pembawa

atau pengamal rawatan seumpama itu didakwa di bawah akta tersebut, lebih-lebih lagi yang sudah difatwakan oleh Mufti Kerajaan.

Buku tersebut mengandungi amalan dan cara yang pernah digunakan untuk menolak kejahatan makhluk perasuk sebagai ikhtiar melepaskan diri daripada dijajah oleh makhluk terkutuk itu.

Amalan-amalan tersebut termasuklah cara bagaimana menjaga diri daripada gangguan atau rasukan supaya selamanya tidak akan diganggu bagi mereka yang belum pernah

diganggu dan menolaknya daripada terus diganggu berulang kali bagi mereka yang pernah diganggu.

Cara ataupun kaedah Islam yang betul atau yang disebut sebagai 'warid' daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat-sahabat Baginda serta amalan-amalan ulama salaf dan khususnya ayat-ayat Al-Quran perlulah diketahui oleh umat Islam.

Sehubungan itu buku tersebut merupakan bacaan yang benar bagi setiap institusi seperti sekolah-sekolah, masjid-masjid, perpustakaan-perpustakaan awam dan juga bagi setiap



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bersama para jemputan semasa menghadiri Majlis Pelancaran Buku Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

keluarga kerana ianya dapat memberi maklumat dan ilmu yang betul mengenai pemahaman dan perspektif manusia terhadap makhluk halus, jin

dan syaitan dan juga kaedah menangani gangguan mereka.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan juga menjelaskan mengenai isi kandungan yang terdapat dalam buku tersebut.

Peristiwa hijrah mempunyai banyak rahsia

BERAKAS, Jumaat, 10 Februari. - Isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah berkata, pengertian hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai banyak rahsia yang perlu diketahui kerana ianya akan berlaku dalam kehidupan dan memberikan banyak rahsia serta kebaikan jika ia benar-benar memahaminya.

Ke arah itu, jelasnya, jannah pula penghijrahan sendiri itu dilihat dari pandangan yang sempit, namun hakikatnya harus dilihat dari sudut dengan lebih mendalam atau lebih luas serta diikhtisarkan sebagai pedoman dan dipandang menjani kehidupan sehari-hari.

Perkara tersebut dinyatakan semasa Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 di Dewan Serbaguna Jabatan Perkhidmatan Bomba anjuran Biro Wanita Mukim Berakas dan isteri Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampong Daerah Brunei dan Muara.

Datin Paduka seterusnya menjelaskan, penghijrahan terhadap penghijrahan Rasulullah tidak akan memadai dengan hanya mengikut majlis seumpama itu tanpa adanya kesedaran untuk meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wataala atau tidak sanggup berkorban di jalan-Nya.

Menyentuh mengenai peranan isteri penghijrahan dan ketua-ketua kampong yang sebelum ini hanyalah selaku isteri atau pengurus rumah tangga sahaja namun pada hari ini, Datin Paduka, mereka telah bergerak ke hadapan dan turut sama memainkan peranan yang sangat penting sebagai pemimpin masyarakat akar umbi dalam sama-sama membantu suami dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan di mukim dan kampong masing-masing.

Beliau yakin dengan adanya majlis hari itu, akan memberikan semangat baru bagi isteri penghijrahan dan ketua-ketua kampong untuk terus bersikap lebih ter-

buka dan terus melibatkan diri secara lebih aktif dalam merancang pelbagai aktiviti yang berkebakikan.

"Peranan abis kita secara ikhlas dan sukarela seperti yang abiskita tunjukkan pada hari ini adalah merupakan satu pengorbanan yang sungguh tinggi nilainya daripada pandangan masyarakat terutama dalam usaha abis kita bagi sama-sama memartabatkan kedatangan awal Muharam," jelas Datin Paduka.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diikuti persembahan nasyid oleh Majlis Perundingan Mukim Berakas 'A' dan diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah Pusat Da'wah Islamiyah.



DATIN Paduka Dayang Hajah Salmah berucap di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah anjuran Biro Wanita Mukim Berakas 'A'.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah (atas), manakala gambar bawah salah satu persembahan sempena sambutan tersebut. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



Jerayawara kefahaman kesihatan pegawai, kakitangan KHEDN

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 8 Februari. - Dalam usaha meningkatkan kefahaman kepada orang ramai mengenai peranan dan fungsi Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan dan Perkhidmatan Pusat-pusat Kesihatan serta Taklimat Penyakit Selesema Burung dan Pandemik Influenza, Kementerian dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan jerayawara selama dua hari bermula hari ini di Dewan Serbaguna Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini.

Jerayawara tersebut disertai kira-kira 400 orang terdiri pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah KHEDN dan merupakan kali yang kelapan.

Menurut taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Bahagian Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Dr. Mohammad Ady Adillah menerangkan bahawa bahagiannya mencatat peningkatan bagi rujukan pesakit setiap tahun.

Katanya, sejak tahun 2004 Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS mencatat menerima rujukan lebih 76,000 pesakit dan jumlah tersebut terus meningkat setiap tahun di mana jumlah tahun lalu melebihi 87,000 pesakit.

Jabatan Kemalangan dan

Kecemasan di hospital disediakan untuk menangani keadaan-keadaan kecemasan dan pesakit yang benar-benar dalam keadaan cemas akan diberi perhatian segera, manakala pesakit yang tidak terat akan dirawat kemudian.

Antara perkhidmatan kecemasan ialah cedera parah akibat kemalangan atau jatuh, tidak atau kurang sedarkan diri, tulang patah atau terluhi dan pendarahan yang tidak terkawal.

Sementara taklimat sebelum petangnya akan menyentuh mengenai penyakit Selesema Burung dan Pandemik Influenza yang disampaikan oleh wakil Jabatan Perkhid-



TAKLIMAT mengenai peranan dan fungsi Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan disampaikan semasa jerayawara. Foto: Ramli Tengah.

matan Kesihatan.

Juga diadakan semasa jerayawara tersebut ialah aktiviti pemeriksaan kesihatan, latihan pertolongan cemas, pemeriksaan BMI, pemeriksaan darah, taklimat kanser pangkal rahim, demonstrasi mengenai pemeriksaan sendiri payudara serta pameran-pameran kesihatan bagi pegawai serta kakitangan KHEDN.

Bantuan wang zakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Februari. - Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat Negara Brunei Darussalam hari ini menyerahkan bantuan berbentuk perahu, enjin dan peralatan menangkap ikan kepada penerima fakir miskin, Pengiran Haji Osman bin Pengiran Haji Aman.

Bantuan yang berjumlah \$13,037.00 tersebut diserahkan oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Haji Bahrom yang berlangsung di rumah Ketua Kampong Pengiran Bendahara Lama, Awang Haji Abd. Hamid.

Dari jumlah wang tersebut sebanyak \$12,480.00 adalah bagi membeli perahu dan enjin dan \$557.00 bagi membeli peralatan menangkap ikan.

Bantuan tersebut merupakan salah satu hasrat Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat dalam mempelbagaikan bantuan iaitu dengan melaksanakan program-program pengagihan kumpulan wang zakat kepada mereka yang berhak menerimanya dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup.

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

Majlis tersebut diselenggarakan dengan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 dan disertai dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiyah.

Antara yang disentuh dalam ceramah yang disampaikan

oleh Drs. Haji Ismuhadi itu termasuklah pandangan beliau mengenai pengajaran yang boleh diperolehi menerusi peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu hijrah sebagai suatu perubahan dan peningkatan iman.



SETIAUSAHA Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Haji Bahrom menyampaikan sumbangan bantuan wang zakat kepada Pg. Haji Osman bin Pg. Haji Aman. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN DYTm KE-32



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan mengaminkan doa ketika berangkat ke Majlis Santap Petang Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-32 berlangsung di Mes Pegawai Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) di Muara.



KEBERANGKATAN DYTm dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan memotong kek ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Ke-32 (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan merakamkan gambar kenangan bersama para pegawai kanan ABDB di Markas TLDB (bawah).



OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn
FOTO : HARUN HAJI RASHID
PG. RAFAE PG. DATO PADUKA HAJI METASSIM

MUARA, Jumaat, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-32.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di Mes Pegawai Markas Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) di sini dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof serta Setiausaha Tetap dan Tim-

balan-timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis petang itu disembahkan oleh ABDB dan pada tahun ini ianya dikendalikan oleh TLDB di Muara.

Pada majlis itu DYTm berkenan memotong kek ulang tahun Hari Keputeraan Ke-32, seterusnya berkenan menerima pasambah yang disembahkan oleh Pemerintah ABDB.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesukuan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYTm dibacakan oleh Pemangku Pegawai Agama Kanan, Kementerian Pertahanan, Awang Haji Roslan bin Haji Sulaiman.

DYTm diputerakan pada 17 Februari 1974 di Istana Darul Hana dan DYTm dikurniakan pangkat Jeneral ABDB semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-

tan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kementerian Pertahanan dan ABDB pada 25 Mac 2004.

Pengurniaan pangkat tersebut merupakan detik bersejarah yang amat penting bagi ABDB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTm dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah dan seterusnya beramah mesra bersama para pegawai ABDB serta isteri masing-masing.

Kemudian, DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung untuk bergambar ramai bersama para pegawai kanan ABDB, seterusnya berkenan menandatangani lembaran Sijil Keberangkatan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Ke-32.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menandatangani buku keberangkatan di Markas TLDB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan ABDB.

DYTM dan YTM berangkat ke Malam Gala



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berangkat ke Malam Gala Tahunan Kelab Bola Sepak DPMM 2006. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



DYTM berkenan menerima pesambah daripada Naib Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (atas).

DYTM menyempurnakan anugerah Perkhidmatan Lama I kepada Awang Mohd. Ali bin Haji Momin (kiri).

PARA pemain Kelab Bola Sepak DPMM menjunjung ziarah ke hadapan majlis DYTM dan YTM (kanan).



DYTM dan YTM berkenan menerima junjung ziarah pemain-pemain Kelab Bola Sepak DPMM.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Februari.
- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman berangkat ke Malam Gala Tahunan Kelab Bola Sepak DPMM 2006.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di Empire Theatre, Empire Hotel and Country Club telah dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Naib Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM dan ahli-ahli kelab berkenaan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sejurus kemudian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi menyempurnakan upacara memotong kek sempena Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Ke-32 tahun.

KEBERANGKATAN DYTM dan YTM dijunjung oleh YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (kanan).

LIPUTAN SAMLE HAJI JAIT

samle.jait@information.gov.bn

FOTO: HARUN HAJI RASHID

dan seterusnya berkenan menerima pesambah daripada Naib Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah daripada Sri Sentosa Sendirian Berhad, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Maju Motor Sendirian Berhad, Syarikat Pemasaran Brunei Shell, Kumpulan DST dan Hotel Riverview.

Majlis malam tersebut

diteruskan dengan penganugerahan pemain terbaik skuad Kelab Bola Sepak DPMM tahun 2005 kepada penjaga gawang kelab berkenaan, Pengiran Hamzah bin Pengiran Haji Abdul Rahman, sementara Awang Mohd. Ali bin Haji Momin dan Awang Mohd. Helmi Panjang, masing-masing menerima anugerah Perkhidmatan Lama.

Majlis penganugerahan telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia yang juga selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM.

Duli Yang Teramat

Mulia seterusnya menyempurnakan penyampaian trofi penghargaan kepada penaja-penaja kelab berkenaan yang terdiri daripada Sri Sentosa Sendirian Berhad, Mitsubishi Corporation, Kumpulan DST, RBA, Syarikat Pasaran Brunei Shell dan Hotel Riverview.

Kelab Bola Sepak DPMM yang ditubuhkan pada tahun 2000 merupakan juara Liga dan Piala FA tahun 2004, menjuarai Piala Jemputan Brunei 2003 dan telah menyertai dalam Kejohanan Juara-juara Kelab Asia 2002.

Ketika ini, kelab berkenaan menyertai Kejohanan Liga Perdana Malaysia dan di tempatkan dalam Kumpulan A.



DYTM menyempurnakan anugerah Perkhidmatan Lama II kepada Awang Mohd. Helmi Panjang.

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR
bolhassan.bakar@information.gov.bn

SISTEM jalan raya yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari Jalan Residency melalui Kampong Pintu Malim/ Sungai Lampai dan melintasi kampung-kampung sepanjang Jalan Kota Batu hingga ke jalan pusing keliling Mukim Mentiri perlu dinaikkan tarafnya.

Perkara tersebut di-

suarkan oleh penduduk sekitar kampung-kampung di Mukim Kota Batu memandangkan jumlah kenderaan yang menggunakan jalan raya itu kian bertambah setiap hari.

Seperti mana yang kita sedia maklum kepesatan pembangunan infrastruktur prasarana terutama dalam bidang perhubungan jalan raya di negara ini sememangnya telah

Jalan raya di sekitar kampung Mukim Kota Batu perlu dinaikkan taraf

memberi keselesaan dan keselamatan para pengguna.

Selain itu para penduduk kampung di mukim tersebut terutama Kampong Pintu Malim/ Sungai Lampai yang letaknya hanya satu kilometer dari ibu negara, Bandar Seri Begawan menggesa pihak yang berkenaan agar membina Pusat Pembuangan Sampah (Centre Bin).

Dengan keramaian penduduknya lebih 300 orang Kampong Pintu Malim/ Sungai Lampai

merupakan salah sebuah kampung di bawah Mukim Kota Batu telah berkembang pesat dengan pelbagai kemudahan infrastruktur disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antaranya sebuah sekolah rendah dan sebuah masjid.

Masjid Kampong Pintu

Malim telah dibina pada 28 September 1995 dan siap pembinaannya pada 28 Mac 1997 dengan menelan belanja lebih \$4 juta di atas keluasan tanah kira-kira 0.5 hektar.

Antara kemudahan yang terdapat di masjid yang boleh menampung seramai seribu orang jemaah itu ialah ruang ibadat bagi jemaah lelaki dan perempuan, sebuah perpustakaan dan bilik persidangan.

takaan dan bilik persidangan.

Menurut Pemangku Ketua Kampong Pintu Malim/ Sungai Lampai, Awang Haji Damit bin Haji Laidin kampung yang mempunyai keluasan kira-kira lima kilometer persegi dan terdapat sebanyak 43 buah rumah itu turut menerima kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, jeti,

bekalan elektrik, air dan telefon yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Kampong Pintu Malim/ Sungai Lampai telah dimasukkan ke dalam Mukim Kota Batu pada 15 September 2002 yang mana dulunya kampung berkenaan adalah di bawah pentadbiran Mukim Sungai Kianggeh.



ANTARA kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah sebuah sekolah rendah dan masjid (atas kiri dan kanan).
Foto : Pengiran Ibtisam Pengiran Haji Hidup.

MELIRIK MASA SILAM

Haji Ahmad Arshad menulis ...

GAUK DI SEKOLAH GAUK DI RUMAH

SELALU sahaja kita dengar tentang 'perangai' yang boleh memudaratkan orang lain. Akhirnya ini ia sering berlaku di kalangan kanak-kanak dan sasaran terhadap kanak-kanak juga ada-ada sahaja yang disiarkan dalam media massa. Sekolah juga tidak terkecuali daripada dibabit-babitkan sama. Demikian juga halnya dengan 'rumah' yang sepatutnya menjadi Syurga kehidupan setiap insan.

Bila kita memikirkan bahawa institusi-institusi pendidikan baik di peringkat rendah, menengah, universiti, teknikal dan vokasional dan yang seumpamanya sama ada yang dipunyai oleh kerajaan mahupun swasta, adalah tempat yang paling selamat lagi sempurna untuk anak cucu kita itu dan dengan sendirinya kepercayaan kita sebagai orang tua akan pastinya akan disandarkan ke atasnya.

Kebimbangan, kadang-kadang, bagi kebanyakan diri kita, kita rasakan seperti tidak ada sebabnya yang kepercayaan itu tidak boleh disandarkan kepada institusi-institusi yang demikian itu. Ertinya, ramai di antara kita berkeyakinan pe-

nah yang kesempurnaan anak cucu kita itu tidaklah perlu untuk diingaukan sangat.

Kalangan kebanyakan kita juga ada yang lebih berkeyakinan malah sepenuhnya yakin bahawa institusi-institusi pendidikan itu adalah tempat yang tertinggi dan terbaik berbanding dengan 'rumah' dalam soal pembangunan anak cucu kita itu secara yang lebih teratur dan menjamin kesempurnaan. Sebab itu sekolah akan dianggap melebihi daripada ibubapa, malah melebihi kuasa 'rumah' untuk membentuk serba kebaikan anak cucu mereka.

Persepsi di atas itu tidak setakat andaian sahaja, malah lebih besar daripada itu kerana keyakinan terhadap pendidikan adalah sangat vital dan ketergantungannya terhadap kesejahteraan dan kesentosaan itu tidak mesti untuk negara semata-mata tetapi yang tidak kurang pentingnya bahkan lebih afdal ialah terhadap kehidupan atau menerajui hidup yang lengkap kesempurnaan dan tidak dibimbangi pada sudut keracunan suasana dan sekitarnya.

Apabila setiap indi-

vidu terbentuk dengan kukuhnya dan terbina di atas kesempurnaan suasana, maka kesempurnaan itu akan dapat diakarumbikan dalam setiap keturunannya apabila semuanya sudah menjadi budaya yang sukar dimasuki dan diganggu gugat oleh budaya-budaya yang terasing daripada yang sentiasa berkecimpung dalam kehidupannya.

Bunyiya mungkin amat murni dan mungkin juga dianggap mustahil untuk mencapai kesempurnaan dan kesentosaan yang demikian itu. Ia mungkin dianggap semakin mustahil lagi apabila ia dikait-kaitkan dengan disiplin-disiplin lain pada sudut kejadian seseorang yang tidak mesti sama sedangkan darah yang berwarna merah itu tidak mesti sesuai pada semua kerana biarpun ia sama-sama berwarna merah, namun ia mempunyai kumpulan-kumpulan yang khusus.

Ia tidak boleh dimasukkan sesuka hati dan tidak boleh dicampur-campurkan hanya dikeranakan warnanya sama merah itu. Ia

juga tidak boleh dikendalikan sesuka hati oleh semua orang melainkan hanya oleh mereka yang pakar sahaja yang ilmunya di situ. Kalau ilmunya bukan di situ, maka kesudahannya akan tidak menjadi yang semestinya, malah porak-peranda.

Yang kita sebutkan di atas itu juga adalah sematamata hanya sebagai 'umpamanya' sahaja. Semua itu adalah merupakan antara cara orang-orang di masa silam itu memikirkan tentang sekolah dan pentingnya bersekolah serta 'kedudukan dan kuasa' bagi setiap orang atau anak-anak yang bersekolah. Setelah habis bersekolah maka mereka akan dianggap atau digelar sebagai 'orang-orang yang pandai'.

Mereka akan selalu dipanggil untuk disuruh-suruh membuat kerja-kerja yang sesuai untuk dilakukan oleh 'orang-orang yang pandai' itu seperti menuliskan surat, membacakan surat, mengisikan borang-borang dan lain-lain lagi.

Mungkin juga bahawa mereka yang sudah pandai

itu dijadikan sebagai 'tukang tulis' terhadap apa sahaja yang dikehendaki oleh datuk nenek mereka yang berhajat itu. Lalu tidak juga mustahil kalau ia berlaku terhadap banyak artifak-artifak tulisan tangan yang silam itu dilakukan oleh 'tukang-tukang tulis' itu yang mencatat atau menulis dari apa yang dicakapkan, disyairkan, ditambangkan, didundangkan, dilagukan, didiang-dangankan, kerana adakah yang pandai bersyair itu, misalnya, juga pandai menulis? dan mengapa banyak karya-karya silam yang demikian itu dikatakan tidak ada nama penulisnya.

Maka dengan yang demikian itu, fikiran orang terhadap intitusi sekolah itu adalah tetap dengan serba kemurniannya dan ia akan menjadi perkara yang sukar untuk menukar persepsi itu menjadi perkara yang lain biarpun kaitannya itu tetap ada seperti penekanan terhadap tang-

gungjawab ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka terutamanya di rumah.

Perkara begini selalu menjadi perbualan yang tidak pernah ada penyudahannya, apa lagi kalau berlaku sesuatu yang negatif dan yang seperti mahu disalahkan adalah ibu bapa. Akan lebih teruk lagi bila ia ditokok tambah lagi dengan latar belakang keluarga yang tidak patut-patut dijadikan alasan seperti yang hidup susah, dipandang jijik dan tidak punya apa-apa tetapi 'masih tetap malu' untuk meminta-minta.

Maka daya dan upaya macam-manakah yang dapat dilakukan oleh mereka dalam mengharungi hidup ini. Yang bertuah akan timbul tuahnya, sementara yang sebaliknya akan terus berlutut dengan harapan dan pasrah atas kehendak Allah yang mengaturkan segalanya.

Akan tetapi, mungkin banyak orang lupa bahawa kiranya ada anak-anak mereka yang susah itu mendapat peluang dan kena dengan laluan, lalu akhirnya mendapat kedudukan yang baik dan tidak berlaku kejahatan, maka orang akan berkata lain. Malah, batu-batan yang tidak berharga itu akan dikatakan umpama intan berlian.

Di sinilah yang selalu dikatakan sebagai peranan nasib. Di sini jugalah yang dikatakan betapa orang tua selalu menasihatkan supaya kita tidak memandang rendah orang lain selagi kitani sama-sama dijadikan itu.

Dengan demikian, gaik di sekolah, gaik di rumah itu adalah dua hal yang berbeza. Sedangkan kegaukan itu pula masih berbeza-beza dan cara menyalingannya juga banyak bergantung kepada keadaan anak-anak itu sendiri yang perlu kepada pemerhatian yang teliti. Inilah yang menyebabkan ada antaranya yang merasa 'kelakuan' menanganinya dan akibatnya kegaukan itu tidak akan ada akhirnya.

Ditambah lagi kiranya ada pihak yang tidak mahu mengakui kebenaran dan sentiasa menganggap pihaknya yang benar.

Dalam pada itu, tidak kurang pula yang hanya bergantung kepada keadaan sambil mengharap akan ada perubahan yang positif apabila umur anak-anak itu meningkat nanti.

Sekianlah sekadar yang tercatat sahaja.

KESIHATAN

Pelbagai kegiatan sambut Hari Kesihatan Mental Sedunia

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu 28 Januari. - Jabatan Psikiatri Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada Oktober nanti akan mengadakan pelbagai kegiatan antaranya jerayawara, pemeriksaan, kaunseling dan tayangan video bagi latihan relaksasi untuk merayakan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia nanti.

Dengan cara ini orang ramai di negara ini akan lebih memahami yang pe-

sakit mental jika mendapat rawatan dari mula boleh sembuh dan meneruskan kegiatan sama seperti orang biasa.

Sejak tahun 1984 terdapat hampir 5,000 orang pesakit mental di negara yang berdaftar dengan Jabatan Psikiatri di ibu negara namun kini hanya 2,500 orang yang masih aktif sebagai pesakit yang terus mendapatkan rawatan dan bimbingan.

Tahun lalu seramai 229 orang didaftarkan manakala pada tahun 2004 hanya 200 orang dan pada 2003 lalu terdapat 219 orang di mana mereka ini merupakan pesakit lama yang mendapatkan rawatan secara keluar-masuk.

Walaupun dari jumlah pesakit agak bertambah ia bukan berarti penduduk negara ini mengalami gangguan mental malah ia mencerminkan yang orang ramai dewasa ini sedar yang masalah mental boleh dirawat dan disembuhkan.

Hal ini telah didedahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Kalsom Abd Latif dan Ketua Pentadbir Jabatan Psikiatri yang juga Pakar Psikiatri, Profesor Ramli Hassan ketika Taklimat Media petang tadi di Kementerian Kesihatan di sini.

Selain itu menurutnya, Pusat Jagaan Harian Psikiatri Kiarong juga akan dibuka kepada orang ramai di mana ia berfungsi sebagai pusat pemulihan yang membantu para pesakit mental yang kronik supaya dapat berfungsi se-

berapa yang boleh walaupun tidak sepenuhnya.

Jelasnya, satu lagi unit baru yang ditubuhkan pada Januari 2005 lalu ialah Unit Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja yang diketuai oleh Pakar Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja, Profesor Abang Bennet Abang Taha yang memberi rawatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Sekarang tambahnya, sudah terdapat pesakit mental di kalangan kanak-kanak dan remaja disebabkan oleh tekanan perasaan yang depressi kuat dan jika dirawat dengan awal boleh mengurangkan masalah mental.

Profesor Ramli berkata, sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia dianjurkan oleh Kesatuan Kesihatan Mental Sedunia yang diadakan pada setiap 10 Oktober dan tahun ini sambutan bertepatan 'Kesihatan Mental dan Fizikal Sepanjang Hayat'.

Beliau seterusnya menjelaskan tujuan utama sambutan ialah menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat umum tentang pentingnya menjaga kesihatan mental dan rawatan awal bagi mereka yang mengalami gangguan mental.

Tambahnya, beberapa kegiatan telah pun diadakan pada Disember tahun lalu seperti bengkel kecemasan psikiatri dan aktiviti walkathon pada pertengahan Januari tahun ini selain kegiatan sampingan akan menyusul sepanjang tahun ini dan bulan Oktober nanti merupakan sambutan yang utama.



PARA peserta ketika menghadiri Jerayawara Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan dan Perkhidmatan Pusat Kesihatan. Foto: Haji Masmaleh bin Haji Mohd. Ali.

Bahagian Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS memberikan perkhidmatan 24 jam

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 25 Januari. - Bahagian Kemalangan dan Kecemasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) memberikan perkhidmatan secara berterusan 24 jam bagi kes-kes kecemasan dan kemalangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Pengiran Hashim berkata satu kaji selidik yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2004 telah mendapati sebilangan besar pesakit atau 75 peratus yang mendapatkan rawatan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan itu merupakan kes-kes yang tidak serius atau kes-kes penyakit ringan yang tidak memerlukan rawatan erta-merta malah kes-kes ini boleh ditangani di pusat-pusat kesihatan.

Beliau menjelaskan per-

kara itu sempena Jerayawara Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan dan Perkhidmatan Pusat Kesihatan anjuran bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Kementerian berkenaan di sini.

Melalui projek 'decentralisation', katanya, perkhidmatan pesakit luar telah dipindahkan daripada Hospital RIPAS ke pusat-pusat kesihatan di mana ketika ini terdapat 7 buah pusat kesihatan di Daerah Brunei dan Muara sebagai usaha Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan penjagaan kesihatan asasi di negara bagi kemudahan orang ramai.

Beliau berharap orang ramai akan mendapatkan rawatan di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan mudah dihubungi dan dikun-

jungi, di samping menjadi perkhidmatan yang lebih 'personalised' kepada pesakit.

Sementara itu, Pegawai Perubatan, Dr. Mohammad Ady Adillah berkata Bahagian Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan, memberikan perkhidmatan secara berterusan 24 jam bagi menangani pesakit-pesakit tenat dan yang terlibat dalam kemalangan dengan tujuan menyelamatkan nyawa dan mengurangkan penderitaan.

Katanya, jabatan berkenaan juga memberikan kemudahan bagi kes-kes kemalangan dan kecemasan dan kes-kes ringan yang bukan memerlukan rawatan segera.

Pada tahun 2004, jumlah pesakit yang datang ke Bahagian Kemalangan dan

Kecemasan ialah sebanyak 76 ribu berbanding seramai 39 ribu pada tahun 1996, sementara 87 ribu orang telah dilaporkan datang ke bahagian itu pada tahun 2005.

Jerayawara selama dua hari yang dihadiri lebih 300 pegawai dan kakitangan KKBS adalah untuk memberikan penerangan dan maklumat mengenai perkhidmatan yang terdapat di Bahagian Kecemasan dan Kemalangan dan di pusat-pusat kesihatan.

Sementara itu, penerangan dan maklumat diharapkan akan membantu orang ramai mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan mengambil manfaat perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perkhidmatan yang disediakan di Bahagian Kemalangan dan Kece-

masan Hospital RIPAS dan di pusat-pusat kesihatan.

Jerayawara itu merupakan kali ke enam dianjurkan selepas diadakan di Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Ceramah isu terkini iaitu seperti Penyakit Selesema Burung dan Pandemik Influenza dari pegawai dari Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, di samping taklimat mengenai kanser serviks dan kanser payudara serta tanjak cara pemeriksaan 'Breast Self Examination' juga menarik minat hadirin.

EKONOMI

BSP taja pelajar lanjutkan pengajian

OLEH DK. HJH. SAIDAH PG. HJ. OMARALLI saidah.omaralli@information.gov.bn

ERIA, Selasa, 7 Februari. Seramai 10 pelajar dari beberapa sekolah terpilih akan melanjutkan pengajian mereka dalam bidang Kejuruteraan Petroleum di Universiti New South Wales, Australia dibawah naungan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Pelajar berkenaan termasuk enam pelajar dari Maktab Sains Seri Paduka Megawati Sultan, seorang dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan dua dari Sekolah Tinggi 'Perempuan Raja Isteri STPRI'. Sehubungan itu mereka diraikan pada majlis perpisahan yang diadakan di Kelab Panaga di sini.

Pemangku Pengarah BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali menyatakan tahun ini BSP berharap akan dapat menaja lebih 17 pelajar yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang Geografi, Geologi, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan

Sivil, Kejuruteraan Struktural dan Instrumentasi.

Sebagai tambahan katanya BSP juga akan memberikan biasiswa kepada seorang pelajar untuk mendapatkan diploma hingga ijazah sarjana dalam kejuruteraan petroleum di universiti yang sama di Australia.

Beliau menambah biasiswa yang diberikan hanya sebagai permulaan dan akan ada banyak lagi ujian besar dihadapan terutama pendedahan baru ke pengajian tinggi kehidupan di kampus dan persekitaran baru dari segi kebudayaan dan sosial. Oleh itu beliau berharap pelajar-pelajar akan bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi bagi menghadapi semua itu.

Katanya lagi misi utama pelajar-pelajar adalah untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi dalam ijazah sarjana dan master. Dari itu tambahnya pihak syarikat

menaruh harapan tinggi kepada mereka begitu juga ibu bapa, ahli keluarga dan sahabat handai mereka.

Berdasarkan pengalaman lalu beberapa pelajar cemerlang gagal akibat terpengaruh dengan kegiatan

luar yang tidak menentu ketika belajar di luar negara. Oleh yang demikian beliau berharap pelajar-pelajar berkenaan akan menanamkan dalam minda mereka untuk berjaya dalam pelajaran.



PEMANGKU Pengarah BSP, Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali bergambar ramai bersama para pelajar yang akan melanjutkan pengajian di bawah biasiswa BSP. - Foto: Dk. Hjh. Saidah Pg. Haji Omaralli.

Kontrak bernilai \$100 juta dimeterai

LUMUT, Rabu, 8 Februari. - Syarikat Brunei LNG dan Syarikat Nuovo Pignone S.P.A telah menandatangani perjanjian kontrak bernilai lebih \$100 juta bagi Perkhidmatan Rawatan Pemeliharaan (CSA) ke atas gas turbin dan pemampatan secara pak.

Sehubungan itu majlis menandatangani perjanjian tersebut telah dilakukan oleh Pengarah Urusan Brunei LNG, Fred Smeenk manakala Nuovo Pignone S.P.A diwakili oleh eksekutifnya bagi Malaysia dan Brunei Darussalam, Pahmi Mokhtar. Majlis diadakan di Ibu Pejabat Brunei LNG di sini.

Perjanjian kontrak meliputi perkhidmatan rawatan jangka panjang bagi janakuasa loji gas cecair asli. Dibawah perjanjian tersebut Nuovo Pignone akan melaksanakan semua aktiviti yang diperlukan untuk jaminan keperluan

peralatan termasuk yang tidak terhad kepada rawatan yang berjadual atau sebaliknya, pengurusan alat ganti, pengawasan dan perkhidmatan kecemasan. Perjanjian akan berlanjutan selama 20 tahun.

Dalam menyokong komitmen Brunei LNG dalam mempromosi perkembangan usahawan-usahawan tempatan yang berterusan Nuovo Pignone akan menggunakan para usahawan tempatan bagi beberapa perkhidmatan khusus.



PERJANJIAN ditandatangani oleh Pengarah Urusan Brunei LNG Berhad, Fred Smeenk bagi pihak Brunei LNG sementara Nuovo Pignone S.P.A diwakili oleh eksekutifnya bagi Malaysia dan Brunei Darussalam, Pahmi Mokhtar. - Foto: Dk. Hjh. Saidah Pg. Haji Omaralli.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Bukit Shahbandar Brisk Walk dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas), sementara gambar bawah, baginda dengan diiringi oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad berangkat untuk memulakan aktiviti Brisk Walk.



KEBAWAH DYMM bersama para peserta memperlihatkan aksi menarik ketika melakukan senaman (atas kanan dan kanan).

KEBAWAH DYMM bersama YTM melakukan senaman tangan (kiri).

SUASANA sejuk dan tenang memberikan ketenangan kepada para peserta (bawah).



Keba serta Bris

JERUDONG, Ahad, 19 Februari
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Pertuan Negara Brunei Darussalam
berangkat menyertai Bukit Shahbandar
merupakan aktiviti berjalan pa

Berangkat sama ke acara ya
Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar
da, Yang Teramat Mulia Paduka
Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba baginda
Perindustrian dan Sumber-Sumber
Berhormat Pehin Orang Kaya

Setia Dr. Haji Awang Ahmad, Menteri
Kesihatan, Yang Teramat Mulia Paduka
Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia
Awang Suyoi, Menteri Perindustrian dan
Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli
Hamdillah serta Menteri Kesihatan,
Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli
Kaya Pekerma Indera Pahlawan Dato
Haji Awang Haza.

Sejurus berangkat, Sultan dan Yang
Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran
Darussalam turut melakukan senaman
regangan selama 10 minit.

Bukit Shahbandar, baginda bersama
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber
Kesihatan merestorasi acara Larian
Pertahanan pada 19 Februari.

BAGINDA begitu ceria selepas menamatkan perjalanan di Bukit Shahbandar (bawah).



h DYMM ktiviti alk

Lebih seribu orang termasuk Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan daripada 12 buah kementerian kerajaan menyertai acara tersebut.

Ia bertujuan bagi menggalakkan para pegawai dan kakitangan kerajaan yang berumur tidak kurang dari 45 tahun melakukan senaman dan menjadikannya sebagai amalan penjagaan kesihatan secara berterusan.

Acara berkenaan telah memberi peluang kepada semua peserta beriadah bersama seorang raja dan pemimpin yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk terutama yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan untuk semua.

Pihak penganjur juga berharap acara Brisk Walk sejauh 3.5 kilometer itu akan dapat memupuk semangat kerjasama dan muzakarah di antara pegawai kanan



LIPUTAN BOLHASSAN HAB
bolhassan.bakar@information.gov.bn
HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR
FOTO : MASRI OSMAN
PG. RAFAE PG. DATO PADUKA
HAJI METASSIM
DAN PG. IBNI PG HAJI HIDUP

kerajaan, di samping menguji ketahanan fizikal dan mental.

Sebelum berangkat balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah para peserta.

Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar merupakan sebuah taman rekreasi hutan di bawah pengawasan Jabatan Perhutanan yang semakin kerap dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara serta mereka yang gemar melakukan senaman riadah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama para peserta berjalan melalui kawasan di Bukit Shahbandar (atas), sementara gambar bawah, kelihatan para peserta yang menyertai perjalanan Brisk Walk berpusu-pusu mengalu-alukan ketibaan baginda selepas baginda menamatkan perjalanan.



SEBAHAGIAN aksi senaman yang dilakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan YTM bersama para peserta (kiri).



an taklimat mengenai tempat-tempat laluan yang akan dilalui semasa Brisk Walk.



BERSEMANGAT ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama para peserta yang menyertai aktiviti Brisk Walk melakukan senaman bera-mal-ramai sebagai pemanas badan di kawasan lapang di Bukit Shahbandar sebelum memulakan perjalanan.

HALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

LEBIH dahulu saya berterima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Ramah Mesra di antara Pengarah-pengarah dan Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan dengan para doktor yang mana juga memberi kesempatan bagi saya, Yang Dimuliakan Pehin Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Paduka Setiausaha Tetap dan juga pegawai kanan yang lainnya di Kementerian ini mengenal doktor-doktor kita dan semua pegawai kita yang lainnya dari dekat (up close and personal).

Saya rasa temu kenal ini bukanlah pertama kali diadakan, walaupun ianya dalam corak yang berlainan. Tetapi apa yang diharapkan ialah dalam suasana muhibah dan informal seperti pada petang ini, kita harap kemesraan yang terjalin tidak hanya di Dewan Songket, The Mall, tetapi juga di tempat-tempat di mana kita bekerja. Kerana selain daripada kita kenal mengenali antara satu sama lain, adalah juga diharapkan kita akan dapat memupuk 'respect', 'understanding', 'loyalty', 'trust' dan 'solidarity' di antara kita. Kesemua ini akan memudahkan pula kita bekerjasama bukan hanya untuk kesenangan kita bekerja dan berinteraksi sesama kita, tetapi yang lebih penting dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan yang kita berikan kepada pelanggan kita. Kita juga perlu memiliki sikap keterbukaan, sedia menerima idea-idea orang lain, ikhlas kepada rakan sekerja, 'ambitious' dan sebagainya, yang boleh melahirkan suasana kerja yang kondusif dan ceria.

Kerjaya sebagai doktor dan pakar, dan sebagai pekerja kesihatan umumnya, bukanlah mudah. Selain daripada perlu mempunyai tahap intelek yang tinggi, berpengetahuan dan berilmu, ketekunan dan komitmen yang seratus-peratus dan bertanggungjawab dan sebagainya, setiap yang bercita untuk menjadi doktor sewajarnya pula memiliki sifat-sifat 'compassion, loving and caring' yang tidak mengenal waktu dan masa. Yours is not 9 to 5 job that you can just leave after office hours. While your colleagues in other ministries can leave their work until the next day or forget their work for the weekend and play golf, you still have to think about your patients, wondering whether you still see them alive the next day, whether they have recovered or gone from bad to worse over the weekend.

Doktor juga sering berdepan dengan pesakit atau pelanggan. Tidak ada doktor yang memberi prognosis akan keadaan pesakitnya tanpa melihat pesakit itu sendiri. Ini memerlukan doktor untuk boleh berkomunikasi dengan baik supaya keadaan pesakit dapat difahami dan ini akan memberi keyakinan dan harapan kepada pesakit dan keluarganya. Doktor yang memberi rawatan setakat yang perlu sahaja tidak akan dapat memahami keadaan pesakit dan mungkin kurang berjaya dalam usahanya untuk menyembuhkan pesakit. Saya petik dari sebuah buku yang menyatakan and I quote 'health care, by its very nature, is a highly personal service. Our patients are expected to share their most intimate



UCAPAN Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, di Majlis Ramah Mesra Dengan Para Doktor bertempat di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel pada hari Jumaat, 4 Muharam 1427 bersamaan 3 Februari 2006.

secrets, often with complete strangers. Not only do we ask them personal details about bodily functions, lifestyle habits and mental status, we expect them to engage in these conversations openly and honestly while wearing nothing but a paper towel and socks.'

Perlu juga kita ingat bahawa dalam banyak keadaan, orang ramai berjumpa doktor kerana sesuatu yang tidak kena dengan mereka. Dan bila pesakit berada di hospital atau di pusat-pusat kesihatan, mereka selalunya dalam keadaan risau dan stress. Mereka memerlukan perhatian dan hanya doktor yang memiliki sifat 'compassion' dan 'caring' yang dapat memberi layanan yang memuaskan kepada mereka. Jelas pada kita, yang membezakan seorang doktor dengan doktor yang lain dan yang lebih dipandang oleh pesakit, ialah 'the human element' iaitu sejauh mana doktor itu dapat memahami dan melayan kehen-

duk/keimbangan atau kerisauan pesakit, sejauh mana doktor berkenaan ada 'connection' dengan mereka.

The standard and quality of care yang kita berikan membawa kesan yang ketara kepada 'perception of patients' ke atas para doktor 'that will lead them to speak positively or negatively about your medical practice'.

Mengikut satu kajian di Amerika Syarikat:

* It is 6 to 10 times more costly to attract a new customer than it is to retain an existing one.

* 96 % of your unhappy customers will never complain to you. They are, however, talking to friends, family, co-workers and others. According to the study, on average, a dissatisfied patient will tell approximately 20 others people.

* As many as 90% unhappy customers will

TINGKATKAN PRESTASI PERKHIDMATAN, KEPERCAYAAN ORANG RAMAI

quietly seek another provider without your even hearing from them.

* Satisfied patients will tell only 5 other people.

* When one patients complains to you, there are 15 others sitting silently behind him/her. In other words, only one in 15 will actually speak up.

This may not be the picture in Brunei but imagine the situation. Jika keyakinan masyarakat kepada perkhidmatan kita kurang, jika pesakit lebih cenderung untuk berubab di luar negeri, jika pesakit kita lebih yakin ia akan sembuh jika dirawat di Singapore General Hospital, Mount E, Institut Jantung Negara dan Gleneagles di Singapura atau Gleneagles JPMC, pada misalnya: jika ada sebilangan pesakit kita yang sanggup berbelanja sendiri untuk menerima rawatan di Kuala Lumpur, Singapura dan di Bangkok sedangkan doktor hospital kita boleh merawat penyakit yang sama.

What does it say about our healthcare system as a whole? Maybe we can dismiss the situations of people getting treatment outside Brunei as a common occurrence anywhere in the world. But we still have a lot to answer if people are not happy with our service, with our hospitals, health centres and clinics, but the majority have no choice but still patronise our hospitals,

etc. But the whole weight of gaining public confidence does not and should not rest on the shoulders of doctors alone. We all have a role in it - some even larger than we know.

Kita tidak dapat mengharap doktor-doktor membuat kerja dengan sesempurnanya jika peralatan bagi rawatan tidak dibekalkan dengan cukup; jika alat ganti bagi peralatan yang digunakan tidak ada; jika kita menghadapi masalah ubat yang tidak mencukupi; plaster, bandage, colostonic bag, gloves, gowns dan lain-lain medical sundries tidak ada or 'out-of-stock', have not arrived, suppliers do not supply on time or refuse to supply dan sebagainya.

Kesemua ini dengan mudah sahaja mengurangkan kepercayaan orang ramai ke atas kita. Dan semua kita di dalam majlis ini mempunyai peranan kita masing-masing untuk menaikkan prestasi perkhidmatan kita dan meningkatkan kepercayaan orang ramai kepada perkhidmatan kesihatan di negara ini - satu cabaran kepada kita semua, terutama para doktor yang sering berhadapan dengan pesakit.

Kita hanya akan berjaya dalam misi kita masing-masing dan dalam mendukung visi dan misi Kementerian Kesihatan jika kita bersatu there is no

'us and them' attitude, be kerjasama, sandar-menandar, tegur-mengutur demi kebaikan semua, tidak camah mata melihar sesuatu yang tidak betul atau yang tidak kena. Let us build a healthcare system that we all can be proud of, that is reliable dependant and that gives everyone the 'feel good' factor. Dari itu feedback dan input serta idea-idea/cadangan dari semua yang terlibat adalah dialu-alukan. You don't have to be Director or Head of Department before your voice can be heard. It should not be that way-you all have your contribution to make and we like to hear them.

Di samping itu kita juga berharap agar para doktor dan pekerja-pekerja kesihatan sekalian mengambil masa untuk melibatkan diri dengan kegiatan Kementerian Kesihatan sebagai ahli keluarga Kementerian Kesihatan, penglibatan semua memberi 'a sense of belonging' dan akan mengukuhkan lagi Kementerian dan memberi imej yang positif kepada Kementerian dan semua ahli keluarganya.

Sekian dahulu pandangan yang ingin saya sampaikan semoga ianya akan menjadi panduan kita semua dalam kita menjalankan tugas sehari-hari kita.

Sekian, Wabillahiit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Harley Davidson sudah ada penjualnya

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

LAMBAK, Jumaat, 3 Februari. - Penunggang dan peminat motosikal dari jenama Harley Davidson berasa lega apabila jenama

tersebut kini boleh diperolehi di negara ini melalui ejen yang ditentukan.

Harley Davidson Brunei (HDB) yang ber-

naung di bawah Sri Sentosa Sendirian Berhad bukan saja menjual barangan motosikal malah meliputi pelbagai barangan termasuk alat ganti, pakaian dan perkhidmatan.

Perasmian jenama tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dan berlangsung di kawasan Perindustrian Lambak Kanan di sini.

Menurut Pengurus HDB, Sri Sentosa Sendirian Berhad, Awang Jamal Hasim berkata rancangan untuk mendapatkan perniagaan menjadi pender Harley Davidson itu bermula sejak tiga tahun lalu dan pada pertengahan tahun lalu Sri Sentosa Sendirian Berhad dilantik menjadi pengimport dan pender motosikal jenis ini di negara ini.

Jelasnya hari ini, HDB

bolelah menentengahkan produk seperti motosikal, alat ganti dan barang dagangan pakaian.

"Harley Davidson Brunei di bawah Sri Sentosa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada pemilik motosikal Harley Davidson dan mengukuhkan pasaran jenama itu di antara peniaga motosikal di negara ini," jelas Awang Jamal.

Menurut salah seorang pengembara motosikal dari jenama ini, Awang Haji Abu Bakar berkata, Harley Davidson memang sudah terbilang dan masyhur di seluruh negara, di samping kini mudah untuk mendapatkan alat ganti.

Sebagai seorang yang suka mengembara bersama-sama pengembara luar negara, kebanyakan pengembara luar negara sering menggunakan motosikal dari jenama tersebut yang sememangnya sesuai untuk bersantai.

Taklimat Sijil Halal dan Label Halal 2005

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari - Negara Brunei Darussalam tidak lama lagi akan mengeluarkan Sijil Halal dan Label Halal ke atas makanan yang diproses, pengasingan tempat penyimpanan makanan dan tempat-tempat perniagaan seperti kedai-kedai makan.

Sehubungan dengan itu satu taklimat mengenai Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 telah diumumkan oleh Jabatan Majlis Ugama Islam yang berlangsung di Dewan Kuliah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah di sini.

Taklimat tersebut merupakan salah satu langkah memperkenalkan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi, di samping dihasratkan untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada pihak-pihak

yang terlibat secara langsung melalui pelaksanaan dan penguasaan perintah dan label halal 2005 tersebut.

Taklimat itu dibagikan kepada dua sesi itu turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan khususnya dari Kementerian Hal Ehwal

Ugama dan pihak-pihak yang mempunyai kaitan dengan pengeluaran sijil dan label berkenaan termasuk para pengusaha.

Taklimat disampaikan oleh wakil dari Unit Perundangan Islam, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan wakil Pejabat Peguam Negara.



TAKLIMAT disampaikan oleh wakil dari Unit Perundangan Islam, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pejabat Peguam Negara. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menyempurnakan perasmian Harley Davidson Brunei. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

AGAMA

Sambutan Tahun Baru Hijrah KHEDN

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 3 Februari. - Lebih 100 pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya hadir dalam Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1427 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa sini.

Majlis sambutan tersebut diserikan dengan ceramah khas oleh Ustaz Mohd. Adi Zaky bin Haji Iktusin.

Dalam ceramahnya beliau menjelaskan peristiwa hijrah yang membawa kepada tahun baru Islam dan menandakan peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Kota Madinah.

Hadir selaku tetamu



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan semasa hadir di Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1427 bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto: Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.

kehormat di majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan.

Majlis sambutan itu juga diserikan dengan persembahan nasyid dan tausiyah untuk memelihara lagi suasana sambutan Awal Tahun Baru

Hijrah 1427.

Majlis sambutan pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Hijrah dalam bentuk positif penting untuk negara

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, Jumaat, 3 Februari. - Dalam konteks bernegara, penghijrahan boleh dilakukan dengan meninggalkan perubahan-perubahan yang positif dan relevan mengikut peredaran masa lebih-lebih lagi dalam era globalisasi.

Walaupun bagaimanapun perubahan-perubahan tersebut hendaklah dibuat berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam dan nilai budaya ibunda sekali gus mengambil kira kepentingan negara dan bukannya berdasarkan kepentingan individu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agak bin Haji Ismail menjelaskan perkara itu di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan

di bawahnya yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) Rimba di sini.

Menurut Yang Mulia Dato Paduka, peristiwa hijrah tidak seharusnya dilihat, dinilai atau diperingati sebagai salah satu detik peristiwa dalam sejarah Islam tetapi ianya mempunyai mesej yang tersirat yang boleh membantu kita membuat dan melaksanakan yang konstruktif mendasari kelangsungan hidup kita dengan lebih bermakna secara umumnya.

Di samping itu juga, jelasnya pengajaran dan pengingatan peristiwa hijrah itu harus diguna pakai dan dihayati hingga hari ini baik berupa perubahan secara peribadi, kelompok, organisasi malah negara daripada satu takuk kepada satu takuk yang lebih baik lagi.

Majlis sambutan diserikan



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agak bin Haji Ismail. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

lagi dengan ceramah bertajuk 'Hijrah' yang disampaikan oleh Ustaz Haji Mail bin Awang Besar, Penceramah Pusat Da'wah Islamiah yang antara lain menyentuh mengenai peristiwa hijrah.

Sambutan awal tahun Hijrah pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

PENDIDIKAN

Imam Syafie mencintai ilmu

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Januari. - Usaha mengorak langkah untuk menuruti sebahagian perjalanan hidup Imam Syafie yang sentiasa mencintai ilmu melalui Seminar Antarabangsa Pemikiran Perundangan Al-Shafie boleh dijadikan saluran untuk menimba ilmu dan pemikiran yang baik mengenai ajaran Islam.

Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin berucap demikian di Majlis Penutup Seminar Antarabangsa Pemikiran Perundangan Al-Shafie anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang berlangsung di Dewan

Canselor UBD di sini.

Yang Dimuliakan berkata, seminar selama dua hari itu adalah satu mercu tanda perkembangan akademik UBD.

Yang Dimuliakan, menyanyung usaha UBD mengundang peserta dari institusi kerajaan, swasta dan individu menyertai seminar ini.

Institut di universiti pula, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sekarang mempunyai Jabatan Syariah dan Jabatan Penyelidikan Mazhab Syafie bagi menjalankan penyelidikan bagi mengem-

bangkan lagi pemikiran Mazhab Syafie di negara ini.

Kira-kira 100 peserta terdiri daripada ahli akademik, pegawai kerajaan, swasta dan guru serta para pelajar institusi pengajian tinggi mengikuti pembentukan kertas kerja pada seminar tersebut.

Sebanyak 11 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar itu yang membincangkan ketokohan Imam Syafie, di samping mengenali pemikiran perundangan beliau dalam menangani isu yang timbul khususnya, dalam dunia tanpa sempadan sekarang.



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin ketika berucap di Majlis Penutup Seminar Antarabangsa Pemikiran Perundangan Al-Shafie anjuran Universiti Brunei Darussalam. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Lima maktab dan sekolah menengah tampung penuntut tingkatan enam bawah

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Januari. - Sebanyak lima buah maktab dan sekolah menengah seluruh negara dipilih sebagai pusat pengajian tingkatan Enam Bawah bagi tahun 2006 dan 2007.

Maktab dan sekolah menengah tersebut ialah Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Sayidina Ali, Kuala Belait; Sekolah Menengah Sayidina Othman dan Pusat Pengajian Enam Berakas.

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Selain itu, katanya, para penuntut juga mesti mendapat kepujian (kredit) dalam Bahasa Melayu atau Pengetahuan Ugama Islam, sekurang-kurangnya lulus dalam Bahasa Inggeris di peringkat GCE 'O' dan memperoleh kepujian daripada empat mata pelajaran.

Beliau seterusnya berkata, syarat-syarat untuk kemasukan ke Tingkatan Menengah Empat, para pelajar mestilah lulus sekurang-kurangnya lima mata pelajaran dalam sekali peperiksaan sahaja termasuk memperoleh kepujian

dalam Bahasa Melayu atau Pengetahuan Ugama Islam, di samping lulus dalam Bahasa Inggeris yang merupakan mata pelajaran wajib.

Selepas itu majlis diikuti dengan sesi perjumpaan para ibu bapa bersama guru-guru yang mengajar mata pelajaran berkenaan bertujuan untuk mendapatkan penjelasan mengenai syarat-syarat kemasukan dan mata pelajaran yang diperlukan untuk memasuki ke Tingkatan Menengah Empat dan pengajian Tingkatan Enam Bawah selain mengenal pasti dan berbincang mengenai pencapaian serta kelemahan anak-anak mereka.

Beliau seterusnya berkata, syarat-syarat untuk kemasukan ke Tingkatan Menengah Empat, para pelajar mestilah lulus sekurang-kurangnya lima mata pelajaran dalam sekali peperiksaan sahaja termasuk memperoleh kepujian

dalam Bahasa Melayu atau Pengetahuan Ugama Islam, di samping lulus dalam Bahasa Inggeris yang merupakan mata pelajaran wajib.



IBU bapa dan penjaga mendengar taklimat mengenai kemasukan penuntut Tingkatan Enam Bawah di Dewan Sekolah Menengah SMJA. - Foto: Ramli Tengah.

Majlis Santap Petang Sempena Hari Keputeraan DYTm Ke-32

GADONG, Sabtu, 18 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Inspektor Jeneral Polis dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Ke-32.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di Mes Pegawai Polis dijunjung oleh Yang Dimuliakan Pehin

LIPUTAN SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn
FOTO: HARUN HAJI RASHID

Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin, Pesuruhjaya Polis dan Datin; Timbalan Pesuruhjaya Polis dan Datin; pengarah-pengarah serta timbalan-timbalan pengarah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita Diraja Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia mula-mula dijunjung bagi Majlis Ramah

Mesra bersama pegawai-pegawai dan isteri, seterusnya berkenan bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Polis dan Datin; Timbalan Pesuruhjaya Polis dan Datin; pengarah-pengarah serta timbalan-timbalan pengarah.

Kemudian, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek ulang tahun Hari Keputeraan, seterusnya berkenan menerima pesambah daripada pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis.

Duli Yang Teramat

Mulia dan Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung bagi Majlis Santap dan dimeriahkan lagi dengan iringan muzik quintet oleh Pancaragam PDB.

Di akhir majlis, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menandatangani 'signature slip', seterusnya berkenan menerima junjung ziarah anggota PDB.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis telah berkenan menganugerahkan pangkat Timbalan Inspektor Jeneral Polis kepada Duli Yang Teramat Mulia pada 5 Mei 2005.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani 'signature slip'.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia merakamkan gambar kenangan bersama pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga Timbalan Inspektor Jeneral Polis berkenan memotong kek Hari Keputeraan DYTm (atas).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima seimbak bunga di Mes Pegawai Polis (kiri).

DYTm beramah mesra bersama Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin dan pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (bawah).



BERANGKAT sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita Diraja Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (kiri).



ANGGOTA Pegawai-pegawai Polis Wanita semasa menjunjung ziarah ke hadapan majlis DYTm.

Pelancaran Jubli Emas PELITA BRUNEI 1956 - 2006

Media disaran amalkan sikap bertanggungjawab

BERAKAS, Sabtu, 18 Februari. - Media-media tempatan sama ada media kerajaan mahupun media swasta disaran supaya mengamalkan sikap bertanggungjawab dan beretik cintaan negara.

Dalam pada itu laporan berita yang diterbitkan haruslah adil dan benar dan bukannya diada-adakan sensasi kerana mahu-nan sensasi atau cita rasa yang tidak tentu.

Saranan tersebut dibuat oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya di Majlis Sambutan Jubli Emas PELITA BRUNEI yang diadakan di Jabatan Penerangan di sini.

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn
BOLHASSAN ABU BAKAR
bolhassan.bakar@information.gov.bn
FOTO: HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR

Pada masa yang sama, tegas Yang Berhormat, pihak media haruslah sentiasa mengambil berat tentang pentingnya laporan yang tepat yang bersandarkan kepada fakta yang nyata namun sebaliknya laporan-laporan yang tidak tepat boleh menimbulkan gambaran yang mengelirukan sekali gus mengganggu gugat suasana setempat termasuk pandangan orang ramai terhadap satu-satu isu tersebut.

Perkara ini, tekan Yang Berhormat, sudah tentu akan menimbulkan pelbagai gejala dan kesan sampingan, yang kurang sihat

bukan sahaja di negara ini malah juga di arena antarabangsa.

Menurut Menteri Tenaga, sebagai pemberi maklumat kepada orang ramai pihak media tidak sepatutnya memperjuangkan mana-mana dogma atau ideologi tetapi hendaklah benar-benar berfungsi, di samping harus tahu dan sedar bahawa sensasi bukanlah urusan media tetapi memberi maklumat dan menghibur secara positif.

Seperti negara-negara lain jelas Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam mempunyai undang-undang, tataamalan dan etika yang melindungi warganya dari perkara-perkara yang bercanggah dengan kepentingan awam dan keharmonian negara serta ini termasuklah pemberitaan dan tulisan yang berbentuk hasutan dan fitnah terutama sekali yang cuba menjatuhkan maruah seseorang atau sesuatu bangsa, kaum atau agama di samping agama Islam juga melarang aktiviti-aktiviti hasut-menghasut dan fitnah memfitnah tersebut.

Ke arah itu, Menteri Tenaga menyeru semua pihak yang berkenaan supaya berusaha memberikan maklumat dan penerangan kepada orang ramai

YANG Berhormat, semasa menekan punat sebagai simbol pelancaran bagi Sambutan Jubli Emas PELITA BRUNEI di Dewan Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan (kiri).



SEJURUS selepas menyampaikan ucapan, Logo Jubli Emas PELITA BRUNEI kemudian dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



PEMENANG Peraduan Mencipta Logo Jubli Emas PELITA BRUNEI, Pengiran Omarali bin Pengiran Mahari menerima hadiah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga.



PAMERAN mengenai penerbitan PELITA BRUNEI, perkembangan penerbitan sejak 50 tahun lalu dan peralatan-peralatan yang pernah digunakan adalah antara bahan yang dipamerkan.

agar sentiasa mengamalkan sikap peka akan keperluan bernegara yang aman selain mereka mestilah mengetahui akan undang-undang dan tataamalan yang berkuatkuasa.

'Media massa yang bertanggungjawab adalah satu

tanda kematangan masyarakat negara ini dalam usahanya untuk terus maju dan membangun', jelas Menteri Tenaga.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa dunia media dewasa ini sudah jauh ber-

ubah dan orang ramai di-banjiri dengan informasi melalui pelbagai medium di mana kebanyakan maklumat ini sudah tentu boleh menimbulkan pelbagai masalah terutama sekali dalam menentukan mana satu realiti dan yang diada-ada-

kan atau fiction.

Justeru dengan perubahan dan kecanggihan tersebut, Yang Berhormat mengingatkan pengamal media dan pemberi berita supaya meningkatkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan.



SEBAHAGIAN bekas Ketua Jabatan dan Pengarah-pengarah Jabatan Penerangan yang sama-sama hadir meluangkan masa di Majlis Pelancaran Jubli Emas PELITA BRUNEI di Dewan Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

WESKIPUN sudah bersara, mereka yang sebahagiannya adalah bekas warga PELITA BRUNEI sama-sama hadir memenuhi undangan memperingati 50 Tahun PELITA BRUNEI.

جوبلي امس قلیتا بروني 2006 - 1956

JUBLI EMAS PELITA BRUNEI 1956 - 2006

16 Muharam 1427 / 15 Februari 2006



Setinggi - Tinggi Penghargaan Kepada Para Penaja :



SUKAN

Persatuan sukan yang menjadi ahli BDNOC disaran menjelaskan yuran

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn

TERAKAS, Sabtu, 18 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersabda mengingatkan persatuan-persatuan sukan kebangsaan di negara ini yang menjadi ahli BDNOC supaya dapat menjelaskan yuran gabungan persatuan masing-masing mengikut peraturan yang terkandung dalam Perlembagaan Majlis Olimpik.

"Kegagalan persatuan menjelaskan yuran berkenaan akan menyebabkan persatuan itu sendiri tidak lagi diiktiraf sebagai ahli gabungan dan tidak layak

untuk mewakili negara bagi kejohanan-kejohanan sukan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC)," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Selain itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia juga mengingatkan persatuan-persatuan sukan kebangsaan untuk meneliti garis panduan bagi pemilihan atlet-atlet untuk mewakili negara ke sukan serantau dan antarabangsa.

"Pemilihan untuk mewakili negara ke sukan serantau dan antarabangsa hendaklah dibuat dengan mengadakan pertandingan di dalam negara, di samping peraturan-peraturan ke atas pemilihan atlet-atlet ke sukan serantau dan antara-

bangsa yang berjalan dan berkuat kuasa ketika ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika berkenan berangkat di Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada kontingen negara ke Sukan Komanwel Ke-18 Melbourne, Australia yang berlangsung di Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, penyertaan negara ke sukan ini merupakan yang kelima di mana pasukan boling padang terpilih untuk mewakili negara setelah berdasarkan kepada pencapaian mereka di Sukan SEA,

Manila lalu di mana pasukan itu telah berjaya menjadi juara di dalam acara Men's Triple serta menunjukkan prestasi yang baik.

"Kesempatan ini haruslah diambil serius oleh pasukan boling padang negara bagi membuktikan prestasi mereka, di samping akan dapat menimba pengalaman semasa bersaing dengan pasukan atlet lawan dan akan dapat menyaingi mereka," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda mengucapkan syabas kepada Persatuan Boling Padang Negara Brunei Darussalam di atas kegigihan dan sumbangan mereka ke atas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) mengurniakan bendera negara kepada Chef de Mission ke Sukan Komanwel Ke-18, Awang Japar bin Bangkol. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

atlet-atlet boling padang.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, kejayaan mereka adalah patut dijadikan contoh kepada persatuan-persatuan sukan, kebangsaan lain agar akan dapat berusaha bagi meningkatkan mutu sukan, di samping dapat memenuhi komitmen dan tanggungjawab masing-masing sebagai ahli gabungan BDNOC yang semata-mata mahukan kemajuan sukan negara dapat dipertingkatkan di setiap masa.

Sementara itu dalam sembah alu-aluan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menjelaskan pemergian awal para atlet ke Melbourne adalah bagi menyesuaikan diri dengan iklim serta persekitaran di sana, di samping berpeluang dapat berinteraksi dengan atlet-atlet yang bertaraf dunia.

Yang Berhormat mengharapkan para atlet akan lebih fokus semasa menjalani latihan di sana, melengkapi diri dengan kemahiran, teknik dan taktik serta yang penting ialah yakin pada sendiri ketika berdepan dengan pihak lawan.

Duli Yang Teramat Mulia di majlis itu berkenan mengurniakan bendera kebangsaan kepada Chef de Mission ke Sukan Komanwel Ke-18 Melbourne, Australia, Awang Japar bin Bangkol.

Seramai enam orang atlet sukan boling padang terpilih bagi mewakili negara, di samping diiringi oleh tiga orang pegawai dan jurulatih.

Sukan Komanwel Ke-18 Melbourne akan berlangsung pada 15 hingga 26 Mac ini dan atlet boling padang akan berlepas ke sana sedikit masa lagi.



ARA pegawai dan atlet negara yang akan beraksi di Sukan Komanwel Ke-18 di Melbourne, Australia pada 15 hingga 26 Mac depan. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka haji Metassim.

Pasukan Penerbangan Kebawah DYMM atasi Pasukan YSHHB

PASUKAN Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-

ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meng-

adakan Perlawanan Badminton Persahabatan bersama Pasukan Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (Bahagian Sukan) di Dewan Sukan Sultan Flight, Rimba pada 18 Januari lalu.

Hadir menyaksikan perlawanan dan menyampaikan cenderamata ialah Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigedier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad.

Perlawanan yang dimenangi oleh Pasukan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan muhibah dan persefahaman kedua-dua pasukan melalui bersukan.



PASUKAN Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Pasukan YSHHB mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan di Dewan Sukan Sultan Flight. - Foto: Hernie Suliana Othman.

Kejohanan Badminton Antara Kementerian

OLEH ABU BAKAR HAJI ABDUL RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 1 Februari. - Kesemua kementerian hari ini mula berentap bagi menentukan siapakah yang paling unggul dalam permainan badminton di negara ini.

Kementerian Pertahanan selaku tuan rumah pengendali Kejohanan Badminton Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (PA) Ke-12 membuka tirai dengan perasmian yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa yang berlangsung di Dewan Sukan Menglait di sini.

Sebelum pertandingan bermula undian telah dilakukan oleh tetamu kehormat di majlis itu di mana pasukan-pasukan dibahagikan kepada dua kumpulan A dan B.

Menduduki Kumpulan A ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Manakala Kumpulan B ialah Kementerian Pertahan-

an, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Perhubungan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan.

Undian malam itu hanya dilakukan kepada empat buah pasukan sahaja, seterusnya bagi memulakan perlawanan awal malam itu.

Sebelum perlawanan dimulakan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan telah diperkenalkan kepada setiap pasukan dan seterusnya untuk bersalaman.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai Kejohanan Badminton Antara Kementerian. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan kepada para penerima di Istana Nurul Iman.

Bendera kecil sempena Hari Kebangsaan Ke-22 diagihkan

OLEH RUSYDINA HAJI JUNAIDI

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Februari. - Kemeriahan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan semakin dirasakan, sehubungan dengan itu Majlis Penyerahan Bendera-bendera Kecil Kebangsaan pada kenderaan telah bermula hari ini bertempat di The Mall, Gadong.

Majlis tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Tajaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22 dan dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis serta Pengerusi Jawatankuasa Tajaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berucap di majlis itu ialah Pengerusi Bersama Bagi Jawatankuasa Tajaan Sam-

butan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Hapidz yang antara lain berkata, bahawa bendera kebangsaan adalah simbol kedaulatan dan apabila bendera kebangsaan berkibar dengan megahnya, ia melambangkan bahawa Negara Brunei Darussalam memiliki kebanggaan semangat patriotik yang tinggi dan tanda cintakan negara oleh rakyat jelata.

Yang Dimulihkan juga menekankan mengenai kepentingan, kedaulatan dan kemerdekaan negara yang dapat diperolehi dari mengibarkan bendera kebangsaan tersebut dan ianya seharusnya dilakukan oleh semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 25,000 helai

bendera kecil telah diagihkan oleh tetamu kehormat kepada penaja-penaja, penderma-penderma, wakil dari gedung-gedung perniagaan serta wakil dari keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, beliau juga memasang bendera kecil kepada kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam perarakan sebagai tanda permulaan bagi pengagihan bendera kecil kebangsaan.

Sejurus selepas majlis tersebut, tetamu kehormat juga merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Ke-2 sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 dengan memotong riben dan kek terbesar yang berlangsung di tempat yang sama. Pameran tersebut dapat disaksikan oleh orang ramai sehingga 26 Februari ini.

654 orang terima pingat kehormatan ulang tahun Hari Keputeraan

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada seramai 654 orang penerima sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-59.

Berangkat bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan berkenan

untuk mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman hari ini.

Majlis bermula dengan pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 74 orang penerima yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan dengan mendahului senarai

penerima pingat ialah Awang Haji Kassim bin Haji Ibrahim, seorang pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Juga menerima PJK ialah para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Kementerian Perhubungan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sementara seramai 353 orang menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) de-

ngan didahului senarai penerima Awang Matah bin Ismail yang juga merupakan pegawai Kementerian Pendidikan.

Turut menerima pingat kehormatan yang sama ialah para pegawai dan kakitangan KHEU, KPSSU dan Kementerian Perhubungan.

Sejumlah 227 orang pegawai dianugerahkan Pingat Kerja Lanjut (PKL) yang juga diterima oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan terdiri dari Kementerian Perhubungan, Kementerian Pendidikan KHEU dan KPSSU.

Mereka yang layak menerima Pingat-pingat Kehormatan itu antara lain telah menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dalam keraja baginda.

Berangkat dan hadir di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbala Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin Manteri, Manteri-mante Pedalaman, para diplomasi, Setiausaha-setu usaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

Bagi memberka majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyampaikan bendera kecil kepada orang ramai sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-22.

Jawatankuasa Hari Kebangsaan terima sumbangan lebih B\$130 ribu

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn

GADONG, Isnin, 13 Februari. - Sejumlah B\$130,150.00 telah diterima oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 Tahun daripada lebih

25 buah syarikat dan orang perseorangan di negara ini menyerahkan tajaan mereka sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-22.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Ber-

hormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 menerima penyerahan tajaan daripada syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang berlangsung di Centrepoint di sini.

Dalam ucapan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tajaan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 Tahun, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Paduka Haji Awang Hapidz berkata, sokongan orang ramai melalui tajaan mereka itu akan menambah kemegahan Sambutan Hari Kebangsaan.

"Tajaan terbesar tahun ini adalah daripada Syarikat BSP, BLNG, BST dan BSM ber-

jumlah B\$100,000.00. Semua tajaan ini akan digunakan untuk menjayakan acara-acara yang diatur sepanjang Hari Kebangsaan," jelas Yang Dimulihkan.

Yang Dimulihkan menambah, sumbangan daripada Syarikat Sunlit Advertising Sendirian Berhad melalui hasil jualan kain rentang dan papan iklan akan menyemarakkan lagi semangat patriotik dan kemegahan dalam menyambut Hari Kebangsaan tahun ini.

Sementara Syarikat BSP, BLNG, BST dan BSM hari ini menyerahkan cek tajaan berjumlah B\$100,000.00 sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali

kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Awang Haji Zainal Abidin, dalam siaran akhbar, BSP, BLNG, BST dan BSM sebagai syarikat yang bertaraf dunia, dinamik dan menjadi perintis teknologi terkini harus memainkan peranan penting dalam menaburkan bakti kepada masyarakat dan negara.

Hasrat syarikat, jelas beliau, adalah untuk sentiasa mendukung rancangan kerajaan khususnya dalam usaha memajukan sumber utama negara dan juga menyokong kesinambungan kedaulatan negara yang berprinsipkan Melayu Islam Beraja.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika menerima penyerahan tajaan dan pada sebuah syarikat yang menyumbang bagi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 berlangsung di Centrepoint, Gadong di sini. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Pesta Buku Brunei 2006

DEWAN Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan Pesta Buku Brunei 2006 pada hari Sabtu 25 Februari hingga 6 Mac 2006 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Pesta Buku itu diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 dan dijangka akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 25 Februari jam 2.00 petang. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang ke Pesta Buku Brunei 2006 yang akan dibuka mulai jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam pada hari-hari biasa, kecuali hari Jumaat akan dibuka jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan dari 2.00 petang hingga 10.00 malam.

MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA مقرر تيقتكن داي ساينغ بقسا

دترتيقتكن اوله جياتن فتراغن، جياتن فردان منترى دان دجيتق اوله جياتن فرجيتقن كراجان، جياتن فردان منترى، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Ditetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

BELIA

Program Skim Latihan Sukan : Mendorong dana belia untuk aktif bersukan

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn

SEJAK kebelakangan ini penglibatan golongan belia-belia yang aktif melibatkan diri mereka dengan kegiatan sukan di seluruh negara semakin meningkat.

Perkembangan ini dilihat amat membanggakan kerana kegiatan bersukan itu bukan saja dapat mengekalkan tahap kesihatan dan kecergasan malahan juga dapat menghindarkan diri mereka terjebak daripada melakukan perkara-perkara yang tidak sihat.

Ke arah menjadikan kegiatan mereka itu lebih tersusun dan terarah, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah melaksanakan program-program Skim Latihan Kegiatan Sukan yang meliputi pelbagai peringkat umur, dengan hasrat melatih, mengurus

dan mendedahkan para belia yang berbakat untuk dikembangkan.

Proses skim latihan sukan-sukan itu pada asasnya bermula secara berperingkat iaitu kanak-kanak hinggalah ke peringkat remaja dan belia. Pada peringkat awal peserta akan didedahkan dengan latihan asas, teknik dan seterusnya didedahkan kepada perlawanan-perlawanan setempat.

Dengan mengikuti skim latihan yang tersusun potensi mereka akan dapat dikembangkan dengan matlamat untuk menjadikan mereka sebagai atlet pelapis kebangsaan masa akan datang.

Skim latihan ini pada asasnya dilaksanakan oleh jurulatih-jurulatih berpelupuan bersama-sama dengan persatuan-persatuan

sukan kebangsaan. Setakat ini beberapa acara sukan seperti bola sepak, pencak silat, taekwondo, lawan pedang, sepak takraw, karatedo, tinju, badminton, tenis dan renang telah banyak melahirkan atlet yang berpotensi.

Skim latihan bola sepak umpamanya ketika ini dijalankan oleh Pertubuhan Bolasepak Daerah Brunei dan Muara (PDBDM) dengan rangka latihan terbuka kepada peringkat kanak-kanak berusia enam tahun ke atas, skim latihan peringkat remaja berumur 12 tahun hingga ke 18 tahun dan seterusnya.

Selain yang dikendalikan oleh PDBDM, program bola sepak yang sama juga dikendalikan sejak beberapa tahun yang lalu

yang dinamakan Projek Ikan Pusu, juga bermula di peringkat kanak-kanak. Program yang sudah berjalan sejak beberapa tahun ini, kini sudah berjaya menggalap bakat-bakat muda bermain dengan baik.

Sejak kedua-dua skim ini dijalankan beberapa tahun yang lalu, beberapa pemain muda telah berjaya mewakili beberapa buah kelab bola sepak tempatan beraksi dalam liga utama Kebangsaan (B-League) dan juga Liga Daerah Brunei dan Muara.

Jauh lebih daripada itu pula mereka terpilih mewakili negara dalam beberapa kejohanan serantau seperti Liga Perdana Malaysia, Sukan Borneo, Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan SEA, Kejohanan Antara Kelab-kelab Asia dan beberapa kejohanan bola sepak peringkat belia kelolaan Persatuan Bolasepak Asia (AFC).

Skim latihan sukan-sukan bercorak seni mempertahankan diri antaranya karatedo, taekwondo dan tinju serta pencak silat juga banyak diceburi oleh golongan belia. Melalui program latihan harian dan berkala yang dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih berpengalaman luas dari dalam dan luar negeri diasuh untuk didedahkan ke kejohanan-kejohanan dalam dan luar negeri.

Kejayaan-kejayaan mereka terbukti terutama semasa penyertaan di Sukan Asia Tenggara (SEA Games). Acara-acara karatedo, taekwondo dan pencak silat banyak menyumbang kepada pungutan pingat-pi-



MESKIPUN belum mempunyai pengalaman luas bermain di peringkat serantau Awang Ahmad Taufiq bin M. Murni yang bermain acara double pool 8 bola bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mampu melepasi halangan awal.

ngat kepada kontinjen negara.

Skim latihan lawan pedang dan sepak takraw juga tidak kurang mendapat sambutan daripada golongan remaja dan belia untuk menyertainya. Sejak sukan lawan pedang diperkenalkan beberapa tahun yang lalu dan terkini skim latihan itu diperkembangkan ke sekolah-sekolah beberapa golongan belia berjaya mengikutinya hingga terpilih mewakili negara ke Sukan SUKMA dan Sukan SEA. Melalui perkembangan ini setentunya sukan lawan pedang tidak akan ketandusan atlet untuk mewakili negara.

Bagi Skim Latihan Sukan Sepak Takraw di bawah kendalian jurulatih dari Thailand ketika ini telah berjaya melahirkan beberapa pemain berpotensi. Sepak takraw yang juga pada awalnya sudah melaksanakan program latihan bermula dari peringkat sekolah-seko-



PENYERTAAN di Sukan Borneo Pertama di Sabah memberikan pendedahan yang berguna bagi atlet ini untuk menyerlah.

Menurut Pegawai Tugas-tugas Khas JBS, Awang Haji Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, penglibatan para belia dalam semua skim-skim latihan itu secara tidak langsung merupakan asas utama ke arah mengembangkan bakat dan kebolehan yang ada pada mereka.

Bakat tersebut, tambahnya, diasuh secara berperingkat-peringkat dan kemudian didedahkan kepada penyertaan kejohanan-kejohanan tempatan untuk mendapatkan pengalaman berbanding.

Sebagai contoh, JBS telah mengelolakan Pesta Sukan Remaja dan Pesta

Sukan Kebangsaan setiap dua tahun sekali. Pada dua temasya sukan ini merupakan landasan para belia menguji bakat masing-masing bersaing antara satu sama lain. Melalui dua temasya sukan inilah jurulatih-jurulatih menilai tahap kebolehan dan kemampuan atlet golongan belia menghadapi pertandingan.

Daripada penglibatan program ini nyata sekali ianya memberikan manfaat terhadap perkembangan sukan tanah air dan dalam jangka masa panjang pula persatuan-persatuan sukan dapat mengenal pasti para atlet muda belia sebagai atlet pelapis jangka panjang.



ACARA karatedo yang diwakili oleh hampir kesemua atlet belia berjaya membawa pulang pingat perak dan gangsa di Sukan SEA Ke-XXIII, Republik Filipina.



ATLET wanita acara taekwondo berjaya meraih sebutir pingat gangsa pada temasya Sukan SEA Ke-XXIII di Republik Filipina melalui Dayang Farrahwaheeda binti Haji Bujang.



OLEH REFA'AH ALI OSMAN

TUJUH CARA TAMBAH KELAJUAN PC

BICARA IT pada minggu ini ingin berkongsi pendapat atau tips mengenai bagaimana cara menambah kelajuan PC anda. Mungkin kita sering tertanya-tanya dengan meningkatkan kelajuan PC, kita perlu menukar CPU, papan induk (mother board) dan menambah memori. Cara ini akan menyebabkan kos yang tinggi. Kesemua ini boleh dilakukan hanya dengan menggunakan Perisian Penghalang 'Spyware' dan 'Adware', Pengurangan 'Startup', Penggunaan 'Defrag', Perisian 'Antivirus', 'Scandisk', 'Windows' dan 'Driver' serta Perisian Percuma.

PERTAMA : PENGUNAAN PERISIAN PENGHALANG 'SPYWARE' DAN 'ADWARE'

Kita mungkin sudah mengetahui dengan kehadiran 'Spyware' dan 'Adware' ini memang menyusahkan. Lazimnya, 'Spyware' dan 'Adware' wujud daripada e-mel, laman web dan perisian yang kita muat turun. Dengan itu, kita boleh mendapatkan perisian 'Adware 6', yang boleh kita peroleh daripada <http://www.lavasftusa.com/support/download/>

KEDUA : PENGURANGAN 'STARTUP'

Untuk pengetahuan pembaca, kelambatan komputer secara mendadak terjadi disebabkan kerana kita mempunyai perisian yang terlalu banyak. Kita boleh melihat jumlah perisian yang kita gunakan melalui jumlah ikon yang terdapat pada bahagian bawah skrin komputer. Di

sini ada beberapa langkah yang boleh kita ambil untuk mengurangkan jumlah 'Startup' dalam 'Win XP'.

* Klik pada START dan kemudian RUN.

* Taipkan MSCONFIG dan klik OK.

* Klik pada SELECTIVE STARTUP, buang tanda pada LOAD STARTUP ITEMS dan klik OK. Ia akan dihentikan sekiranya kita reboot semula.

KETIGA : PENGUNAAN 'DEFRAG'

Mungkin ada di antara pembaca ingin komputernya berjalan dengan baik. Untuk itu, amatlah penting bagi kita menjalankan selenggaraan berkala terutamanya kepada 'hard disk'. Ianya boleh dilakukan dengan penggunaan 'Defrag' sekali dalam sebulan.

Kita boleh melakukan 'Defrag' dengan dwiklik pada 'My Computer', kemudian klik kanan pada

pemacu C dan pilih 'Properties' kemudian pergi ke pilihan Tools dan tekan Defragment Now.

Setelah itu, 'Disk Defragmenter' akan muncul dan klik pada Analyze. Kemudian ia akan melakukan pemeriksaan pada hard disk dan memaparkan keputusan analisa dalam beberapa saat. Kemudian klik 'Defragment' untuk meneruskan Defrag. Proses ini akan berjalan dalam beberapa jam. Jadi jangan melakukan 'Defrag' ketika sedang menggunakan komputer.

KEEMPAT : PENGUNAAN PERISIAN 'ANTIVIRUS'

Perisian 'Antivirus' dalam PC amatlah penting dalam penggunaan komputer. Kita boleh mendapatkan perisian seperti 'Norton Antivirus', 'McAfee VirusScan', 'Panda Antivirus', 'AVG Antivirus', 'BitDefender', 'F-Prot' dan 'AVAST! Pro.' Perlu diingat, jika kita menggunakan sebarang


perisian antivirus, pastikan kita mengemaskinikan perisian itu sekerap yang mungkin dan mengikuti perkembangan virus dari masa ke semasa.

Jika kita tidak mempunyai sebarang perisian tersebut, kita boleh menggunakan perisian dalam talian (on line) iaitu 'House Call Free Online Virus Scanner' (<http://housecall.trendmicro.com/>).

KELIMA : PENGUNAAN 'SCANDISK'

Selain daripada melakukan 'Defrag', penggunaan 'Scandisk' juga perlu dilakukan sebulan sekali. Scandisk merupakan satu proses untuk memeriksa hard disk secara fizikal.

Manakala 'Scandisk' pula boleh dilakukan dengan dwiklik pada 'My Computer', kemudian klik kanan pada pemacu C dan pilih 'Properties'. Setelah itu pergi ke pilihan 'Tools', kemudian 'Check Now' yang terdapat di ruang 'Error-checking'. Setelah



DENGAN melakukan 'Defrag' pada komputer akan menambahkan lagi kelajuan pada PC.

itu ianya akan berjalan untuk beberapa jam.

KEENAM : MENGEMAS KINI 'WINDOWS' DAN 'DRIVER'

Windows merupakan sistem pengoperasian yang perlu dikemaskinikan dari masa ke semasa bagi memantapkan dan memberi perlindungan kepada sistem komputer kita. Untuk melakukan pengemaskinian, kita boleh melayari ke; <http://www.windowsupdate.com> untuk mendapatkan senarai yang diperlukan. Jadi, penyambungan internet amat perlu bagi mendapatkan kemas kini secara automatik. Jika kita tidak mempunyai sebarang penyambungan kepada internet, kita boleh mendapatkan fail-fail tersebut melalui pengalihan ke Cakera Padat (CD) daripada rakan-rakan yang lain.

Selain itu, pengemaskinian 'Driver' juga perlu untuk sebarang peranti yang kita pasang melalui komputer seperti kad bunyi, kad grafik dan perisian kamera digital. Apa yang perlu kita cuma mendapatkan maklumat yang terkini daripada laman-laman pengeluar

peranti yang kita gunakan untuk mengelakkan terjadi sebarang masalah kepada sistem komputer.

KETUJUH : PENGUNAAN PERISIAN PERCUMA YANG PENTING

Kita boleh mendapatkan perisian selain 'Adware' seperti 'Tune-Up Utilities 2004' (<http://www.tune-up.com>), 'Tweak-XP Pro 4.0.2' (<http://www.totalidea.com>), Memtest-86 (<http://www.amsn.ro>), Xteq X-Setup (<http://www.xteq.com>) dan WinPatrol (<http://www.einpatrol.com>).


Perisian-perisian ter-

sebut untuk mengendalikannya sebarang memori, hard disk, keseluruhan sistem, pengendalian ruang kerja dalam memori dan pengendalian perisian yang kurang penting.

Akhir kata, Bicara IT kali ini mengharap semoga para pembaca dapat menggunakan dan memanfaatkan langkah-langkah yang telah dikongsikan bagi penyelesaian penggunaan komputer. Semoga apa yang dikongsikan bersama pada minggu ini akan dimanfaatkan sebaik-baiknya dan tidak disalahgunakan.

(Sumber rujukan: dotcomdotmy).

PERISIAN 'Antivirus' dalam PC amatlah penting dalam penggunaan komputer. Kita boleh mendapatkan perisian seperti 'Norton Antivirus', 'McAfee Virus Scan', 'Panda Antivirus', 'AVG Antivirus', 'BitDefender', 'F-Prot' dan 'AVAST! Pro.' Perlu diingat, jika kita menggunakan sebarang perisian antivirus, pastikan kita mengemaskinikan perisian itu sekerap yang mungkin dan mengikuti perkembangan virus dari masa ke semasa.



PERISIAN ... Kita boleh mendapatkan perisian 'Adware' pada mana-mana perisian yang lain.



PENTING ... Penggunaan 'Scandisk' juga perlu dilakukan sebulan sekali untuk memeriksa 'hard disk' secara fizikal.

Pelbagai acara Sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 akan diadakan

BERAKAS, Khamis, 16 Februari. - Tiga acara utama akan mengambil tempat bagi memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 iaitu acara Majlis Doa Kesyukuran, Upacara Perhimpunan Agung dan acara-acara sampingan.

Acara Doa Kesyukuran akan diadakan pada 22 Februari 2006 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, sementara Upacara Perhimpunan Agung akan berlangsung pada 23 Februari 2006 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, di samping itu beberapa acara-acara yang lain juga akan turut diadakan di beberapa buah tempat di negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyatakan perkara itu di Sidang Media Kebangsaan I bersama para media tempatan yang berlangsung di kementerian tersebut.

Katanya, dalam perhimpunan agung itu nanti sebanyak 99 buah pasukan yang mengandungi seramai 15,000 orang akan menyertai dalam persembahan barisan lalu dan sersembahan padang.

Mereka terdiri daripada pembawa bendera Negara Brunei Darussalam dan go, pembaca ikrar Hari Kebangsaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan berpakaian seragam, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pasukan-pasukan insan istimewa, daerah-daerah, sektor swasta, institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah, pertubuhan awam dan persatuan-persatuan serta persatuan warga asing.

Menurutnya lagi, bagi mengetahui lebih lanjut mengenai persediaan-persediaan maklumat mengenai sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 pada tahun ini satu laman web telah disediakan.



Walaupun panas terik namun para peserta tetap sabar menjalankan latihan persiapan menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 Tahun dengan penuh semangat patriotik (atas dan bawah). - Foto : Ajijah Ali.



BANGGA dan ceria dalam menjalankan latihan terakhir untuk menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika sidang media di KKBS bersama ahli jawatankuasa tertinggi yang lain. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

kan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan iaitu www.nationalday.org.bn.

Dalam sidang media tersebut beliau juga mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama hadir bagi memeriahkan dan meraikan lagi sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di mana Jawatan Tertinggi Sambutan juga telah menyediakan 'grandstand' untuk orang ramai yang boleh memuatkan tempat duduk seramai 2,000 orang dan mereka juga akan diberikan bendera kecil Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama mengibarkan dan memeriahkan sambutan itu nanti.

Dalam sidang itu Awang Haji Jemat antara lain juga turut menjelaskan mengenai beberapa acara sampingan yang sedang dan akan berlangsung bagi memeriahkan lagi sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu Program 'Belia Cinta Tanah Air' yang sudah berjalan pada 16 hingga 22 Februari, Seminar 'Sejarah Brunei III' anjuran Pusat Sejarah yang mana akan bermula pada 8 - 9 Mac di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Selain itu, ujarnya Forum 'Megah dan Setia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan berlangsung bulan April 2006, sementara Pesta Buku anjuran DBP akan berlangsung pada 26 Februari hingga 6 Mac 2006 bertempat di

Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Pameran Perdagangan Antarabangsa Ke-2 pula berlangsung pada 19 Februari 2006 di Mall Gadong.

Sementara itu dalam Sidang Media Kebangsaan II pula, Pegawai Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Pengarah Persembahan Tema dan Perhimpunan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi berkata, seramai 12,000 orang akan turut serta mengambil bahagian dalam persembahan tema sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan yang akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Dalam acara persembahan padang, sebanyak tiga corak akan dipersembahkan yang berkaitan dengan tema dalam sambutan iaitu 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa', corak-coraknya ialah corak Bunga Putar dan Taman Permata, corak Peta Negara Brunei Darussalam dan jaringan serta corak Bendera Negara Brunei Darussalam yang berukuran raksasa.

Di samping itu beliau juga menjelaskan mengenai kegiatan-kegiatan utama dalam perhimpunan perbarisan kawalan kehormatan diraja, di mana ujarnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dijangka akan berkenan berangkat.

Dalam upacara perbarisan dan persembahan tema seramai 12,000 orang akan mengambil bahagian dimulai dengan perbarisan lalu di hadapan pentas diraja oleh pembawa bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam berukuran besar, diikuti dengan pasukan-pasukan pembawa bendera-bendera Negara Brunei Darussalam berukuran biasa, bendera-bendera logo Hari Kebangsaan, pembaca ikrar Hari Kebangsaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan berpakaian seragam, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan pasukan-pasukan insan istimewa, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan awam, warga asing, institusi pengajian tinggi dan maktab-maktab serta sekolah-sekolah menengah.

Sementara persembahan tema, tambah beliau, ianya akan diwarnai dengan pelbagai warna baju dan corak yang dipersembahkan serta bersesuaian dengan tema sambutan iaitu 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa'.

Manakala Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Seranta (Media Cetak) turut menjelaskan dalam sidang media yang diadakan, di mana kata beliau, sejauh ini sebanyak 200 permoho-

nan telah diterima oleh Jawatankuasa Seranta bagi mendapatkan pas sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-22.

Permohonan itu, katanya, adalah daripada jabatan-jabatan kerajaan, media-media tempatan, persatuan-persatuan fotografi dan orang-orang perseorangan, manakala media luar yang memohon untuk membuat liputan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam setakat ini terdiri daripada para media Thailand dan Republik Filipina.

Menurut beliau lagi, Jabatan Penerangan juga akan menganjurkan Peraduan Menulis Esei melalui on-line website Hari Kebangsaan iaitu www.nationalday.org.bn.

"Peraduan Menulis Esei melalui on-line dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori A dan B, di mana Kategori A terbuka kepada mereka yang berumur 10 hingga 12 tahun dan Kategori B pula bagi mereka yang berusia 13 hingga 15 tahun," jelas beliau.

Manakala tajuk Peraduan Menulis Esei bagi Kategori A ialah 'Apakah Makna Hari Kebangsaan Kepada Anda' sementara tajuk esei bagi Kategori B ialah 'Bagaimana Anda Menyumbangkan Kepada Pembangunan Negara'.

Peraduan ini terbuka kepada rakyat Negara Brunei Darussalam dan tarikh tutupnya ialah pada 28 Februari 2006 jam 4.30 petang.



OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM
ahmad.salim@information.gov.bn

KUATKAN SEMANGAT BERDAYA SAING KE ARAH KECEMERLANGAN

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menegakkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Setiap pemerintah, bangsa dan masyarakat sudah setentunya berhasrat menjadikan warganya bermartabat tinggi, berilmu, berkebolehan dan berdaya maju. Kerana bangsa atau warga yang berkualiti sahajalah boleh memimpin dan memajukan negaranya ke mercu kejayaan. Oleh itu setiap orang hendaklah mempunyai matlamat dan wawasan yang jauh untuk masa hadapan jika mahu majukan diri sendiri ke arah yang positif, yang boleh membawa bangsa dan negaranya berjalan seiring dengan arus kemodenan dunia.

Jika kita melihat kepada sejarah kegemilangan umat Islam dahulu, ternyata mereka merupakan umat yang kuat dan berjaya sehingga mampu membina sebuah empayar Islam yang unggul lagi terkenal ke seluruh pelusuk dunia. Bermula dari sebuah negara kecil Madinah, kerajaan Islam telah dapat meluaskan wilayahnya ke negara-negara lain sehingga merentasi Benua

Eropah. Ketika itu Islam berada di puncak kejayaan, menguasai pelbagai bidang keilmuan dan kepakaran dan berjaya merubah kehidupan manusia dari kemunduran kepada kemajuan dan bertamadun.

Begitulah kehebatan umat Islam pada masa lampau. Mereka meneka, menjelajah dan kemudian mencipta serta mengeluarkan produk-produk yang memenuhi keperluan manusia untuk memajukan dunia. Mereka percaya kepada diri sendiri, tidak bergantung kepada bangsa asing. Semua itu dapat dicapai hasil ke-taatan kepada Allah Subhanahu Wataala dan pemimpin mereka ketika itu iaitu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda serta ditambah dengan semangat, azam dan usaha yang gigih telah membuahkan sikap untuk berdaya saing dalam diri mereka. Mereka berlumba-lumba untuk menjadi insan yang terbaik dengan melakukan amal ibadat dan amal kebajikan, berjihad dan berkorban apa saja demi agama.

Tetapi kini apakah kita sedar prestasi umat Islam tidak lagi sehebat zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berserta para sahabat dahulu. Jika waktu itu, kitalah pencipta, wira dan penjana kemajuan, tetapi hari ini, kita lebih banyak bergantung kepada orang lain, meniru,

mengikut dan melanggan kemajuan yang dicapai oleh orang lain.

Oleh itu jika mahu kembali kepada kehebatan dan kegemilangan umat Islam dahulu, maka tidak ada jalan lain melainkan kita perlu menggembelng tenaga dan fikiran untuk menjadi umat yang kuat iaitu umat mandiri yang berdaya saing, umat yang mampu mengajar persainngan pemodenan alaf ini.

Sebenarnya semua negara di dunia ini mahu kaya, mahu maju, mahu makmur dan aman, tidak terkecuali negara kita Brunei Darussalam, hasrat ini dapat difahami melalui tema sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 Tahun, Iaitu 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa' dari tema tersebut menunjukkan bahawa negara kita berkehendakkan rakyat berdaya saing bagi membangun bangsa dan negara ke satu tahap yang lebih tinggi agar kita tidak ketinggalan dalam semua sudut, kerana tanpa adanya semangat daya saing yang kuat, akan menyebabkan negara mundur, ekonomi lemah, perpaduan rakyat rapuh dan negara terdedah kepada ancaman kuasa luar.

Oleh itu daya saing perlu dimiliki oleh semua lapisan rakyat negara ini, kerana ia berperanan sebagai salah satu teras atau dasar terpenting dalam ketahanan nasional atau bangsa. Daya saing terse-


but merupakan kekuatan atau kemampuan serta ketahanan sesuatu bangsa dalam menghadapi rintangan, halangan serta gangguan yang dapat membahayakan kehidupan berbangsa dan bernegara.

Daya saing sememangnya wujud pada diri seseorang, kerana semua orang mahu lebih daripada orang lain, baik dari segi harta, ilmu, kemajuan bahkan dalam semua aspek kehidupan.

Maka apa yang penting ialah merealisasikan niat tersebut, bukan hanya cakap mahu bersaing tetapi tiada usaha untuk melakukannya, contohnya mahu berilmu tetapi malas belajar, mahu kaya tetapi tidak mahu berusaha, mahu jawatan tinggi tetapi bekerja tidak bersungguhsungguh.

Perlu diingat kejayaan sesuatu yang dihasratkan tidak datang bergolek atau dengan sebutan sahaja. Tetapi memerlukan daya saing yang positif dengan niat yang betul bukan dengan sifat iri hati, dengki dan menganiaya orang lain.

Bangsa yang berdaya saing adalah bangsa yang boleh membawa kejayaan dan kemakmuran kepada negara, kerana dengan adanya daya saing itu menyebabkan mereka berwasan dan berkeyakinan, bersungguhsungguh, bersemangat mandiri dan ber-satu serta bertawakal kepada Allah Subhanahu



Wataala dan memohon doa kepada-Nya agar usaha baik yang dilakukan dengan niat yang ikhlas akan membuahkan hasil dan kejayaan yang diharapkan. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 159 tafsirnya:

"Kemudian apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya."

Perlu diingat bahawa kekuatan semangat daya saing itu berkait rapat dengan sifat tidak berputus asa, kerana sifat putus asa itu hanya menyebabkan kelemahan, kecewa dan kalah. Faktor inilah yang menyebabkan bangsa lemah dan sen-

tiasa duduk ditakuk yang lama, tiada usaha meningkatkan diri apatah lagi untuk bangsa dan negara. Oleh itu kita telah mengingatkan supaya tidak bersifat putus asa sebagai mana disebutkan dalam Surah Al-Hajr ayat 56 tafsirnya:

"Nabi Ibrahim berkata: Dan tiadalah sesiapapun yang berputus asa dari rahmat Tuhannya melainkan orang-orang yang sesat."

Sebagai bangsa dan rakyat yang cintakan negaranya, sama-samalah kita memberikan sokongan ke arah membangun dan memajukan negara kita ke arah kecemerlangan, kejayaan dan keamanan. Apa yang paling penting segala usaha tersebut dilakukan dengan ikhlas dan berlandaskan ajaran Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, semoga segala usaha yang kita lakukan mendapat rahmat dan berkat dari Allah Subhanahu Wataala.

Oleh itu, sebagai tanda syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala serta sebagai tanda melahirkan rasa cinta dan bertanggungjawab ter-

hadap negara marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan tumpuan utama ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada petang hari Rabu, 22 Februari 2006 bagi membaca Surah Ya Siin dan membaca Doa Kesyukuran Sempurna Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 tahun. Sama-samalah kita berdoa, semoga rakyat dan negara kita akan terus maju dan berdaya saing sentiasa aman dan makmur, ber-satu padu dan dilimpahi dengan rahmat dari Allah Subhanahu Wataala. Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 110 tafsirnya:

"Kamu wahai Muhammad sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari pada segala perkara yang salah, buruk dan keji serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar Iman."

PERLU diingat kejayaan sesuatu yang dihasratkan tidak datang bergolek atau dengan sebutan sahaja. Tetapi memerlukan daya saing yang positif dengan niat yang betul bukan dengan sifat iri hati, dengki dan menganiaya orang lain.

وقت سمبهيڭ، امساک، شوروڤ دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروڤ دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 23 محرم، 1427 برسمان دغن 22 فيبروري، 2006 هيڭڭ كهاري ثلاث، 29 محرم، 1427 برسمان دغن 28 فيبروري، 2006 اداله سفر دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
محرم 23	12.36	3.54	6.34	7.44	5.07	5.17	6.34	6.57	22 فيبروري
24	12.35	3.53	6.34	7.44	5.06	5.16	6.34	6.57	23
25	12.35	3.53	6.34	7.44	5.06	5.16	6.33	6.57	24
26	12.35	3.52	6.34	7.44	5.06	5.16	6.33	6.57	25
27	12.35	3.52	6.34	7.44	5.06	5.16	6.33	6.56	26
28	12.35	3.52	6.34	7.44	5.06	5.16	6.32	6.56	27
29	12.35	3.51	6.34	7.44	5.05	5.15	6.32	6.56	28

وقت ۲ سمبهيڭ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلورو نڬارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڠهاري.

PAKAIAN PEREMPUAN DALAM SEMBAHYANG



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 220 Bahagian Pertama

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PAKAIAN adalah di antara perkara terpenting yang perlu dimiliki oleh setiap orang dalam hidupnya. Ia juga merupakan keperluan asasi dan menjadi ukuran keagamaan serta simbol keperibadian seseorang.

Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan ke atas setiap Muslim supaya menutup aurat. Bahkan ketiadaan pakaian yang layak dan sesuai bagi seseorang boleh menjatuhkan maruah dan boleh menggugurkan orang itu dari tuntutan hadir sembahyang berjemaah, sebagaimana yang disebutkan oleh pengarang kitab Fath Al-Mu'in bahawa di antara perkara-perkara uzur berjemaah dan uzur Sembahyang lumaat ialah tidak mempunyai pakaian yang sesuai atau layak kepada seseorang, sekalipun telah mempunyai penutup auratnya.

As-Sayyid Al-Bakri pula menambah bahawa keuzuran disebabkan tidak mempunyai pakaian yang sesuai atau layak itu boleh menjatuhkan muruah seseorang jika dibandingkan dengan lain-lain keuzuran.

Pendeknya pakaian bukan hanya setakat ada hubungan dengan muruah, budi pekerti dan adat, tetapi juga menjadi tuntutan agama sama ada di luar mahupun di dalam sembahyang. Khusus mengenai pakaian perempuan, ia tidak boleh dipandang ringan, dilanggar hukumnya dengan sengaja kerana akibatnya ialah laknat sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu yang maksudnya: "Ada dua golongan ahli Neraka yang belum pernah aku melihatnya, iaitu kaum lelaki memegang cemeti seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk memukul orang lain dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi mereka bertelanjang (pakaian tiada menutup aurat kepala dan badan sebagaimana yang diperintahkan oleh agama) yang berjalan melagak menggoyangkan bahu, kepala mereka seperti bonggol unta yang condong. Mereka tidak boleh masuk Syurga bahkan tidak boleh menghidu baunya, padahal bau Syurga itu sebenarnya dapat dihidu dari jarak sekian, sekian (yang cukup jauh)." (Hadis riwayat Muslim).

DALIL MENUTUP AURAT

Aurat ialah sesuatu bahagian dari anggota badan, sama ada lelaki ataupun perempuan, yang haram dibuka atau dipamerkan. Dalam erti kata lain sesuatu anggota yang wajib ditutup dan disembunyikan dan haram orang bukan mahram melihatnya.

Menutup aurat adalah wajib ke atas setiap Muslim, tidak kira lelaki atau perempuan. Kewajipan ini berdasarkan kepada dalil-dalil daripada Al-Quran dan hadis. Antaranya firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan. Dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya." (Surah Al-'Araf: ayat 26).

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi yang tafsirnya:

"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang haram, dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya." (Surah An-Nuur ayat 31).

Sementara itu dalil daripada hadis yang menyentuh tentang kewajipan menutup aurat itu ialah yang diriwayatkan oleh Bahz bin Hakim daripada bapanya daripada datuknya yang maksudnya: "Dia berkata: 'Saya bertanya: 'Wahai Rasulullah! (kepada siapakah) dari aurat kami boleh kami perlihatkan dan (kepada siapa) kami hindarkan?' Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Peliharalah aurat kamu melainkan dari isteri kamu atau hamba sahaya perempuan kamu.'"

Dia berkata: "Saya bertanya: 'Wahai Rasulullah! Bagaimana pula jika ada orang-orang berhimpun sebahagiannya dengan sebahagian yang lain?' 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Jika kamu berupaya (membuat) seseorang tidak akan melihat aurat kamu, maka janganlah orang itu melihatnya.' Dia berkata: 'Saya bertanya: 'Bagaimana pula jika seseorang itu bersendirian?'"

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Allah itu lebih berhak dimauli daripada manusia." (Hadis riwayat Abu Daud).

Berdasarkan dalil-dalil yang disebutkan di atas, jelas menunjukkan tentang kewajipan menutup aurat dan bahkan juga dalam keadaan bersendirian walaupun di tempat yang tertutup.

BATAS AURAT LELAKI DAN PEREMPUAN

Menurut Khatib As-Syarbini aurat bagi lelaki sama ada hamba, orang kafir dan kanak-kanak sekalipun yang belum mumayyiz ialah di antara pusat dan lutut. Perkara ini telah dinyatakan di dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya: "Jika salah seorang kamu mengahwinkan hamba lelaki kepada hamba perempuan atau kepada pekerjaannya, maka janganlah hamba perempuan itu memandang kepada sesuatu dari auratnya (aurat tuannya). Maka sesungguhnya apa yang di bawah pusat sehingga lututnya adalah aurat." (Hadis riwayat Al-Baihaqi).

Manakala aurat perempuan pula ialah keseluruhan badannya kecuali muka dan tapak tangan sebagaimana perintah Allah Taala dalam Al-Quran yang tafsirnya "Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." (Surah An-Nuur ayat 31).

Menurut Ibnu 'Abbas dan 'Aisyah Radiallahuanhum yang dimaksudkan dengan 'zahir' ialah muka dan dua tapak tangan.

PERINTAH MENUTUP AURAT DALAM SEMBAHYANG

Menutup aurat itu adalah menjadi perkara penting dan syarat sah sembahyang. Sebagai contoh, dinukilkan daripada Imam An-Nawawi bahawa apabila aurat terdedah dengan sengaja, sama ada sedikit atau banyak, maka hukum sembahyangnya batal yakni tidak sah. Untuk jelasnya, jika dia sengaja tidak menutup aurat, padahal dia mampu berbuat demikian, maka batal sembahyangnya.

Dengan itu menutup aurat dalam sembahyang adalah wajib iaitu difahami dari firman Allah Subhanahu Wataala tafsirnya: "Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang)." (Surah Al-'Araf ayat 31).

Menurut Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma dalam kitab Tafsir Al-Fakhr Ar-Razi, sudah menjadi adat kebiasaan orang-orang Arab Jahiliyah apabila mereka mengelilingi Kaabah, mereka menanggalkan kesemua pakaian mereka. Maka dengan turunnya ayat di atas, umat Islam ditegah dari melakukan perkara yang serupa. Dengan itu diperintahkan juga supaya memakai pakaian yang elok dan indah apabila pergi ke tempat ibadat atau tawaf di keliling Kaabah, termasuk juga ketika mengerjakan sembahyang.

Persoalannya apakah dia pakaian yang dikatakan indah itu, khususnya bagi wanita? Menurut ijmak ulama tafsir maksud dari

'Pakailah pakaian kamu yang indah berhias' dalam ayat di atas ialah pakaian yang sempurna menutup aurat sama ada bagi lelaki mahupun perempuan.

Adapun hadis daripada Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bahawa tidak akan diterima sembahyang seorang perempuan itu kecuali dengan menutup kepala. Sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Allah tidak menerima sembahyang seorang yang telah haid (baligh) kecuali dengan memakai tutup kepala." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

Perintah menutup aurat dalam sembahyang adalah berdasarkan riwayat daripada Muhammad bin Zaid bin Qunfudz daripada ibunya, bahawa ibunya pernah bertanya kepada Ummu Salamah Radiallahuanha tentang pakaian perempuan ketika sembahyang yang maksudnya: "Maka Ummu Salamah menjawab: 'Seorang perempuan bersembahyang dengan memakai kain tutup kepala dan pakaian panjang yang dapat menutup kedua telapak kakinya.'"

Berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ulama sepakat mengatakan adalah wajib bagi perempuan menutup aurat sama ada di dalam atau di luar sembahyang.

BATAS AURAT PEREMPUAN DALAM SEMBAHYANG

Dalam Mazhab Syafie aurat perempuan yang merdeka ialah keseluruhan badannya kecuali dua tapak tangan dan muka. Begitu jugalah aurat perempuan dalam sembahyang. Yang dimaksudkan dengan dua tapak tangan itu termasuklah hujung jari, tapak tangan bahagian luar dan dalamnya sehingga ke pergelangan tangan.

Manakala yang dimaksudkan dengan muka pula kawasan di antara tempat tumbuh rambut di kepala sehingga bahagian akhir dagu (dua tulang rahang sepanjang tempat tumbuh gigi bawah) dan kawasan muka di antara dua anak telinga.


Begitu juga batas aurat kanak-kanak perempuan yang mumayyiz dan yang belum mumayyiz dalam sembahyang, iaitu seluruh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan.

MENUTUP MUKA DAN DUA TAPAK TANGAN DALAM SEMBAHYANG

Muka dan dua tapak tangan bukanlah aurat. Maka makruh hukumnya bagi perempuan yang hendak sembahyang memakai niqab (tutup muka) iaitu kain atau yang seumpamanya yang digunakan untuk menutup muka, kerana muka tidak termasuk anggota aurat.

Larangan menutup muka ini hanyalah sebagai karahah tanzih, jika ianya dilakukan tidak pula membatalkan sembahyang. Maksud karahah tanzih itu ialah perkara yang dituntut oleh syarak meninggalkannya akan tetapi tuntutan itu tidak sampai ke tahap wajib. Jika dilakukan juga perkara tersebut, maka hukumnya adalah tidak berdosa hanya khilaf al-awla (menyalahi yang utama).

BERSAMBUNG



Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوة اسلاميه

FIRMAN Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya (janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya)." (Surah Al-Anfaal ayat 27).

Sifat amanah mempunyai pengertian yang amat luas dan mendalam kerana ia bukan sekadar membawa makna bersikap jujur dan benar dalam apa-apa jua urusan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan manusia atau pekerjaan dan kehidupan seperti bersifat amanah dalam pekerjaan dan menepati janji sesama insan, menjaga atau menunaikan pesanan, suruhan atau wasiat sama ada ianya berkaitan dengan hak penjagaan atau pengurusan terhadap harta benda, wang ringgit, binatang ternakan, sawah ladang, mahupun manusia itu sendiri seperti

TANAMKAN SIFAT AMANAH DALAM PEKERJAAN

memelihara kebajikan anak yatim dan orang-orang tua bahkan anak serta isteri pun adalah amanah yang mesti kita laksanakan dengan sempurna.

Dalam hal ini amanah merangkumi setiap aspek kehidupan dan yang paling penting ialah persoalan kenegaraan. Termasuk juga rangkaian amanah itu ialah pentadbiran rumah tangga, mukim dan kampung, sektor kerajaan atau swasta dan lain-lain lagi. Oleh itu setiap mereka yang memegang apa-apa jua tugas atau tanggungjawab hendaklah menunaikan apa yang telah diamanahkan dan jua sekali-kali mengkhianatinya.

Amanah juga wajib dipikul oleh seorang pemimpin, kita perlu memahami bahawa pemimpin itu bukan hanya terbatas kepada pemerintah atau ketua negara sahaja tetapi juga merangkumi kepada pemimpin atau ketua sesebuah jabatan, organisasi pertubuhan, kumpulan atau ketua kampung dan sebagainya. Tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakan ialah supaya sentiasa bersikap jujur, adil dan bijaksana serta tidak bersikap pilih kasih ketika menjalankan tugas terhadap pekerja atau orang di bawah kuasanya. Manakala jika kita sebagai orang yang dipimpin mestilah melaksanakan apa-apa tugas yang diberi dan diarah dengan senang hati dan ikhlas serta melaksanakannya dengan sebaiknya.

Wahai kaum Muslimin, kita sebagai seorang pegawai atau kakitangan kerajaan atau sektor swasta, marilah kita tanya pada diri kita apakah selama ini kita amanah terhadap kerja yang diberi? Amanah pada kerajaan sebagai majikan kita? Amanah pada menggunakan harta benda kerajaan seperti penggunaan alat-alat pejabat, penggunaan masa, penggunaan barang-barang keperluan pejabat dan sebagainya? Kesemua ini merupakan amanah dari kerajaan dan telah menjadi kewajipan kita untuk memelihara serta mempergunakannya pada jalan yang betul. Janganlah kita selewengkan semua amanah dan kemudahan serta mensia-siakkannya pada jalan yang salah.

Sifat amanah jika telah tertanam subur di dalam diri individu itu, insya-Allah tidak

akan timbul masalah rasuah, penyelewengan, curi masa, ataupun pelaksanaan kerja yang kurang kualiti. Dibuat endah tak endah secara leka dan cuai. Maka jelaslah bahawa sifat amanah itu diibaratkan sebagai anak kunci kejayaan kepada sesuatu organisasi.

Oleh itu sifat amanah itu sangat penting dan berperanan besar dalam mengatur kehidupan manusia ke arah yang lebih sempurna dan teratur serta terhindar dari kerosakan-kerosakan akibat dari sikap tidak boleh dipercayai. Maka sewajarnya kita didik diri kita serta keluarga untuk mengamalkan sifat amanah dalam perjalanan hidup kita.

Adalah sifat amanah itu dapat memantapkan lagi hubungan mesra antara keluarga, kawan, jiran, teman sekerja, hormat-menghormati saling percaya-mempercayai serta akan sentiasa merasa selamat dari perbuatan khianat dan dengki. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada (ahlinya yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukuman di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Sentiasa Mendengar Lagi Sentiasa Melihat."

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Berikan layanan baik, bantu mereka

PENERAPAN nilai-nilai murni dalam diri kita adalah sangat menguntungkan kerana kita dapat melaksanakannya sambil beroleh kebaikan dari Allah Subhanahu Wataala. Namun yang demikian nilai-nilai murni itu mestilah dilakukan dengan hati yang ikhlas tanpa dipaksa atau sekadar mengharap pujian daripada orang. Salah satu contoh nilai-nilai murni yang perlu ada pada diri kita ialah sikap menghormati orang tua. 'Orang tua' yang dimaksudkan di sini bukan sahaja tertumpu kepada ibu bapa sahaja, malahan juga termasuk nenek, datuk, guru-guru dan siapa sahaja yang lebih tua daripada kita.

Menghormati orang tua bukan setakat menundukkan badan ketika melintasi di depan mereka malahan juga banyak cara yang perlu kita buat. Contoh yang terdekat ialah menghormati ibu bapa kita sendiri. Tanpa mereka, tidak akan lahir manusia seperti kita. Belaian kasih sayang yang dicurahkan oleh pasangan yang bergelar ibu bapa ini sangat-sangat kita hargai.

Di antara cara kita untuk menghormati mereka ialah seperti memberi layanan yang baik, membantu mereka ketika menghadapi kesusahan, membalas jasa dan budi mereka, mendengar percakapan, menerima pendapat yang baik daripada mereka dan sebagainya.

Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam Surah Al-Israa': ayat 23 - 24 yang tafsirnya: *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika seorang daripadanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam jagatanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan 'ah' dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah (doa): Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah*

mendidik aku waktu kecil (dahulu)."

Daripada firman tersebut jelas menunjukkan betapa pentingnya kita menghormati ibu bapa dengan mengambil berat tentang diri mereka seperti mencurahkan rasa kasih sayang, mendoakan mereka dan sebagainya.

Sebenarnya konsep 'menghormati orang tua' telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi. Memanglah telah menjadi suatu budaya orang-orang kita untuk saling hormat-menghormati kerana ia sudah menjadi amalan dan ikutan semua. Jika di sekolah, murid-murid diajarkan mengenai sikap menghormati orang tua seperti yang terdapat dalam mata pelajaran Sivik dan Melayu Islam Beraja. Pengajaran sedemikian seterusnya diaplikasikan kepada orang-orang di sekeliling kita agar sentiasa di-amalkan. Walaupun kita mengetahui bahawa amalan menghormati orang tua akan diajarkan di sekolah, akan tetap adalah bagus sekiranya kita mula memupuknya dari rumah lagi. Anak-anak yang be-

lum bersekolah terutama akan dididik cara untuk menghormati orang tua kerana kita sedia maklum bahawa didikan pertama anak-anak bermula dari rumah.

Oleh yang demikian, kita mestilah membuka mata dan minda kita agar dapat memberikan pemeliharaan yang sewajarnya, kepada orang tua khususnya. Orang tua juga dipanggil sebagai warga emas perlu diberikan penjagaan yang sebaiknya oleh setiap ahli keluarga. Setiap individu sama ada kanak-kanak, remaja atau belia mestilah memupuk sikap menghormati orang tua agar menjadi amalan yang berterusan kepada penerus keturunan kita kelak. Kini kita telah berada dalam era globalisasi yang penuh mencabar, namun janganlah sekali-kali mengabaikan golongan orang tua. Kadangkala apabila seseorang itu menikmati kemewahan dan dikaburi dengan kesenangan mereka lupa kepada orang tua. Perasaan kurang menghormati orang tua adalah disebabkan oleh keegoan diri mereka sendiri. Oleh itu,

biarlah sikap saling hormat-menghormati orang tua akan sentiasa terpatih di hati meskipun arus moden menghantui jiwa kita. Amalkan sikap menghormati orang tua, kerana ia suatu amalan yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Norlia binti Haji Ibrahim,
No. 17, Jalan 1 Simpang 27, Kampong Perpindahan Lambak Kanan, BC 2715.
No. k/p: 00-289233

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Hargai Hasil Karya Seni Pelukis Tempatan'. Tarikh tutup: 1 Mac 2006.

2. 'Cara Meningkatkan Minat Orang Rumah Membaca Pelita Brunei'. Tarikh tutup: 8 Mac 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunei.bn

Menghormati orang tua amalan mulia

MENGHORMATI orang tua memang menjadi amalan hidup masyarakat kita sejak dahulu lagi. Sejak kecil lagi, kita telah diasuh supaya menghormati orang yang lebih tua daripada kita. Islam menyuruh kita supaya bersikap lemah lembut, bersopan santun dan berbudi bahasa apabila berhadapan dengan orang tua.

Yang dimaksudkan dengan hormat itu adalah mengucapkan salam apabila bertemu dan bersalam. Kita hendaklah merendahkan suara apabila berbicara dengan mereka dan tidak menunjukkan sikap sombong sebaliknya mempunyai sikap bersedia untuk menolong mereka. Kita hendaklah bersopan santun dengan cara membungkukkan badan apabila lalu di tengah-tengah kumpulan orang tua.

Namun begitu, tradisi seperti ini jarang kita lihat terutama kepada golongan muda-mudi pada masa sekarang. Amalan ini berkurangan kerana hidup mereka sudah semakin moden dan mudah terpengaruh dengan cara hidup orang-orang barat. Mereka lebih mementingkan diri sendiri. Pengaruh media massa, terutamanya televisyen banyak memberi kesan kepada perubahan sikap generasi sekarang yang kurang menghormati orang tua. Amalan menghormati orang tua amat penting. Ia perlu dipupuk dan dihidupkan semula. Islam menggariskan adab-adab pergaulan, persaudaraan dan persahabatan. Adab-adab ini perlu diamalkan sepanjang masa.

Ibu bapa perlu mengajarkan anak mereka supaya menghormati orang tua. Oleh itu, sikap menghormati orang tua ini perlu bermula di rumah seperti kata pepatah 'kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Apabila peribadi seseorang anak sudah terlenut dengan baik sejak awal-awal lagi, tidaklah sukar bagi mereka hendak

mengamalkan amalan mulia ini.

Agama Islam amat melaknati anak yang derhaka kepada ibu bapa. Kisah Nakhoda Manis dapat dijadikan teladan. Janganlah kita sesekali melawan atau menderhakai mereka. Ini kerana mereka telah bersusah payah melahirkan dan membesarkan serta mendidik kita supaya menjadi orang berguna. Oleh itu untuk membalas jasa mereka, kita perlulah menghormati mereka. Kejayaan kita sudah pasti dapat menggembirakan hati ibu bapa. Insya Allah, apabila mereka gembira dan suka hati, pintu Syurga akan terbuka sebab 'syurga itu terletak di bawah tapak kaki ibu'.

Sebagai kesimpulan, Islam menuntut umatnya supaya menghormati orang tua kerana ia merupakan amalan yang mulia.

Mardiah binti Haji Bachee,
No: 40 Kampong Lupak Luas, Jalan Kasat, BJ 2524,
No. k/p: 00-313851

Beri nafkah, senangkan hati mereka

MENGHORMATI orang tua adalah perintah Allah Subhanahu Wataala. Keataatan kepada Allah dapat terlihat dengan menghormati kedua-dua ibu bapa.

Kewajipan anak terhadap orang tua atau ibu bapa ialah berbuat baik, taat dan menghormati mereka.

Ada pelbagai cara untuk menghormati orang tua di antaranya segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya. Dan apabila mereka telah sampai pada usia tua dan tidak mampu untuk berusaha lagi, maka berilah nafkah kepada kedua-duanya. Kemudian doakan agar mereka memperoleh rahmat dan ampunan daripada Allah Subhanahu Wataala, baik ketika masih hidup mahupun setelah meninggal dunia. Kita sebagai anak harus sentiasa senyum, ramah-tamah, tidak menyakiti hati mereka dengan kata-kata yang kasar seperti mengucapkan kata-kata 'cis', 'ah' dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wataala: *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-*

duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan perkataan 'ah', dan janganlah kamu membentak mereka. Dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia." (Surah Al-Israa' ayat 23).

Orang tua, terutama ibu harus selalu kita hormati sepanjang hidup kita sebab dialah yang paling berat menanggung penderitaan waktu mengandung, melahirkan, menyusui dan mengasuh kita.

Kita harus sentiasa menghormati orang tua, walaupun itu bukan orang tua kita sendiri. Kalau kita memaki orang tua yang bukan orang tua kandung kita, maka erti kita memaki orang tua kita sendiri. Hal ini ditegaskan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabdanya: *"Sesungguhnya di antara sebesar-besar dosa besar ialah seseorang melaknat orang tuanya sendiri, kemudian para sahabat bertanya: Bagaimana boleh jadi seseorang akan melaknat dua orang tuanya? Maka jawab Nabi: Iaitu dia mencaci ayah orang lain, kemudian orang tersebut mencaci ayahnya dan ia mencaci ibu orang lain, kemudian orang tersebut*

mencaci ibunya." Riwayat Bukhari dan Muslim.

Memuliakan orang tua kita bukan dengan memberinya harta yang berlimpah, tetapi akhlak yang baik dari anak-anaknya sudah membuatkan orang tua kita merasa damai dan senang. Harta tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan akhlak yang baik.

Demikianlah, menghormati orang tua merupakan perkara yang sangat penting kerana jika kita derhaka terhadap mereka maka ia tergolong dosa besar. Seandainya kita banyak berbakti kepada kedua-duanya maka kita akan memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wataala kerana keredaan itu terletak pada keredaan ibu bapa.

Mohd. Noordin bin Haji Mohd. Yusoff,
No. 11 Simpang 1285, Kampong Sungai Kelugos, Kilometer 28, Jalan Tutong, TB 2741.
No. k/p: 00-123990.

Mohd. Noordin bin Haji Mohd. Yusoff,
No. 11 Simpang 1285, Kampong Sungai Kelugos, Kilometer 28, Jalan Tutong, TB 2741.
No. k/p: 00-123990.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Menghormati Orang Tua Amalan Mulia'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Laksanakan tanggungjawab, hormati orang tua

MENGHORMATI adalah satu sifat terpuji yang digalakkan dalam Islam, ia bermaksud berbakti, berbuat baik dan berakhlak terpuji.

Orang tua bermaksud kedua-dua ibu bapa atau boleh juga bermaksud orang yang lebih berpengalaman dari kita sama ada dari segi usia, ilmu pengetahuan, amalan dan pengalaman.

Menghormati orang tua adalah suruhan Allah Subhanahu Wataala. Jika kita tidak menghormati

orang tua berarti kita tidak taat kepada Allah, kerana keredaan Allah terletak pada keredaan ibu bapa. Orang tua wajib kita hormati dan yang lebih hebat lagi ialah ibu, sebab dialah yang telah bersusah payah melahirkan kita ke dunia ini.

Firman Allah Subhanahu Wataala: *"Dan Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandung dia dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah pula mengan-*

dung dan menyusunya selama 30 bulan." (Al-Ahqaf ayat 18).

Setiap orang tua lebih mementingkan kebahagiaan anak-anaknya dari diri mereka sendiri. Dalam hal apa pun setiap ibu bapa ingin melihat anak mereka berjaya, lebih berjaya dari diri mereka sendiri. Justeru itu, setiap anak harus menjaga hati dan mentaati ibu bapa mereka. Kita akan dimurkai Allah jika kita bersikap zalim terhadap kedua-duanya.

Kita sebagai anak harus memohon, berjuang

sekuatnya kepada Allah bila orang tua kita belum mendapat hidayah dari Allah. Dan kita harus selalu menerima segala kekurangan orang tua kita dengan lapang dada. Anak-anak wajib melaksanakan tanggungjawab menghormati ibu bapa dan berbakti kepada kedua-duanya sama ada sewaktu mereka masih hidup ataupun sesudah mereka meninggal dunia.

Kesempurnaan, keberkatan dan kebahagiaan hidup seseorang manusia berkait rapat dengan ke-

hidupan keluarga. Hubungan kekeluargaan dilihat dalam Islam melalui kaca mata kasih sayang, hormat-menghormati, tolong-menolong dalam segala bentuk tanggungjawab bagi menyenangkan ahli keluarga terutama sekali orang tua.

Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Wasli
No: 13, Jalan 99, Perpindahan Lambak Kanan, BC 2515.
No. k/p: 00-283962.

REMAJA



MESEJ KEMERDEKAAN

OLEH H. A. MANAP

TEMA Hari Kebangsaan negara kita ke-22 tahun 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa', membawa mesej yang jelas untuk kita hayati bersama. Mesej yang terkandung di dalamnya merupakan perutusan untuk mengajak kita semua sebagai sebuah bangsa yang merdeka penuh lagi berdaulat bergerak dengan lebih gigih dan proaktif. Keupayaan kita akan menjadi kayu pengukur bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang kuat dan teguh berusaha. Dalam konteks ini adalah penting untuk kita meletakkan dan mengangkat imej bangsa kita sebagai sebuah bangsa dan masyarakat yang merdeka di tengah-tengah perkembangan dan kemajuan dunia sekeliling kita. Peranan besar yang menjadi tanggungjawab dan tugas kita ialah memberikan imej kekuatan dan kemampuan kita untuk bersaing dengan masyarakat antarabangsa yang sudah ke depan mengharungi pelbagai kemajuan dan perubahan semasa.

Apa yang perlu dilakukan ialah sebagai sebuah bangsa merdeka kita mempunyai tamadun tersendiri, untuk memperlihatkan keupayaan sedemikian. Persoalan sama ada kita mampu atau sebaliknya bersaing dalam perubahan dan kemajuan dunia sekeliling banyak bergantung kepada sikap dan kehendak kita. Jika kita mahukan perubahan dan kemajuan, kita yakin keupayaan kita tidak akan jauh beza dengan mereka yang berada di hadapan kita. Namun jika kita merasakan belum masanya untuk berbuat sedemikian, maka ini akan membawa implikasi yang akan memberikan gambaran tentang kelemahan dan ketidakupayaan kita berada di tengah-tengah kelipatan zaman yang serba

canggih ini.

Perlu kita perhatikan bersama, sebelum kita melangkah jauh untuk menjadi 'players' di dalam dunia seagat ini, kita perlu mempersiapkan diri dengan kehendak dan nilai-nilai yang menjadi asas yang akan mengangkat kemampuan dan keupayaan kita bersaing. Asas penting ialah ilmu dan kemahiran perlu wujud dalam diri kita. Kita perlu melihat jauh ke hadapan dan meletakkan pergolakan dan perubahan zaman yang akan kita lalui adalah merupakan arus dan gelombang yang menjadi wadah untuk mengangkat diri kita. Dalam perlumbaan yang ada, kita sudah tidak boleh lagi bersendirian dalam membentuk keupayaan. Kita perlu kuat mewujudkan sistem ma-

syarakat dan bangsa kita. Kekuatan sebuah bangsa dan masyarakat itu banyak bergantung kepada sejauh mana kita boleh menterjemahkan kemahiran dan kecakapan yang kita boleh lakukan itu dalam mengangkat martabat bangsa dan negara.

Tuntutan perubahan dan mesej kemerdekaan adalah merupakan faktor penting untuk kita menunaikan kehendak sedemikian dengan lebih berupaya. Kemampuan dan tahap daya fikir kita juga perlulah mengunjur jauh ke hadapan tanpa adanya pandangan yang hanya terkongkong kepada kesukaran dalam mewujudkan sebarang perubahan. Persoalan adakah kita mampu untuk bersaing, bukan lagi merupakan isu yang perlu ditumpukan. Apa yang penting bagaimana kita boleh dan mampu menjadi pesaing yang hebat seperti mana yang dilahirkan oleh negara-negara yang berada di hadapan kita. Sudah sampai masa dan ketikanya kita menjadi masyarakat penghasil, pengeluaran dan pemandu arah.

Semua kita hendaklah menjadi jentera penggerak tidak boleh mengasingkan diri untuk berperanan. Kejayaan dan pencapaian matlamat bangsa yang berdaya siang hanya akan

dapat kita capai dengan adanya semua kita merasakan berperanan dalam mendukung hakikat kehendak sedemikian. Meskipun skala dan keupayaan kita mungkin dilihat tidak sebesar mereka yang berkupayaan tinggi, namun dengan adanya keupayaan yang kita miliki dan juga semangat ingin maju ke hadapan nilai dan kualiti yang akan kita wujudkan sudah pasti akan seimbang dengan yang diraih oleh mereka. Inilah matlamat yang kita mencapai membina kekuatan berbangsa dan bernegara melalui kekuatan dan kemampuan daya saing bangsa kita sendiri.

Kemakmuran dan kesejahteraan yang ada di negara kita ini, adalah merupakan iklim yang sangat penting dalam mewujudkan dorongan dan kekuatan ke arah pembinaan tamadun tinggi yang ingin kita laksanakan itu. Kemudahan-kemudahan pendidikan, kestabilan ekonomi, kemakmuran rakyat, kemudahan perkhidmatan kesihatan, sosialisme kehidupan yang lebih terkawal dan bermacam lagi kemudahan yang kita dapati memperlihatkan adanya keupayaan kita untuk mewujudkan sesuatu yang lebih bermakna dalam kehidup-

an berbangsa dan bernegara. Kita yakin mesej kemerdekaan setelah 22 tahun kita lalui, sedang kita gerakkan dengan lebih kemas dan sempurna. Penumpuan kita untuk membina kekuatan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dan bertamadun tinggi di pelbagai bidang akan juga terus digarap bersama.

Justeru meningkatkannya ke arah yang lebih berupaya besar adalah merupakan asas pembinaan sedemikian. Generasi baru yang akan menjadi peneraju kemajuan bernegara perlu memulakan langkah dari sekarang dengan menyumbang di pelbagai bidang. Peranan ini dituntut untuk menjadikannya sebagai penggerak kemajuan dan pembawa pembaharuan. Inilah mesej yang dibawa oleh kemerdekaan negara kita. Ia wujud untuk melahirkan bangsa yang kuat, teguh dan berprestasi tinggi. Kriteria inilah nanti yang akan membantu daya saing kita, untuk berada di tengah-tengah kepesatan dan pergolakan dunia sekeliling. Kita tidak perlu menjadi penonton lagi, malahan kita perlu bergerak untuk menjadi penghasil, pengeluaran dan juga pemikir utama dalam menterjemahkan erti kemerdekaan yang kita kecapai sekarang.

ESOK kita akan merayakan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22. Ini bermakna kita telah mengambil alih tanggungjawab antara-bangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat sudah menjangkau usia lebih dua dekad pada 1 Januari 1984 dan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Pertama Negara Brunei Darussalam pula diraikan pada 23 Februari 1985 yang mana pada malam 23 Februari 1985 itu dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat di masjid-masjid, surau-suru

dan balai-balai ibadat di negara ini dengan tumpuan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan sehingga ke hari ini kita masih mengekalkan tradisi sambutan tersebut. Pada keesokannya, Upacara Perhimpunan Hari Kebangsaan melalui pelbagai corak persembahan yang mengetengahkan tema sambutan 'Bersatu Padu Mendukung Konsep Negara Melayu Islam Beraja' yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Gambar bawah, Pembacaan Ikrar dibacakan di Upacara Perhimpunan Hari Kebangsaan Pertama Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1985. - Sumber PELITA BRUNEI keluaran 27 Februari 1985.



PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 8 Februari 2006

Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Subok.

Pemenang Soalan Alai Pintar keluaran 8 Februari 2006

Nur Aliessa Besheeah binti Noorazmie,
Sekolah PDS Jangsak Gadong.
Umur : 9 tahun

Nadia Natasya binti Naim,
Sekolah Rendah Tanah Jambu.
Umur : 10 tahun

Nur Syafiqah binti Usop,
Sekolah Rendah Dato Marsal.
Umur : 8 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 711

1. Apakah nama bangunan ini?

.....
.....
.....

2. Di manakah letaknya?

.....
.....
.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 711

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 711,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
(Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan)
Bahagian IV

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pengesahan pinjaman dan penyelesaian pinjaman menggunakan pinjaman (loan) kerajaan atau bank.	14 hari
2.	Lesen memandu sementara bagi bakat pemandu baru dan tambahan jenis kelas-kelas memandu.	5 minit
3.	Lesen memandu penuh satu (1) tahun bagi pemandu yang baru lulus ujian atau diberi kebenaran JPD.	1 hari

DI SEBALIK BENCI ...



OLEH DURRAH

"KAK, Nora, ayah panggil ke bilik tamu," Izzat mengejutkan kakaknya yang sedang menyiapkan diri. Nora ketika itu sedang mengenakan tudung ala Wardina sebelum keluar melakukan tugas utamanya di Hari Raya iaitu menghidangkan minuman. Apabila dia pergi ke bilik tamu untuk menghidangkan minuman, dia disuruh untuk menunggu sebentar oleh ibunya Hajah Aminah. Dia menurut tanpa banyak soal kerana mungkin kawan ibunya hendak bertanya sesuatu.

"Nora, awak sudah berteman?" tanya Makcik Haslinda kepada Nora. Dia cuma tersenyum sambil menggeleng. Nora memang tidak mempunyai teman lelaki tetapi dia meminati seseorang ketika dia masih berada di sekolah menengah. Fikri, seorang pelajar yang cemerlang dan dipuji oleh guru-guru kerana sifatnya yang baik. Dia masih lagi menaruh hati kepada Fikri sehingga ke hari ini walaupun dia sudah menjejak kaki di Universiti Oxford, London. Dia tersentak dari lamunannya apabila pahanya ditepak oleh Makcik Haslinda.

"Awak setuju tak Nora?" Nora yang tidak tahu hujung pangkal cerita cuma mengangguk. Dia hairan melihat senyuman ibunya semakin melebar, "setuju untuk apa Makcik?" Nora bertanya pula. Makcik Haslinda m e n g g e l e n g k a n kepalanya sambil ketawa.

"Awak setuju tak kalau makcik jodohkan awak dengan anak saudara makcik? Dia datang sebentar lagi. Nora terpaku mendengar penjelasan Makcik Haslinda. Tidak lama kemudian telefon bimbit Makcik Haslinda berbunyi. Dia mengangguk berkali-kali lalu keluar sebentar apabila terdengar bunyi kereta masuk ke dalam halaman rumah. Apabila dia masuk dia ditemani seorang lelaki yang segak berbaju melayu.

"Nora?" Nora yang baru bangun hendak mengambil air di dapur berhenti untuk melihat siapa yang memanggil namanya, Khairul?! Tanpa membuang masa, Nora keluar ke dapur. Dia meminta tolong kepada adiknya Mimi tetapi Mimi malas hendak menghidangkan minuman. Terpaksalah Nora masuk melakukan tugasnya.

"Kenapa lambat? Kasihan anak saudara makcik tertunggu-tunggu minumannya untuk dihi-

dang," kata Makcik Haslinda sambil mengenyitkan matanya. Pipi Nora merah menahan rasa malu. Khairul pula memerhatikan lama apabila dia menghulurkan minuman. Selepas makcik berdehem barulah dia mengambil minumannya.

"Chewah, kamu berdua berjanji hendak pakai baju warna sedondonkah?" tegur Hajah Aminah. Baru Nora dan Khairul sedar bahawa mereka berdua memakai baju berwarna merah hati. Oleh kerana tidak tahan menjadi tumpuan, Nora pun meminta diri untuk keluar. Dia mencapai album gambar yang terletak di atas meja belajarnya. Dia menyelaknya satu-persatu sehingga kembali kepada ingatan silamnya.

Assalamualaikum Fikri. Apa khabar? Sudah lama kita tidak bebalas mesej. Nora harap mesej Nora ini dapat ringankan fikiran Fikri yang sarat dengan aktiviti.

Hantar:

Fikri

+6738122925

Nora selalu menghantar mesej kepada Fikri supaya dia dapat mengenalinya dengan lebih dekat. Alhamdulillah, Fikri membalas mesej-mesejnya tetapi Fikri tidak pernah tahu bahawa

dia sebenarnya berbalas mesej dengan juniornya sendiri. Semua ini bermula dengan Khairul. Nora terpaksa berlakon sebagai pelajar dari sekolah lain ketika berbalas mesej dengan Khairul atas permintaan kawannya Saedah. Saedah memintanya untuk membalas dendam terhadap Khairul yang telah mempermainkan persahabatan mereka.

Ketika berlakon itulah dia mengambil risiko untuk bersahabat dengan Fikri. Untuk melindungi identitinya, dia juga terpaksa berlakon bersama Fikri. Tanpa Nora sedari, Saedah sendiri telah membongkarkan identitinya kepada Khairul. Mereka telah berbaik semula tetapi Saedah cemburu melihat Nora rapat dengan Khairul. Tanpa menyiasat keadaan terlebih dahulu Khairul memutuskan persahabatannya bersama Nora.

Nora tidak dapat menyalahkan Saedah kerana semua ini pun salahnya juga kerana mengambil kesempatan untuk mendekati Khairul. Sebelum dia menyukai Fikri, Khairul terlebih dahulu mengambil perhatiannya. Sekarang dia tidak begitu kisah kerana semua itu telah berlalu. Dia berdoa semoga impian Saedah untuk dijodohkan dengan Khairul kesampaian. Nora

"AWAK setuju tak kalau makcik jodohkan awak dengan anak saudara makcik? Dia datang sebentar lagi. Nora terpaku mendengar penjelasan Makcik Haslinda. Tidak lama kemudian telefon bimbit Makcik Haslinda berbunyi. Dia mengangguk berkali-kali lalu keluar sebentar apabila terdengar bunyi kereta masuk ke dalam halaman rumah. Apabila dia masuk dia ditemani seorang lelaki yang segak berbaju Melayu.

masih lagi menanti Fikri untuk membalas mesejnya tetapi sayangnya Fikri tidak membalas sehingga keesokan harinya. Kesabarannya benar-benar teruji. Dia hampir menagis kerana takut Fikri terhidu tembelangnya dan membencinya sebagaimana Khairul membencinya.

Wa a l a i k u m s a l a m Nora. Fikri sihat dan Nora pula bagaimana? Apa aktiviti sekolah Nora ketika ini? Tentu seronok bukan?

Penghantar: Fikri

+6738122925

"Ya Allah! Adakah Fikri tahu?" bisik hati Nora. Dia mula berasa bimbang. Mungkin sudah tiba masanya untuk berterus-terang. Pada hari itu juga dia menerangkan segala-galanya kepada Fikri dan meletakkan keputusan sepenuhnya di tangan Fikri untuk meneruskan persahabatan atau memutuskannya. Fikri menerima semua itu dengan tenang malahan dia masih menerima Nora sebagai sahabatnya. Tetapi entah bagaimana hubungan mereka semakin lama semakin renggang sehingga

kini langsung tiada khabar berita. Nora dan Fikri hanyut mengikut haluan arus masing-masing.

Ya Allah jodohkan aku dengan seorang lelaki yang salih yang dapat membimbing dan menegurku. Faham akan diriku dan menerima segala kekurangan diriku. Amin! Inilah doa Nora setiap kali selepas sembahyang. Jika jodohnya bersama Fikri maka doanya akan termakbul tetapi sekiranya jodohnya bersama dengan orang lain dia reda. Nora tahu bukan setiap impian akan menjadi kenyataan dan dia faham yang jodoh ditentukan bukan olehnya tetapi semuanya di tangan Tuhan ...

Bunyi ketukan pada pintu biliknya menyedarkannya dari kenangan silamnya. Kini Nora perlu berpijak di atas bumi yang nyata dan berhenti berfantasi. Setelah membenarkan pintu dibuka, adiknya Mimi masuk ke dalam.

"Ka Nora, keluarlah... Ramai orang datang ketika ini. Ka Jura dan Ka Dee tidak cukup tangan di dapur," beritahu Mimi. Nora menyimpang semula album tersebut ke tempat asalnya.

"Hmm ... Teringat Fikri ya?" dia menyerkap jarang. "Bolehlah. Khairul masih ada di bilik tamu?" tanya Nora. Mimi mengangguk dengan wajah tersenyum. Nora pula berdoa agar Khairul beredar ketika itu juga. Bukan hendak menghalau tetapi dia tidak selesa dengan pandangan dan kemesraan Khairul melayan ibunya.

Kehangatan kopi menyemarakkan lagi semangatnya untuk menyelesaikan tugas terakhirnya sebelum cuti semester bermula. Pemandangan di

luar tingkap biliknya begitu menarik perhatian. Kota London diselimuti salji putih. Sebuah senyuman meniti di bibirnya. Aishah, teman sebilik dan sahabat baiknya dari sekolah menengah sedang lena tidur dibuai mimpi. Impian mereka berdua untuk menyambung pelajaran di kota London sudah menjadi kenyataan. "Hei, mengelamun jauh nampak ..." Aishah menyergah Nora dari belakang.

"Bila awak bangun?" Nora kembali menghadap laptopnya, jarinya cekap menekan papan kekunci. Aishah membiarkan soalan sahabatnya berlalu ditiup angin. Dia mengamati Nora yang sedang tekun menyiapkan kerjanya.

Aishah tahu setiap kisah cinta Nora dengan sekali petik jarinya. Bukan tidak ada orang meminatinya tetapi dia tidak pernah melayan mereka lebih daripada seorang kawan. Bila ditanya mengapa, dia akan menjawab yang dia belum bersedia untuk komitmen. Hakikatnya, orang akan berpaling kepadanya untuk meminta nasihat apabila dilanda masalah cinta sehingga dia digelar doktor cinta. Tetapi bila mendengar gelaran itu dilafazkan, dia akan mengerutkan dahinya tanda dia tidak setuju. Lagipun gelaran itu cuma akan mengingatkannya kepada Khairul. Dahulu Khairul pernah memberitahunya yang dia ingin menjadi doktor cinta.

Nora menggeliat setelah tugasannya selesai. Pada kebiasaannya dia akan menyemak e-mel yang diterimanya. Memandangkan hujung minggu ini mereka berdua akan pulang ke tanah air, mereka merancang untuk menghantar tugas mereka dan

berjalan-jalan untuk membeli cenderamata buat ahli keluarga yang berada di Brunei. Sedang Nora meminati Aishah membeli barang-barang hantaran untuk perkahwinannya yang akan dilangsungkan pada cuti semester ini, mata Nora tertumpu kepada jam tangan berpasangan untuk lelaki dan perempuan. Reka bentuknya sangat cantik sehingga Nora membuat keputusan untuk membeli jam wanita tersebut. Aishah hairan melihat Nora hanya membeli jam wanita daripada set itu.

Aku hairanlah. Kenapa awak beli jam wanita sahaja?" soal Aishah menanti jawapan daripada Nora. Nora hanya ketawa mendengar soalan Aishah yang pelik itu.

"Aikk, salahkah aku beli untuk diri sendiri? Lagipun kalau aku beli aku hendak bagi siapa? Takkanlah Fikri ...," balas Nora. Aishah terkejut apabila mendengar nama Fikri disebut oleh Nora. Dia tidak menyangka yang sahabatnya itu masih lagi teringat kepada Fikri. "Baiklah, aku tahu awak faham sangat dengan sifat aku yang penuh muslihat ini. Aku ingat aku akan terima pinangan mana-mana lelaki tetapi dengan satu syarat, dia hendaklah memiliki pasangan jam ini. Nora menerangkan cadangannya kepada Aishah sambil tersenyum gembira.

"Skrut otak awak longgarkah? Jam ini bukan jam biasa Nora! Ini edisi terhad!" Aishah benar-benar tidak puas hati dengan syarat yang Nora utarakan. Kalau beginilah keadaannya, alamat lama lagi Pakcik Johari melihat Nora naik pelamin. Mereka berdua sudah berumur 27

Lihat muka 9

YA ALLAH jodohkan aku dengan seorang lelaki yang salih yang dapat membimbing dan menegurku. Faham akan diriku dan menerima segala kekurangan diriku. Amin! Inilah doa Nora setiap kali selepas sembahyang. Jika jodohnya bersama Fikri maka doanya akan termakbul tetapi sekiranya jodohnya bersama dengan orang lain dia reda. Nora tahu bukan setiap impian akan menjadi kenyataan dan dia faham yang jodoh ditentukan bukan olehnya tetapi semuanya di tangan Tuhan ...



Pameran 'Menongkah Arus' imbas zaman silam

OLEH ABU BAKAR HAJI ABDUL RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

PELAMBAHAN, Khamis, 26 Januari. - Batang dan buluh seperti gaman dan rakit merupakan antara sendedaan tradisional yang awal di negara ini.

Manakala gubang dan lumping adalah sejenis perahu yang diperbuat dari kayu yang dikorek menggunakan kapak dan beung.

Kenderaan tersebut adalah untuk kegunaan di sungai kecuali gaman yang digunakan di persisiran pantai.

Pegawai Arkeologi Bahagian Muzium Maritim, Awang Matzin menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian Pameran Menongkah Arus: Traversing The Blue Exhibition yang disempurnakan

oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub di Muzium Teknologi Melayu di sini.

Katanya, berdasarkan pada kajian zaman dahulu, manusia tidak mempunyai kenderaan yang khas, namun besar kemungkinan mereka menyeberangi sungai dengan duduk di atas sebatang kayu dan berdayung namun jenis kenderaan berubah setelah mereka mengetahui dan pandai cara membuat sampan dengan membuat lubang di tengah-tengah batang kayu.

Kemudian teknologi membuat perahu terus berkembang dengan menjadikan batang kayu yang



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub mendengar beberapa keterangan oleh Pegawai Arkeologi Bahagian Muzium Maritim, Awang Matzin mengenai alat pameran yang dipamerkan. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

dikorek sebagai lunas yang kemudiannya ditambah di atas dengan papan dan proses ini dipanggil sebagai membiris perahu.

Jelas beliau dengan adanya pameran ini orang ramai khususnya para pelajar akan dapat memahami tamadun bangsa seperti sejarah, ekonomi dan budaya yang berkaitan dengan pelayaran, di samping dapat meningkatkan kefahaman orang ramai tentang keunikan seni bina dan kemahiran pertukangan perahu dan kapal di negara ini.

Pameran perahu yang bertemakan 'Menongkah Arus' bertujuan untuk mengimbas kembali peradaban dalam bidang maritim di negara ini, di samping bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai tradisi pelayaran tempatan yang semakin

tenggelam dan terhakis oleh arus kemodenan.

Pameran ini juga merupakan satu usaha Jabatan Muzium-Muzium Brunei untuk memperkenalkan kembali jenis-jenis perahu yang satu ketika dahulu pernah digunakan dan juga jenis-jenis perahu yang kini tidak lagi digunakan secara meluas.

Antara model perahu yang dipamerkan ialah seperti perahu tongkang, perahu pengabot, perahu pe-laik dan perahu kumpit. Manakala perkakas membuat perahu yang dipamerkan ialah seperti ragum, ulak-ulak, gigis, pembahas dan sapit-sapit.

Pameran dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula hari ini hingga 31 Mei 2006 bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

PDB laksana 'Kepolisian Masyarakat' secara berperingkat

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM
ahmad.salim@information.gov.bn

KOTA BATU, Jumaat, 17 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Daerah-daerah Polis dan Balai-balai Polis di seluruh negara secara berperingkat-peringkat akan mengimplementasikan konsep atau pendekatan baru 'Kepolisian Masyarakat' atau Community Policy.

Para anggota berkenaan akan bertanggungjawab untuk mengenal dan berinteraksi dengan penduduk setempat mengikut zon masing-masing bagi memastikan yang suasana jalinan kerjasama akan dapat diwujudkan dengan lebih berkesan.

Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian Pos Kejiranan Polis Perpindahan Kampong Mentiri yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Kampong Mentiri di sini.

Menurut Yang Di-

muliakan lagi, adalah diharapkan dapat membantu Pasukan Polis Diraja Brunei untuk mengenal pasti perkara-perkara keselamatan yang menjadi keutamaan bagi sesebuah kampung atau kawasan.

Sehubungan dengan itu, tegas Pesuruhjaya Polis perancangan awal hendaklah dilaksanakan segera dengan keupayaan dan tenaga anggota yang ada di daerah masing-masing.

"Walaupun ada di antara Daerah-daerah Polis akan merasakan kesukaran dengan tenaga anggota yang terhad, perkara ini jika dilaksanakan dengan penuh komitmen akan mendatangkan hasil yang tidak ternilai harganya dalam memberikan jaminan ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat yang berpanjangan dan menyeluruh di negara ini," ujarnya.

Katanya, konsep Kepolisian Masyarakat dihasratkan ialah penyertaan aktif oleh semua pihak termasuk para pemimpin masyarakat, pihak peng-

usaha, sekolah-sekolah dan penduduk setempat.

"Di sini masyarakat dengan pihak polis berganding bahu memerangi semua bentuk kejahatan yang melanggar undang-undang serta aktiviti-aktiviti yang berbentuk anti-sosial. Penduduk setempat harus mempunyai sikap sedemikian bagi memastikan keadaan aman di dalam kawasan mereka sentiasa terpelihara dan terjamin," jelasnya.

Selepas itu Pesuruhjaya Polis kemudian merasmikan pos polis sementara yang terletak di kawasan Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Kampong Mentiri.

Pos polis sementara tersebut telah beroperasi pada 6 September 2005 dengan sembilan orang anggota yang bertugas secara empat sif. Sementara bangunan kekal bagi pos polis yang terletak tidak jauh dari kawasan Dewan Kemasyarakatan masih dalam pembinaan yang mana dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.



ASIK ... Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub menyaksikan salah satu pameran yang disediakan. - Foto : Pg. Ibni Pg. Hj. Hidup.

Dari muka 8

ahun bukan lagi muda. Mungkin hati Nora masih lagi terikat kepada Fikri sebab itulah dia sukar hendak menerima kehadiran lelaki lain dalam hatinya.

Sekembalinya Nora dari London, dia memaklumkan syaratnya kepada kedua-dua ibu bapanya. Hajah Aminah memprotes kerana syarat anaknya itu sedemikian mustahil untuk ditunaikan. Mustahil akan ada orang yang membeli set jam tersebut tidak mempunyai teman wanita, unang atau isteri. Lagipun targa jam tersebut sangat mahal kerana edisinya yang terhad. Banyak kedai di Brunei telah mereka santau dan jam tersebut ada lagi dalam simpanan atau ada yang tidak mengimportnya.

Haji Johari faham fikirannya itu yang belum pernah diikat dengan tali pertunangan. Dia masih ingat ketika Nora memberitahunya yang Nora suka kepada seorang lelaki ketika masih belajar di peringkat menengah. Sejak itu sehingga sekarang Haji Johari tidak pernah mendengar Nora menyebut tentang lelaki itu sekali itu sahaja ...

Nora sangat gembira melihat Aishah yang me-

nawan mengenakan baju pengantin. Hanis segak digandingkan dengan Aishah yang cantik memang bagai permata dengan cincin. Terdetik perasaan cemburu di hatinya tetapi dia sadar dia sendiri yang memilih jalan yang sunyi ini. Nanti bila mereka kembali ke London, Aishah akan menyewa sebuah flat bersama suaminya. Kebetulan ini adalah tahun akhir mereka di universiti jadi Hanis tidak merasa keberatan untuk mengorbankan masanya lagipun Hanis masih boleh mengirim kerjanya melalui komputer.

Terlalu banyak pinangan telah Nora tolak dan dia sememangnya berpegang teguh kepada syaratnya. Puan ibu dan adik beradiknya menasihatinya tetapi dia tetap keras kepala tidak mahu berganjak daripada keputusannya. Saudara-mara pula rama yang mencemuh dan ada yang mengatakan dia terlalu memilih pasangan. Nora terpaksa menuliskan telinga. Baginya jodoh di tangan tuhan dan segala perkara di dunia ini tidak mustahil termasuklah syaratnya. Tanpa disedari, masa cutinya berlalu dengan cepat. Dengan hati yang senang, Nora berangkat ke London membiarkan masalah itu tinggal di Brunei. Dia sudah berjanji kepada ibunya yang dia akan ikut

segala syarat-syarat yang ditetapkan oleh ibunya asal syaratnya yang satu ini ditunaikan.

Di London, Nora semakin sibuk dengan kuliah dan tugas-tugas yang tidak pernah surut. Dia juga terpaksa menghadiri pelbagai mesyuarat persatuan yang diikutinya memandangkan dia adalah salah seorang daripada ahli jawatankuasa. Jika ada masa terluang, dia dan Aishah akan lepak di Starbucks sambil mencari bahan-bahan untuk tugas seterusnya atau berbincang mengenai pencarian jam tangan lelaki tersebut. Itu pun kalau Aishah tidak bersiar-siar dengan Hanis. Nora kagum melihat kesungguhan para lelaki yang datang memintanya. Dia paling terharu apabila ada yang sanggup membawa koleksi jam tangan mereka untuk memastikan salah satu daripadanya sepadan. Tengah Nora dan Aishah berbincang, telefon bimbit Nora berbunyi menandakan satu mesej diterima.

"Assalamualaikum Nora, semalam seorang lelaki datang membawa jam tangan yang sepadan.

Pinangannya telah kami terima dan tempoh pertunangan kamu dipersetujui selama sembilan bulan."

Pengantar : Ibu +6738723585

"Aaa! Nora! Awak sudah bertunang!" Aishah menjerit sambil terloncat-loncat gembira. Nora terpaksa menatap skrin telefon bimbitnya. Nora tidak percaya yang kini dia sudah menjadi tunangan orang.

"Aku juga akan kahwin awal tahun depan," balas Nora perlahan.

"Nora, cepat atau lambat awak tetap akan kahwin. Jangan risau, insya-Allah lelaki itu adalah terbaik untuk awak," Aishah memberi semangat kepada Nora. Bibir Nora mula mengukir sebuah senyuman.

"Kuat jangkitan awak ni. Lain kali siapa yang dekati awak kenalah aku bagi amaran dulu. Siapa yang rasa-rasa hendak kahwin dalam masa terdekat ini hampirlah pengantin baru ini." Nora berkata sebelum melarikan diri dari dikejar Aishah.

Hari yang dinanti sudah berkunjung tiba. Tinggal beberapa jam saja lagi dia akan menjadi isteri orang. "Layakkah aku menjadi isterinya? Namanya sendiri pun aku tidak tahu. Segala persiapan perkahwinan disediakan oleh ibunya. Cuti semester ini aku langsung tidak pulang untuk menjimatkan duit bagi kos perbelanjaan perkahwinan," Nora bersoal jawab dengan dirinya sendiri.

Dirinya mula gementar kerana upacara akad nikah sedang berlangsung di luar bilik. Nadia dan Zura, Kakak Nora, menemaninya di bilik. Mereka cuba menenangkan Nora yang berada dalam keadaan cemas. Tiba-tiba Mimi berlari masuk ke bilik memberitahu lafaz akad nikah dengan sekali lafaz. Air mata Nora mula bergegas kerana terharu. Tidak lama kemudian kedengaran bunyi ketukan pada pintu bilik.

"Assalamualaikum," suara seorang lelaki memberi salam sebelum langkah masuk. Suara Nora tersekat di kerongkong, dia menjawab di dalam hati. Lelaki itu berdiri di hadapan Nora menghulurkan tangan untuk bersalam. Nora menyambut salam suaminya dan tanpa Nora sedari, air matanya menitis ke atas tangan suaminya. Suaminya menyeka air matanya dan mengangkat wajahnya. Mata Nora bertentangan dengan mata suaminya.

"Abang minta maaf kerana tidak mendengar penjelasan Nora dulu." Nora terkejut. Khairul! Khairul mencium dahi Nora yang kini sah menjadi isterinya. Salahnya dahulu kerana membiarkan Nora pergi.

Selepas majlis selesai, Nora ditinggalkan bersendirian bersama suaminya.



Nora berasa takut. Dia takut Khairul akan meng-

Nora berasa takut. Dia takut Khairul akan mengungkit kesilapannya dahulu dan membencinya. Dia takut diperalat dan dipermainkan.

"Kenapa Khairul? Kenapa awak kahwin dengan saya?" Nora merintih sedih. Pedih rasanya apabila dia mendapat tahu suaminya ialah Khairul dan dia mungkin dikahwini bukan atas dasar cinta tetapi dendam.

"Jangan menangis Nora. Abang sudah tahu segala-galanya dari Fikri," pujuk Khairul.

"Tapi bagaimana pula Saedah? Awak lebih layak bersamanya ..." balas Nora.

"Salah abang sendiri. Bila abang sadar akan perasaan abang terhadapannya, dia sudah dimiliki orang lain. Kini abang tidak mahu kehilangan Nora pula. Percayalah ..." Khairul menerangkan kepada Nora. Dia harap Nora dapat menerimanya dan tanpa Khairul sedari, Nora mula menerima kehadiran Khairul dalam hatinya. Dia sadar mungkin dia tercipta untuk Khairul, walaupun sebelum ini terjadi salah faham antara mereka berdua. Mereka berdoa semoga jodoh mereka berkekalan sehingga ke Syurga. Amin ...

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

KEMERDEKAAN

Bisikan lembut angin merdeka
mengimbu kembali memori beberapa
tahun yang lalu
laungan semangat keramat
Allahuakbar
sudah cukup
untuk meredakan getaran hati bangsaku.

Laungan semangat keramat
laungan penuh tekad
tegaklah bangsaku
bisikkan ke telingnya
bumi bertuah ini milik hakiki kita
janganlah resah-gelisah
tidak perlu gundah-gulana
merdeka itu pasti milik kita.

ANAKANDAKU

Ibu telah menjangkau usia
menanti kehadiran panggilan
sementara sisa-sisa hidup
mengongsi meninggalkan persinggahan
ingin rasa mengecap
manis rezeki pencarianmu
pun tumpang berlandung
bawah teduh bayang dewasamu
agar kehidupan ini kau sedari
sebenarnya banyak rintangan di hadapan.

Anakandaku
setelah bonda berangkat pergi
ke suatu ruang penantian
menuju ruang yang panjang
mungkin bekalan tidak seberapa
tika bahang api dan belantan bara
cuba menyusupi di bawah kepingan papan
bonda terlalu mengharap
selimut dari iman dan amalanmu
doamu mengiringi bonda
anakandaku.

Manja Rimba

WARISAN BANGSA

Apa gunanya ilmu
jika tidak diamalkan
apa gunanya kemasyhuran
jika hanya untuk diambung-ambungkan
apa gunanya kekayaan
jika hanya disimpan diparam
apa gunanya maruah
jika mengharap belas kasihan.

Bangsaku
bangunlah kamu dari tidur
banyakkan ilmu tambahkan amal
kekalkan adat junjungi budaya
walau hanya kerana bekarih
walau hanya kerana dirimu.

Bangsaku
janganlah kamu ditinggalkan
walau sudah berada di depan
jangan kamu mengharapkan ketulenan.

Jika jiwa masih terjajah
janganlah kamu menghayun batis
walau tugasmu sudah selesai
sedarlah, bangunlah, majulah ke depan
wahai bangsaku.

SAJAK BUAT KEKASIH

Keheningan malam
dan kebenangan suasana
malar menjana memori
diriku bersama dirimu.

Kata-kata yang diluahkan
berbaur cinta dan rindu
hanya suara yang kedengaran
memecah kesunyian, namun penuh romantis
banyak rahsia yang dikongsi bersama
ungkapan sejarah silam terbit
ungkapan penuh makna tersirat
dalam perasaan yang terus-menerus hangat.

Saat ku bertentang mata denganmu
aku terpegun melihat keanggunanmu
aku terpesona menyaksikan ketulusan
dan keikhlasanmu
serta merasakan ketelusan dan kejujuranmu
aku seakan bermimpi
semacam meragui sama ada semua ini
fantasi atau realiti
namun aku pasrah dan tawakal.

Aku berpegang pada janji
aku berpaut pada sumpah
untuk memperisterikanmu secara sah dan
saksama
untuk melayani kehendakmu zahir dan batin
untuk melayari bahtera kehidupan bak nakhoda
dan untuk menyatukan dua keluarga
yang berbeza
aku juga terus mengharap
yang dirimu sentiasa taat setia padaku
melalui hari-hari mendatang
menyambut kelahiran, membesarkan,
mengasuh dan mendidik
cahaya mata, buah hati kita berdua.

Aku maklum akan persekitaran
yang kadangkala kejam
tapi aku dan ku harap kamu
hanya menyerahkan semuanya pada Yang
Maha Berkuasa.

Ikan di laut, asam di darat, bertemu
akhirnya di kual
dari jauh didekatkan, yang dekat dimesrakan
dan yang mesra, disatukan
semoga masjid yang kita bina akan
berkekalan kukuh
menerangi semua dengan kebahagiaan
menyirami semua dengan ilmu agama
dan wawasan.

Ugan Brunei, Jerudong

23 FEBRUARI

23 Februari ...
tarikh keramat penuh makna
perlu diingat setiap masa.

23 Februari ...
akan kujulang setingginya
akan kuhias secantiknnya
dengan warna-warna kehidupan ...
jati diri dan semangat perjuangan ...
sejati.

23 Februari ...
jadi tanda titik tolak perjuangan kejayaan
kejayaan sebenar ...

kejayaan perpaduan ...
lambang kemerdekaan.

23 Februari ...
sematkan di jiwa ...
tanamkan di lubuk hati yang dalam
agar tak bisa dirobrek lagi.

23 Februari ...
semoga harapan ...
impian ...
tujuanmu ...
akan megah nan bertahta ...
di seluruh jiwa anak bangsa.

23 Februari ...

DUHAI TUNAS HARAPAN

Duhai Tunas Harapan
bangunlah segera
taburlah bakti ...
taburlah jasa ...
bangunlah ...

Usah kau tanya tentang bakti
tapi ...
tanyalah baktimu pada tanah air.

Walau seberat mana dugaan
walau sekecil mana imbalan
hakikat tetap hakikat
bakti tanah air tetap perjuangkan.

Kini merdeka dalam genggam
tanah air tenteram dan aman
hasil perjuangan insan terbilang.

Namun apa erti semua itu
jika kau hanya memandang ...
mendengar ... bangga ...
dan ... berpeluk tubuh.

Duhai Tunas Harapan
ertikan merdeka itu sedalamnya.

FITRAH MANUSIA

Teman ...
ketahuilah ...
malam itu tetap indah meskipun gelap
di balik gelap ada terangnya
sejuta keindahan sejuta kepalsuan
jika insan tiada menilai.

Kau hampiri terangnya malam
semakin gelap jiwamu.

Kau hampiri gelapnya malam
semakin terang jiwamu
walau kau tahu hanya mainan.

Terlena kau dibuatnya
melayang jiwamu di balik cahaya palsu
walau kau tahu ... namun ...
kuteruskan jua.

Di hujung pelayaran
kau tersangkut jua akhirnya
ke pangkal jalan suatu yang berat
namun itulah hakikat.

Demikian fitrahnya manusia
alpa dengan keindahan

leka dengan terangnya cahaya
walau tahu cuma palsu belaka.

Suriya

BANGUNLAH ANAK BANGSAKU

Wahai anak bangsaku yang tercinta
bangunlah dari kealpaan
orak langkahmu ke hadapan
fikir hari mendatang.

Lengkap dirimu dengan pengetahuan
mantap dirimu dengan keimanan
rantai dirimu dari serakah nafsu
semai sifat berdaya maju.

Jangan bergantung di dahan barat
kelak kita menjadi alat
berpautlah di dahan sendiri
maju mundur sama nikmat.

Bangunlah anak bangsaku
tunjukan kepada dunia
bangsa kita boleh berdiri lebih tinggi
duduk biar mereka rendah
mereka ke bulan kita ke awan.

Wahai anak bangsaku yang tercinta
bangunlah dari tidurnu
jangan terpedaya dengan hiasan dunia dan
tipu daya manusia
manfaatkan masa yang ada
sebelum hari mencecah senja
tidak sesal di hari muka.

4. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut :

Kelas Penender	I	II	III	IV	V		
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00	\$2,000.00
Dokumen - elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00	\$1,030.00

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Sebelum Dokumen-dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan Borang-borang Tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Dibukakan kepada pembekal-pembekal yang berdaftar di dalam kelas V & VI sahaja kategori 3 sahaja. Hingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 13 Mac 2006. Tarikh tutup tawaran 14 Mac 2006, hari Selasa.

BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/003/2006 : 817-019 : MEMBEKAL DAN MENANAM PAIP UTAMA DI DAERAH BELAIT - Loji Rawatan Seria Ke Kuala Belait (VOTE NO : 817-019). Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : \$500.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran \$1,000.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI sahaja kategori 3 sahaja. Hingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 13 Mac 2006. Tarikh tutup tawaran 14 Mac 2006, hari Selasa.

BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/004/2006 : 817-020 : MENGGANTI PAIP ASBESTOS CEMENT DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN AIR TERMASUK PAIP GALVANISED IRON DAN PVC DI DAERAH BRUNEI MUARA/TUTONG - JALAN LAMUNIN (VOTE NO : 817-020). Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : \$500.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI sahaja kategori 3 sahaja. Hingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 13 Mac 2006. Tarikh tutup tawaran 14 Mac 2006, hari Selasa.

BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/005/2006 : 817-021 : MENGGANTI PAIP 'ASBESTOS CEMENT' DI SISTEM PEMBAHAGIAN AIR TERMASUK PAIP 'GALVANISED IRON' DAN 'PVC' DI DAERAH BRUNEI/MUARA - JALAN TANJUNG MAYA (VOTE NO : 817-021). Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : \$500.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II, & III di bawah kategori 2, 5f, 6f, 7a, 7b, & Specialist sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada 4 Mac 2006 (Sabtu). Tarikh tutup hari Selasa, 7 Mac 2006 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan,

BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL : JKR/DTS/06/STE/2006 - T/II : CADANGAN BANGUNAN BENGKEL BARU BAGI UNIT JENTERA BERAT BANGUNAN MEKANIKAL SINARUBAI - CONSTRUCTION OF PUMP HOUSE AND R.C. PLINTH. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 13 Mac 2006. Tarikh tutup hari Selasa, 14 Mac 2006 hingga jam 2.00 petang.

BIL : JKR/DOD/03/2006 - CADANGAN KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR DI KAWASAN PERUSAHAAN LAMBAK KANAN (BARAT) - KERJA-KERJA STABILISASI JALAN RAYA DAN ASPAL. No. Projek : JKR/DOD/SEE/VOTE : 804-005-002. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada 18 Februari 2006 (Sabtu). Tarikh tutup hari Selasa, 28 Februari 2006 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL : JKR/DTS/07/SAR/2006 - T/IV : MEMBINA RUMAH PENJAGA DAN BALAI BOMBA UNTUK BATALION KETIGA, LUMUT, SERIA. Jumlah Yuran Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pembekal-pembekal yang berdaftar di dalam kelas II & III sahaja kategori 3 sahaja. Hingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu : 4 Mac 2006. Tarikh tutup tawaran 7 Mac 2006, hari Selasa.

BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/002/2006 : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG ALAT PAM AIR UNTUK KEGUNAAN BOOSTER LUAHAN JERUDONG DI DAERAH BRUNEI/MUARA (VOTE NO : B02970). Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V (IV, V, & VI) kategori 1 atau 4d sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 11 Mac 2006. Tarikh tutup hari Selasa, 14 Mac 2006 hingga jam 2.00 petang.

BIL : JKR/DDS 002/2006 (CDE) - T. V - MEMBAIKI SALIR-AN KAMPONG LUAGAN DUDOK DAN KAMPONG KERIAM, TUTONG. No. Projek : 05/DDS(CDE)/SK03A/500300/K12222. Yuran Tawaran : \$250.00. Yuran Dokumen : \$250.00. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN

BILANGAN TAWARAN : TMSN/8/1.2006

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi:
"THE LEASING OF PERSONAL COMPUTERS TO THE GOVERNMENT OF BRUNEI DARUSSALAM"

1. PEMBELI hendaklah membuat pembayaran bagi harga dokumen dan tawaran yang berjumlah \$200.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk 'Compact Disc' melalui dari:

UNIT HASIL, BAHAGIAN KEWANGAN,
TINGKAT 1, JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
JALAN GADONG
BANDAR SERI BEGAWAN BE1110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN : TMSN/8/1.2006

"THE LEASING OF PERSONAL COMPUTERS TO THE GOVERNMENT OF BRUNEI DARUSSALAM"

Tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN NEGARA
TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 3 April 2006

3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

berdaftar di dalam kelas II, III & IV kategori 4c dan 5f sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 20 Februari 2006. Tarikh tutup hari Selasa, 21 Februari 2006 hingga jam 2.00 petang.

BIL : JKR/DOD/02/2006 - PEMELIHARAAN RUMPUT, LANDSKAP DAN PEMBERSIHAN LONGKANG DI KAWASAN "HMSF" (RIMBA GADONG) DAN HELIPORT (ISTANA DARUL HANA). No. Projek : DOD/SD08A. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 25 Februari 2006. Tarikh tutup hari Selasa, 28 Februari 2006 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL : JKR/DTS/02/SAR/2006 - T/IV : BANGUNAN MARITIM ARKEOLOGI. No. Projek : DTS/SAR/D/515. Jumlah Yuran Tawaran : \$280.00 (Tidak dikembalikan).

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di bawah kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada 25 Februari 2006. Tarikh tutup hari Selasa, 28 Februari 2006 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL : JKR/DTS/05/BKT/2006 - T/III : KERJA-KERJA TANAH BAGI PUSAT KESIHATAN LAMUNIN, TUTONG. No. Projek : JKR/KT/KB/TUT/192. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TAWARAN BAGI PENGENDALIAN PERKHIDMATAN KANTIN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN : KPSU/BPK/TAWARAN/2006/01

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi mengendalikan perkhidmatan kantin Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
2. Dibukakan kepada pengendali-pengendali kantin, restoran dan juga perkhidmatan sajian. Tarikh akhir mengambil dokumen Tawaran ialah pada 21 Februari 2006. Tarikh tutup tawaran ialah pada Hari Selasa 28 Februari 2006.
3. Jumlah Yuran adalah seperti berikut :

1. Bayaran Dokumen : \$10.00
2. Yuran Tawaran : \$25.00

4. Setiap Penender kantin yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini mestilah membayar wang yuran dokumen dan yuran tawaran seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3, di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Waktu Pembayaran adalah seperti berikut :

Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi
1.45 petang - 3.30 petang

Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender/pengendali sama ada berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (Bona-fide tender). Kadar Yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, se-tiap penender/pengendali dikehendaki untuk menunjukkan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan dikehendaki untuk membayar dokumen tawaran yang ditetapkan.

6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis "TAWARAN PENGENDALIAN PERKHIDMATAN KANTIN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA." Bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti penender, dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat pada hari Selasa, 28 Februari 2006 jam 2.00 petang dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil

Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,

Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

7. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Jalan Menteri Besar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.
8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.
10. Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (TARIKH TUTUP : 15 MAC 2006)

TEMPAT PENGHANTARAN BORANG

PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM**Syarat-syarat Am :**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**1. KETUA PEGAWAI IMIGRESEN KANAN
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN
KEBANGSAAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3 :

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B.2

- b) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Pegawai Imigresen atau jawatan sebanding dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**2. PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Ijazah Sarjana Muda Perhubungan Awam / Mass Media atau bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- b) Mempunyai perwatakan, kualiti dan kaliber yang bersesuaian.
- c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- d) Mempunyai kebolehan dalam menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan media massa.

**3. PEGAWAI PELAJARAN
UNIT PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. DAN
- ii) Mempunyai:
- Sijil Perguruan
 - Sijil Pendidikan Khas
 - Sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman mengajar di sekolah-sekolah rendah atau menengah termasuk pengalaman menjadi Guru Pendidikan Khas tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Kelulusan lebih tinggi dalam bidang berkaitan dalam Pendidikan Khas merupakan kelebihan.
- c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- d) Pemohon-pemohon yang sedang atau pernah bertugas di Unit Pendidikan Khas merupakan kelebihan.

**4. JURUKUR BAHAN
JABATAN KERJA RAYA
B.2 EB.3 (\$2,270.00 - \$4,240.00 SEBULAN)
ATAU
B.2 (\$2,270.00 - \$3,760.00 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam Ukur Bahan. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- b) Menjadi ahli badan professional yang diiktiraf seperti Royal Institution of Chartered Surveyor, United Kingdom atau yang setaraf dengannya merupakan kelebihan.
- c) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mengukur bahan, menaksir bil bahan-bahan yang berkaitan dengan pelbagai jenis 'structure' bangunan, jambatan-jambatan dan lain-lain dan berpengalaman dalam menilai bangunan awam dan swasta (private) tidak kurang dari 6 tahun.

PEMBERITAHUAN :

- Isikan (1) satu salinan sahaja borang SPA1 atau SPA2 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan; dimana Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memberikan atau menyertakan lampiran-lampiran seperti berikut :-

 - Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
 - Rekod Perkhidmatan.

- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.
- Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.
- Tugas dan Tanggungjawab: Maklumat boleh diperolehi dari Kementerian/Jabatan masing-masing atau melayari laman web Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti di bawah.

TARIKH TUTUP IKLAN : 15 MAC 2006

TEMPAT MENDAPATKAN / MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN:

PENYAMBUK TETAMU, TINGKAT 1
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN BB3150
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Website: www.spa.gov.bn
Tel. No : 2381961 ext 543 (Bahagian Iklan)
BILANGAN IKLAN : 8/2/06 (SPA/BMI)



IKLAN PENGAMBILAN BERGAJI HARI DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (TARIKH TUTUP : 15 MAC 2006)

TEMPAT PENGHANTARAN BORANG

KEMENTERIAN/JABATAN MASING-MASING

SYARAT-SYARAT AM :

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**DI JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**1. PEGAWAI PENYELIDIK DAN PERKEMBANGAN
\$103.00 SEHARI
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Ijazah Sarjana Muda Perhubungan Antarabangsa / Undang-Undang / Pengurusan atau kelulusan sebanding dalam bidang berkaitan.
- b) Mempunyai pengetahuan-pengetahuan am Kerajaan, hal ehwal semasa dalam bidang hubungan antara-bangsa dan dasar-dasar Kerajaan termasuk bidang maritime merupakan kelebihan.

(HURAIAN TUGAS BOLEH DIDAPATI DIJABATAN BERKENAAN)

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
SERASA MUARA BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA
DAN SUKAN**

**1. PENGURUS PERDAGANGAN
\$90.45 SEHARI
C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang Ekonomi / Perdagangan / Pengurusan / Perakaunan / Kewangan atau bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Berkebolehan membaca tulisan jawi adalah kelebihan.

(HURAIAN TUGAS BOLEH DIDAPATI DIJABATAN BERKENAAN)

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
TINGKAT 7, BANGUNAN PUSAT LATIHAN KESENIAN
DAN PERTUKANGAN TANGAN
JALAN RESIDENCY,
BANDAR SERI BEGAWAN BS8110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBERITAHUAN :

- Isikan (1) satu salinan borang SPA/1 sahaja yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kembalikan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil dan surat-surat akuan ke Kementerian / Jabatan berkenaan.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam dan menjalankan tugas di luar pejabat (field work).
- Permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.

TARIKH TUTUP IKLAN : 15 MAC 2006

Website : www.spa.gov.bn

BIL. RUJUKAN IKLAN : 2/2/06 (SPA/BMI/GH)



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

(LEMBAGA KAKITANGAN)

(TARIKH TUTUP : 15 MAC 2006)

TEMPAT PENGHANTARAN BORANG

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN MASING-MASING

Syarat-syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerassian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

DI JABATAN PERDANA MENTERI

- 1. PENOLONG PENERIMA RASMI
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang yang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Pengetahuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi akan diberikan keutamaan.

- 2. KERANI PENDAFTARAN KANAN
JABATAN PEGUAM NEGARA
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau kelulusan sebanding dalam bidang yang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Pendaftaran tidak kurang dari 3 tahun atau Kerani Tingkatan III tidak kurang dari 5 tahun.
- Mahir bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja-kerja berkaitan seperti tugas-tugas pendaftaran nama-nama perniagaan, pendaftaran tanda-tanda perniagaan, pendaftaran perkahwinan dan pendaftaran syarikat-syarikat adalah diutamakan.

- 3. BENTARA DEWAN
JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT NEGARA
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Sijil Kebangsaan Biasa (NC) atau kelulusan sebanding. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun. ATAU
- Bekas Sergeant anggota Polis Diraja Brunei atau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

TEMPAT MENGHANTAR DAN MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN BAGI BIL. 1 HINGGA 3 :

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BANGUNAN SEKRETARIAT, JALAN ELIZABETH 2
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 1. PENGURUS MESS TINGKAT III
D.2 EB.3 (\$850 - \$1,225 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau sebanding. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pelayan Mess Tingkat I atau jawatan sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
- Mempunyai kesihatan dan ketahanan fizikal yang baik.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
K19 IBU PEJABAT JABATANARAH
PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
BOLKIAH GARRISON KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

- 1. PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN
ISLAM
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Sijil Kebangsaan (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan ATAU
- Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwat Uagama dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun.
- Mempunyai Sijil Pelajaran Uagama Darjah Enam (VI) Sekolah Uagama adalah kelebihan.
- Pengalaman yang luas dalam pentadbiran dan urusan tanah-tanah perkuburan Islam adalah satu kelebihan.

- 2. JURUTAYANG / PEMANDU
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- Mempunyai lesen memandu kelas III. Mempunyai lesen memandu kelas V merupakan kelebihan.
- Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam mengendalikan peralatan-peralatan elektronik yang diperlukan bagi kegiatan-kegiatan dakwah dan majlis-majlis pengis-laman merupakan kelebihan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BIL. 1 HINGGA 2 :

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TINGKAT 3, JALAN MENTERI BESAR BS3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

- 1. PENOLONG PERANCANG
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam kerja-kerja perancangan penyusunan projek, perangkaan atau pengukuran dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

- 2. PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Sijil Kebangsaan Biasa (NC) Elektrik / Mekanik atau bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Atendan Alatan Pembantu atau Penolong Penggerak Jentera Disel atau Penolong Atendan Switchboard tidak kurang dari 3 tahun.
- Pernah mengikuti dan lulus kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal peringkat pertama dan kedua merupakan kelebihan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BIL. 1 HINGGA 2 :

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
TINGKAT 3, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI JABATAN LAUT

- 1. PEGAWAI RADIO LAUT
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Berumur antara 25 hingga 45 tahun.
- Lulus Maritime Radio Communication General Certificate (Special Certificate) yang dikeluarkan di United Kingdom atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai special certificate of Competence in Radiotelephony. ATAU
- Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pemberi Isyarat Tingkat Khas tidak kurang dari 5 tahun.
- Pengetahuan di dalam Global Maritime Distress Safety System (GMDSS) dan pengetahuan piawaian-piawaian peralatan radio adalah kelebihan.

- 2. PEGAWAI KADET
D.2 (\$650 - \$820 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan salah satu mata pelajaran Sains. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- Berumur diantara 18 hingga 24 tahun.
- Pandai berenang.
- Berminat dalam bidang kelautan
- Khusus untuk pemohon-pemohon lelaki sahaja.

- 3. PELAUT PELATIH
F.2-3-4 EB.5 (\$495 - \$700 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB)
- Kelulusan lebih tinggi dan kebolehan bertutur Bahasa Inggeris dengan baik akan di beri keutamaan.
- Boleh berenang.
- Khusus untuk pemohon-pemohon lelaki sahaja.

LAIN-LAIN SYARAT :

- Sebelum di tawarkan jawatan sebagai Pelaut Pelatih, calon-calon mestilah lulus ujian kesihatan dan ujian penglihatan.
- Selepas menjalani tempoh perkhidmatan yang dikehendaki, Pelaut Pelatih yang layak akan diutamakan untuk mengikuti kursus latihan bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan untuk mendapatkan Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 9.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BIL. 1 HINGGA 3 :

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
SERASA MUARA BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBERITAHUAN :

- Isikan (1) satu salinan borang SPA1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah. Bagi jawatan di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah menggunakan borang dari Jabatan Perdana Menteri.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan; dimana Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memberikan atau menyertakan lampiran-lampiran seperti berikut :-
a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
b. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
c. Rekod Perkhidmatan.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.
- Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.
- Tugas dan Tanggungjawab : Maklumat boleh diperolehi dari Kementerian/Jabatan masing-masing atau melayari laman web Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti di bawah.

TARIKH TUTUP IKLAN : 15 MAC 2006
Website : www.spa.gov.bn
Tel. No : 2381961 ext 543 (Unit Iklan)
BILANGAN IKLAN : 8/2/06 (SPA/BMI/LK)

Tanamkan semangat Hijrah dalam perubahan

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

BERAKAS, Sabtu, 4 Februari. - Semangat hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mencukupi aspek sosial, keimanan, politik dan rohani yang seharusnya dijadikan model yang wajar menyulami semua umat Islam.

Pengarah Kemajuan Perumahan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Matussin berkata demikian di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah bagi Kementerian Pembangunan yang berlangsung

petang ini di Kementerian tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Awang Haji Mohd. Salleh juga menekankan agar manusia 'berhijrah' dengan makna untuk membuat perubahan dalam diri supaya menjadi Muslim yang sejati yang akan mendapat kejayaan dunia dan akhirat bagi orang yang beriman dan mencari keredaan Allah.

Beliau juga mengingatkan agar kita akan dapat menjadikan peristiwa hijrah sebagai teladan, dengan menyaranakan bahawa berdakwah bukanlah suatu usaha yang mudah tetapi merupakan suatu perjuangan yang memerlukan kesabaran, ketahanan dan pengorbanan.

Majlis pada petang itu diserikan lagi dengan persembahan qasidah oleh pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, di samping sebuah ceramah khas mengenai peristiwa hijrah telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiyah, Ustaz Haji Mail bin Awang Besar.

Sekolah Menengah PJNPHAB muncul juara Projek QEE

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (PJNPHAB), Kuala Belait 'muncul juara' di Pertandingan Projek Mengenai Kualiti dan Ekuiti Dalam Pendidikan dengan kertas kerja dan projek bertajuk 'Kempen Bertutur Bahasa Inggeris Di sekolah' bagi sekolah-sekolah menengah.

Keputusan bagi pertandingan tersebut telah diumumkan di majlis yang berlangsung di SEAMEO

VOCTECH pada 20 Januari lalu.

Tempat kedua disandang oleh Sekolah Menengah Datu Seri Maharaja Mentiri dengan projek berjudul 'Target Setting Raising Standard.'

Manakala Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong yang memperandingkan projek bertajuk 'The Different Strategies Used In Improving Physics Teaching & Learning' memenangi tempat ketiga.

Projek QEE bertujuan untuk mengongsikan stra-

tegi terbaik di kalangan sekolah-sekolah menengah seluruh negara dikelolakan oleh sekolah masing-masing dan dari sana dapat mengambil pengajaran dari projek yang dilaksanakan.

Projek ini dirancang pada tahun 2004 dan mula diperkenalkan kepada seluruh penuntut sekolah pada tahun 2005.

Objektif utamanya ialah untuk menggalakkan para penuntut berkomunikasi dalam bahasa Inggeris semasa berada di sekolah.

S
i
B
u
d
i
m
a
n



سَمْبُوتَانْ اُولَانْ تَاوُونْ هَارِي كَبَانْ سَاانْ ك-22

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-22
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مَقْرِنِيْجَا كُنْ دَايْ سَا بَانْج بَانْجَا

MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA



KE

22

23 FEBRUARI

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



UTAMAKAN KESELAMATAN
HINDARI KEMALANGAN

KELUARAN KHAS

Pelita قليتا بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat




مفترقا كندر داي ساء بئع بئسا
MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA
KE
22
23 FEBRUARI
2006
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

RABU 22 FEBRUARI 2006

رابعو 23 محرم 1427

PERCUMA

MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA



SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM KE-22 PADA 23 FEBRUARI 2006

Projek besar-besaran bangunkan sumber manusia

KEMERDEKAAN bagi sebuah negara sangat mahal harganya. Tetapi mengisi ruang kemerdekaan itu juga sudah tentu akan menelan belanja yang sangat besar. Kerana mengisi kemerdekaan itu memerlukan sepenuhnya tenaga, buah fikiran dan

tangan bangsa kita sendiri, justeru itu kita memerlukan tenaga-tenaga mahir dalam segala bidang, tenaga pakar dalam pelbagai bidang, tenaga profesional atau separuh profesional untuk menggerakkan jentera kerajaan, untuk mengem-

bangkan sektor swasta, untuk memajukan pembangunan, untuk memantapkan ekonomi, mengembangkan industri, memajukan pendidikan, memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara, untuk menjadi perancang atau pemikir pembangunan dan kemajuan negara, untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan pelbagai lagi keperluan ke arah memikul tanggungjawab berbangsa dan bernegara sebagai sebuah negara yang benar-benar merdeka dan bebas dari pengaruh luar.

Tenaga mahir adalah tunjang kemajuan dan kekuatan negara. Sebab itu semua negara di dunia ini berusaha untuk menjadikan rakyatnya mahir dalam semua lapangan supaya proses pembangunan dan kemajuan negara bukan saja akan berjalan dengan lancar serta dapat menjangkau matlamat pembangunan dan kemajuan malahan juga negara berkenaan akan digalati dan dihormati oleh negara lain.

Kalau kita melihat ke dalam negara kita sendiri memang tidak dapat dinafikan bahawa hanya keperluan yang begitu ketara. Kerajaan memang telah menyedari dan telah melakukan pelbagai langkah untuk menjana tenaga mahir

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR
timbang.bakar@information.gov.bn

dan profesional yang setakat ini sudah boleh dibanggakan. Tetapi pencapaian itu masih belum memadai dan masih jauh untuk memenuhi keperluan. Fenomena yang membimbangkan itu memerlukan tindakan yang lebih berani supaya jangkauannya sesuai dengan apa yang kita hajati. Kita katakan ia suatu yang membimbangkan kerana sampai di saat kita menjangkau usia kemerdekaan 22 tahun ini pun masih amat terasa kita kekurangan dan memerlukan tenaga-tenaga yang dimaksudkan itu. Usahakan tenaga mahir atau profesional, buruh kasar pun kita masih bergantung kepada puluhan ribu tenaga dari luar. Anehnya, hampir 10 ribu anak tempatan menjadi penganggur dan pencari kerja.

Keadaan itu dilihat tidak wajar. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri pernah bertitah melahirkan kebimbangan dan pentingnya masalah itu ditangani oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Keprihatinan baginda terhadap masalah ini sangat jelas. Atas titah perintah baginda pada 12 Januari 2006 Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan Majlis Mesyua-



rat Menteri-menteri Kabinet yang baru bersidang pada 10 Januari 2006 telah memperuntukkan sejumlah \$250 juta bagi penubuhan satu dana khusus untuk melaksanakan pelbagai program yang akan mengukuhkan pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini.

Penubuhan dana yang merupakan pertama kalinya di negara ini untuk tujuan tersebut diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui siaran akhbar yang antara lain menyatakan seperti berikut:

"Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet yang baru bersidang pada hari Selasa 9 haribulan Zulhijah 1426 bersamaan 10 haribulan Januari 2006 telah memperuntukkan sejumlah \$250 juta bagi penubuhan satu dana pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini."

Enam program dalam dana tersebut telah diran-



KECANGGIHAN ICT ... Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mendapat perhatian yang serius oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membawa dan memajukan pembangunan negara.

cang untuk dilaksanakan iaitu:

1. Program Khas Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional yang mengandungi Skim Kepakaran Khas dan Skim Kepakaran Biasa.

2. Program Biasiswa yang mengandungi Skim Biasiswa Khas, Skim Biasiswa Biasa dan Skim Biasiswa Pendidikan.

3. Program Khas Bagi Graduan Mencari Pekerjaan yang mengandungi Skim 'Employment Orientation and Job Matching' dan Skim Latihan Perkhidmatan 'Site Staff'.

4. Program Khas Lepas Sekolah iaitu Skim Latihan Kemahiran.

5. Program Pembangunan Kemahiran dan Ilmu Pengetahuan yang mengandungi Skim Peningkatan Kemahiran, Skim Perkembangan Profesion Guru dan Skim Bantuan Latihan Sektor Swasta.

6. Program Pembangunan Keusahawanan yang akan menyediakan Skim Memupuk Kesedaran Keusahawanan, Skim Latihan Keusahawanan dan Skim Melatih Tenaga Pengajar Keusahawanan.

Sementara itu, kajian kemungkinan (feasibility studies) juga akan dilakukan ke atas Skim Galakan Bekerja Di Luar Negara dan Skim Perkhidmatan Nasional.

Penubuhan dana berkenaan merupakan pelengkap kepada Rancangan Kemajuan Negara yang selama ini banyak tertumpu kepada pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal.

Manakala objektif-objektif utama program-program tersebut antara lain: Meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia untuk setara dengan negara-negara maju; memenuhi keperluan pemban-

gunan negara di bidang ekonomi, politik dan sosial; memenuhi keperluan tenaga pakar dan profesional di semua bidang strategik; meningkatkan kemahiran dan keterampilan tenaga kerja di semua sektor; meningkatkan penghayatan budaya pembelajaran berterusan; mencapai guna tenaga penuh dan kadar pengangguran yang rendah; dan mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing.

Seperti yang telah dijelaskan penyelarasan pelaksanaan termasuk pengawasan dasar dan ketetapan mengenai peruntukan kewangan kemajuan di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-8 bagi Dana Sumber Manusia ini, pada keseluruhannya adalah di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Dana tersebut lain daripada peruntukan tahunan yang memang disediakan dalam Belanjawan Tahunan bagi sektor Pendidikan dan Perkembangan Tenaga Manusia yang pada tahun 2006 ini sahaja adalah berjumlah \$852 juta.

Projek tersebut dapat disifatkan sebagai langkah berani kerana ia melibatkan jumlah peruntukan yang begitu besar sekali gus menggambarkan hasrat dan kesungguhan yang besar juga. Rata-rata orang ramai mengalu-alukan penubuhan dana berkenaan kerana akan memberi peluang dan kesempatan yang luas kepada rakyat negara ini bagi meningkatkan kemahiran dan profesionalisme mereka bagi mengisi dan menjana kemajuan serta pembangunan negara sebanding dengan negara-negara maju.



TENAGA BERKEMAHIRAN ... Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan telah berjaya melahirkan tenaga mahir dan profesional yang boleh dibanggakan.



PENTADBIRAN DINAMIK ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering kali berangkat ke Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bagi memastikan jentera pentadbiran kerajaan berjalan dengan lincis, efisien dan teratur.

PEMBANGUNAN negara yang mantap adalah sangat bergantung kepada jentera pentadbiran yang cekap, dinamik dan yang dapat memenuhi keperluan dan harapan rakyat dan penduduk negara ini. Kita merasa yakin dengan keutuhan jentera pentadbiran negara khususnya Perkhidmatan Awam yang menjadi tulang belakang kepada kerajaan, maka segala rancangan pembangunan negara dapat diungkayahkan dengan jayanya.

Hasilnya amat jelas dalam dua dekad sejak mencapai kemerdekaan, Negara Brunei Darussalam terus maju dan membangun sebanding dengan negara-negara maju. Hasilnya juga jelas sejak 21 tahun itu, nikmat dan buah pembangunan dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk.

"Sudah lebih 20 tahun kita menikmati kemerdekaan dan kedaulatan. Dalam tempoh tersebut, kita telah membangun negara ini dengan sepenuh hati dan semangat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-21 pada 22 Februari 2005.

Kita amat berbangga dengan pencapaian pembangunan negara kita yang ditunjangi dengan pentadbiran negara yang dinamik. Pendek kata, kita amat berbangga dengan usaha-usaha pemba-

ngunan oleh rakyat selaku warga masyarakat yang bertanggungjawab terhadap bumi Darussalam ini. Semua ini menunjukkan bahawa kita telah berjaya mempamerkan ciri-ciri kematangan dalam bernegara yang dibuktikan melalui gaya hidup yang lebih maju dan berdiskari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri mengakui bahawa sikap bangsa yang sedemikian adalah diperlukan oleh sesebuah negara merdeka. Kerana tanpa sikap maju serta prihatin itu, negara hanya akan kekal di takuk yang lama.

Ke arah itu, pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mahukan agar semua Kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan mengenal pasti isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional bagi dibincang dan diselarasakan bersama-sama. Ini menuntut semua agensi-agensi kerajaan bertindak dan menumpukan komitmen sepenuhnya dalam menyelarasakan sebarang bentuk projek pembangunan negara.

Dalam pada itu bagi merealisasikan kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang dalam membangun negara, ikatan kukuh antara kerajaan dan rakyat perlulah wujud.

BUDAYA KERJA

Budaya kerja yang cekap lagi mantap adalah memainkan peranan paling penting bagi memastikan jentera pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berjalan dengan lancar dan sempurna.

Untuk mencapai

maksud murni, beberapa ciri harus ada antaranya ialah beriman bersifat optimistik, bekerja dengan gigih dan bermuafakat, bersifat prihatin dan pemerdulian, bersikap berjiwa cermat, mengutamakan pembelajaran dan ilmu pengetahuan, jujur dan amanah serta berintegriti.

Ciri-ciri sedemikian merupakan 'tools' yang amat penting dan mustahak sekali diamalkan dalam mentadbir dan mengurus negara.

Tanpa adanya ciri-ciri sedemikian setentunya negara akan terjejas. Pentadbiran dan pengurusan negara akan tidak mantap dan akhirnya membawa kepada kemunduran.

Maka untuk itu usaha pada meningkatkan integriti itu bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada ketua dalam agensi, malahan juga bagi setiap kakitangan dalam organisasi.

Selain itu, dalam memantapkan lagi pentadbiran negara, setiap warga Perkhidmatan Awam juga perlu mengubah cara berfikir dan bertindak jika cara-cara yang lama memerlukan perubahan. Kita memerlukan golongan pemikir bagi membawa dan mengubah landskap pembangunan negara yang lebih mantap. Bersedia menerima perubahan cara bekerja dan mewujudkan budaya kerja baru yang mementingkan keupayaan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Mekanisme yang baik wujud imej kerajaan yang baik. Atas sebab itu, semua Perkhidmatan Awam perlu lebih gigih, amanah dan berfikir maju.

Kita tidak mahu mekanisme yang ketinggalan zaman yang akhirnya akan membawa negara jauh tertinggal dalam mengejar kemajuan.

KETELUSAN

Begitu juga ketelusan merupakan ciri penting dalam pentadbiran dan pengurusan. Proses-proses yang terlalu birokratik sukar difahami atau kurang jelas hendaklah diatasi.

Sebagai misal, proses apa jua permohonan orang ramai dalam perkhidmatan kerajaan hendaklah dipermudah dan dipercepatkan masanya. Janganlah kita membiarkan orang ramai tertunggu-tunggu jawapan yang memakan masa berbulan-bulan, kadang-kadang bertahun.

Pentadbiran seperti ini mustahaklah kita elakkan kerana ianya menjejaskan 'client charter' yang diuar-uarkan oleh kerajaan iaitu Tekad Pemerdulian Orang Ramai atau sinonimnya TPOR. Demikian juga penyakit lebih berbahaya seperti rasuah hendaklah diban-terasa sama sekali.

Perkara ini juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun pada 15 Julai 2005.

Antara lain baginda bertitah "Apa yang beta mahu, semua perkara yang mudah mestilah dipercepatkan pengendaliannya, sementara perkara yang lebih kompleks pula, juga hendaklah diusahakan secepat yang boleh untuk dipermudahkan prosesnya."

PERANCANGAN STRATEGIK

Di samping itu, setiap Kementerian dan jabatan kerajaan juga perlu menyediakan pe-

Pentadbiran dinamik pemacu pembangunan



OLEH JAAFAR IBRAHIM
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

hala tuju Kementerian dan jabatan kerajaan ke arah merealisasikan cita-cita besar kerajaan dan negara di masa depan. Semua pihak perlu bertanggungjawab dan inovatif bagi memastikan bangsa dan negara tidak ketinggalan dari arus kemajuan dan teknologi, kerana tanpanya, negara akan terkeluar dari persaingan. Sedangkan kita pada masa ini berusaha untuk meningkatkan daya saing bangsa seperti yang dikehendaki oleh tema Hari Kebangsaan tahun ini 'MENINGKATKAN DAYA SAING BANGSA'.

TAHAP PEMBANGUNAN

Apa pun, kerajaan telah berupaya meningkatkan tahap pembangunan negara dengan adanya pentadbiran dan pengurusan yang cekap. Dalam hubungan ini, penyediaan kemudahan orang ramai, terutamanya kemudahan asas seperti perumahan adalah diberikan prioriti dan paling di atas sekali dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara.

"Sebab itu langkah supaya setiap rakyat mempunyai tempat atau rumah kediamannya sendiri adalah me-

upakan prioriti pembangunan negara yang berterusan," titah baginda sempena Hari Keputeraan Ke-59 pada tahun 2005.

Kita tetap menginginkan Negara Bunei Darussalam sebagai negara yang maju dengan rakyatnya berhemah tinggi, mahir dan mampu bersaing di peringkat dunia antarabangsa. Kita juga mengidamkan negara yang cemerlang dalam segenap bidang bagi kita menyaingi bangsa-bangsa lain dalam semua peringkat kehidupan.

Alhamdulillah, berkat kepimpinan raja kita yang sentiasa mempunyai hasrat yang murni untuk membangun bumi bertuah ini telah mencapai kejayaan yang kita idamkan. Pendek kata melalui kepimpinan bijaksana baginda, pentadbiran negara kini semakin mantap dan dinamik. Dengan kemantapan pentadbiran negara ditambah lagi dengan iklim politik yang membarangsangkan, negara terus pesat membangun yang pola pembangunan kini sejajar dengan negara-negara maju.



MENELITI ... Bagi memastikan perjalanan harian pentadbiran kerajaan di tahap yang memuaskan, baginda berangkat meninjau secara mengejut ke beberapa buah Kementerian dan jabatan kerajaan di seluruh negara.

TULANG belakang sesebuah negara yang sedang membangun adalah terletak kepada prasarana perindustriannya yang kukuh dan berdaya tahan serat berupaya untuk berkembang dan membawa negara berkenaan maju menerjah masa depan. Walaupun negara kita, Negara Brunei Darussalam telah lama bersandarkan kepada penghasilan minyak dan gas, kerajaan di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak awal lagi sudah menyedari bahawa keperluan untuk mempelbagai ekonomi adalah sangat diperlukan untuk terus berkembang dan maju dalam persekitaran dunia yang sengit lagi kompetitif ini.

Negara kita kini sedang giat dan rancak melaksanakan rancangan-rancangan mempelbagai ekonomi yang menekankan kepada perindustrian dan perdagangan. Langkah berkenaan adalah sebagai satu tanda kesedaran bahawa minyak dan gas bukanlah satu bahan sumber komoditi yang boleh perbaharui (non-renewable).

Sektor bukan minyak dalam perekonomian di negara ini adalah terdiri daripada sektor pembuatan, perkhidmatan dan perdagangan, pelancongan dan teknologi tinggi.

Fokus utama perkembangan perindustrian ialah untuk memperluas asas perindustrian melalui perusahaan kecil dan sederhana. Untuk merealisasikan usaha berkenaan, satu persekitaran perniagaan yang kondusif dan insentif pelaburan yang menarik kini diwujudkan.

Pembangunan sektor perindustrian kini difokuskan kepada aktiviti yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi bagi anak-anak tempatan dan juga dalam bidang di mana negara ini mempunyai kepentingan yang kompetitif. Ini termasuklah teknologi tinggi, pelancongan, perkhidmatan kewangan, perindustrian yang berorientasikan eksport yang mempunyai potensi untuk mempercepat perkembangan perindustrian dan juga nilai-nilai tambahan yang lain.

Negara Brunei Darussalam telah pun melakar Pelan Pembangunan Perindustriannya untuk membantu negara ini mempelbagai ekonominya yang berasaskan minyak dan gas. Pelan berkenaan telah menggariskan empat sektor yang sering dipromosikan untuk me-

MENGAGAGHI CABARAN, MEMPERKASA EKONOMI

bangunan yang lebih bermakna kepada sosio-ekonomi dan kesejahteraan negara.

BINA mempermudah dalam bidang-bidang penubuhan dan memajukan industri-industri baru, peluasan industri-industri yang sedia ada dan pengorientasian semula kepada pasaran eksport dan pewujudan sektor koperasi yang dinamik.

BINA adalah penyedia utama kawasan perindustrian yang sudah maju di negara ini, yang mana sudah tersedia bagi pelabur tempatan dan luar negara. Kebanyakan kawasan perindustrian berkenaan adalah terletak dengan strategik berdekatan serta berada di sekitar



INDUSTRI Akuakultur seperti kandang ikan ini mempunyai potensi untuk menjana pendapatan yang lumayan dan akan dapat meningkatkan ekonomi negara.

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn



narik pelabur-pelabur asing iaitu sektor pembuatan, sumber utama, perkhidmatan dan sumber tenaga manusia.

BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA)

Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) sebuah agensi di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, diwujudkan bertujuan untuk menjadi sebuah agensi pemudah yang berkesan, efisien dan dinamik dalam membantu memajukan aktiviti perindustrian dan koperasi. Peranan utama agensi berkenaan ialah untuk menyediakan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pendekatan yang lebih fokus dan tersusun ke arah pembangunan perindustrian dan koperasi yang berupaya untuk membuat sum-

Bandar Seri Begawan serta dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, satu-satunya lapangan terbang yang mempunyai hubungan antarabangsa dengan seluruh kawasan Borneo dan juga Pelabuhan Muara, sebuah pelabuhan air dalam dengan akses ke pelabuhan-pelabuhan serantau dan antarabangsa. Kawasan perindustrian utama berkenaan terletak di kawasan Beribi, Lambak, Salar dan Serasa. Tapak perindustrian yang lain pula terletak di kawasan lain seperti di Serambangun Daerah Tutong, iaitu di kawasan tengah negara dan juga kawasan Sungai Bera dan Pekan Belait yang melayani pusat penghasilan minyak dan gas negara di Daerah Belait.

PRODUK-PRODUK BERORIENTASIKAN EKSPORT YANG LAIN

Produk-produk tempatan yang dihasilkan di negara ini termasuklah bahan-bahan binaan seperti atap dan simen, air mineral, kabel elektrik dan dawai, perabot, serta minuman ringan.

Untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke negara ini, tarikan negara akan diperbaiki dan dipertingkatkan melalui penyediaan tapak perindustrian yang lengkap dengan kelengkapan asas, penyediaan pakej insentif dan pakej berkaitan yang lainnya yang telus, cepat dan berkesan.

Sektor utama pula terdiri daripada pertanian (ternakan ayam itik, buah-buahan dan sayuran, dan bunga-bunga), perikanan (termasuklah kandang ikan dan akuakultur), perhutanan (termasuklah bidang ekopelancongan dan bioteknologi) dan penghasilan bersepadu seperti ternakan ayam itik, perladangan dan pemprosesan produk.

INDUSTRI PELANCONGAN

Di samping aktiviti-aktiviti eksport, pelancongan juga adalah salah satu industri yang sedang rancak dipromosikan sebagai sebahagian daripada rancangan mempelbagai ekonomi yang menyeluruh. Untuk memperkukuh dan memajukan



INDUSTRI ternakan ayam giat dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai tahap sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan penelur.

industri pelancongan sebuah Pelan Induk Pelancongan telahpun ditentukan dan dilaksanakan. Pelan Induk berkenaan menggariskan strategi bagi mempromosikan industri berkenaan termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan, tempat-tempat menarik dan memajukan sumber tenaga manusia dalam menentukan industri berkenaan.

INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI

Bagi perindustrian berteknologi tinggi, bidang-bidang yang menjadi sasaran untuk dimajukan ialah di sektor telekomunikasi, perisian komputer, bioteknologi, dan industri nilai tambah seperti pemprosesan makanan, industri multimedia dan teknologi maklumat. Industri-industri berkenaan ada-

lah sangat bersesuaian memandangkan kumpulan kerja tempatan yang kecil tetapi berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA

Strategi-strategi pembangunan sumber tenaga manusia di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kelapan memfokuskan kepada memenuhi keperluan ekonomi baru yang berasaskan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang teknologi. Ia juga memfokuskan peningkatan produktiviti, mempertingkatkan mobiliti perburuan melalui latihan dan latihan semula serta meningkatkan kualiti pendidikan.

Walaupun Rancangan Kemajuan Negara Kelapan telah berakhir pada tahun 2005, stra-

tegi-strategi berkenaan akan terus dilaksanakan dan dipertingkatkan.

PEMELBAGAIAN EKONOMI

Untuk merealisasikan objektif kerajaan bagi mempelbagai ekonomi melalui pembangunan sektor ekonomi yang berasaskan bukan minyak, penglibatan proaktif dan berterusan sektor awam adalah sangat kritikal dan perlu berkesinambungan serta diperluaskan.

Dengan yang demikian, kerajaan melalui beberapa agensi yang berkenaan akan terus berusaha untuk mewujudkan suasana pelaburan yang menarik dan menguntungkan melalui peraturan dan undang-undang yang sedia ada, di samping mewujudkan peraturan dan undang-undang baru jika perlu.

Kemudahan-kemudahan bagi pembangunan sektor awam seperti tapak perindustrian, skim bantuan kewangan, dan insentif menarik akan diperluaskan. Langkah-langkah seumpamanya dijangka akan mempercepat lebih lanjut lagi rancangan-rancangan kemajuan perindustrian dan menarik lebih banyak Pelaburan Luar Terus (Foreign Direct Investment) ke negara ini.

Pada masa yang sama, kerajaan, melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun mewujudkan Pusat Sumber dan Piawai untuk membantu perniagaan kecil dan sederhana.



INDUSTRI ayam pedaging merupakan salah satu penyumbang ekonomi dalam sektor ternakan dan pemakanan yang tidak kurang pentingnya.

MENJANA MASYARAKAT BERMAKLUMAT

KEMAJUAN teknologi maklumat (IT) atau pengkomputeran sememangnya tanpa batasan atau sempadan. Kita kini telah didedahkan dengan komputer yang semakin canggih dan semakin mengecil serta boleh digunakan di dalam komputer poket atau telefon bimbit pintar. Dan yang terkini terdapat pula komputer yang diserapkan dalam sebatang pen interaktif yang kini dipasarkan di Amerika Syarikat.

Ledakan IT kini begitu pesat sehinggakan dalam masa yang singkat kita dapat menyaksikan pelbagai peralatan IT yang baru dan canggih berada di pasaran. Begitu juga dengan perisian dan pelbagai perkhidmatan yang semakin berkembang dan diperluaskan. Semua ini memerlukan kita sentiasa bersedia untuk mengikuti setiap perkembangan kemajuan IT agar kita tidak tertinggal oleh kederasan arus IT.

MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT KEBANGSAAN

Keperluan teknologi maklumat ini kini sudah semasa menjadi satu keperluan asas dalam kehidupan seharian sama ada bagi individu, golongan profesional, para peniaga, ataupun penuntut. Memandang kepada betapa penting keperluan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Negara Brunei Darussalam telah mengorak langkah yang begitu cepat dalam bidang ini agar tidak ketinggalan dengan negara-negara maju di dunia yang begitu ke hadapan dalam bidang IT. Bagi tujuan tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (BIT) atau 'Brunei Darussalam Information Technology Council' dengan hasrat untuk membantu menerapkan strategi-strategi dan rancangan tindakan kebangsaan dalam bidang infokomunikasi.

Tujuan utama penubuhan majlis ini ialah untuk meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran kerajaan pada memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan, terutama sekali orang ramai yang memerlukan perkhidmatan.

Perkara ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai 2001 yang antara lain bertitah, "Dalam usaha untuk melicinkan jentera pentadbiran dan mewujudkan perkhidmatan yang lebih 'customer forced', usaha ke arah memperkenalkan e-government telah pun dilaksanakan melalui Jawatankuasa Eksekutif e-Government. Dengan penubuhan ini, satu perubahan sikap kerja dan kemahiran menggunakan teknologi informasi dan komunikasi hendaklah dapat dihasilkan."

Susulan daripada titah baginda itu, 'Tapak Web e-Government' telah dilan-

carkan pada 27 Disember 2001 oleh Menteri Perhubungan. Pelancaran tapak web itu sesungguhnya satu mercu tanda yang sangat penting dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada memanfaatkan kemajuan teknologi infokomunikasi dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti Perkhidmatan Awam di negara ini.

Bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan Ke-22 tahun ini, yang berbunyi 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa', kerajaan telah memperuntukkan sejumlah B\$526 juta atau 7.2 peratus dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi tujuan menyediakan infrastruktur asas IT sebagai langkah ke arah penubuhan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan IT yang moden dan canggih.

Dengan adanya peruntukan ini maka beberapa program telah disusun oleh BIT dan langkah-langkah untuk mewujudkan 'e-government' dapat berjalan dengan lancar dan efisien, sesuai dengan hasrat negara untuk menjadikan negara ini sebagai pusat siber di rantau ini seterusnya akan lebih membawa Negara Brunei Darussalam lebih berdaya saing dengan negara-negara yang lebih maju.

Usaha kerajaan bagi menubuhkan e-government telah melibatkan penggunaan komputer yang meluas dalam perhubungan dan urusan antara jabatan dengan jabatan, di antara jabatan dan pihak swasta, orang ramai dan penduduk-penduduk kampung. Selain itu, 'e-business' dan 'e-trade' juga telah diwujudkan bagi membolehkan urusan-urusan dapat dilaksanakan secara elektronik.

BIT sejak ditubuhkan pada bulan Oktober 2000 berazam menjadi peneraju ke arah menyediakan strategi pembangunan dan penyebaran budaya IT ke seluruh negara. Strategi tersebut merangkumi Kepimpinan IT, Keperluan IT, Celik IT, Sumber Tenaga IT, Aplikasi IT, Penyelidikan dan Pembangunan IT, Rangkaian IT, IT dalam ekonomi, IT dalam perniagaan dan lain-lain.

E-KERAJAAN

Hala tuju IT Kebangsaan juga ialah ke arah mewujudkan 'e-kerajaan' ataupun pengurusan kerajaan secara elektronik tanpa penggunaan kertas bagi memandu Negara Brunei Darussalam ke aliran

OLEH ZABAIDAH HAJI SALAT zabaidah.salat@information.gov.bn

utama IT global. Dalam hal ini negara memerlukan komitmen yang mendalam dan kuat untuk mencorak perubahan di mana e-kerajaan, bukan saja sebagai pengubah sistem prosedur menggunakan kertas kepada sistem elektronik tetapi juga amat memerlukan misi dan visi bagi menjana masyarakat Brunei yang bermaklumat.

Konsep e-kerajaan juga ialah membudayakan apa juga maklumat pentadbiran dan perkhidmatan yang boleh memenuhi keperluan Kerajaan (G), Perniagaan (B) dan Rakyat (C) dengan penggunaan teknologi internet dan lain IT secara efektif yang berasaskan S.M.A.R.T (Simple, Moral, Accountable, Responsive dan Transparent atau Mudah, Moral, Akuntabel, Responsif dan Telus). Konsep e-kerajaan juga membolehkan segala proses yang dibuat dengan cepat dan pengurusan kerajaan lebih efektif, di samping menyediakan maklumat dan perkhidmatan lebih baik.

Dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan di semua peringkat pentadbiran di sektor kerajaan, kemudahan-kemudahan yang membolehkan urusan di antara ke-

rajaan dan orang ramai dibuat melalui internet atau Laman Web jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang sedia ada juga telah diperluaskan. Pihak swasta juga digalakkan untuk lebih berinovasi dalam meningkatkan laluan bagi perkhidmatan internet. Sehubungan dengan itu beberapa buah syarikat tempatan telah membuat perjanjian dengan kerajaan bagi meningkatkan perkhidmatan BruNet.

BRUNET

BruNet ditubuhkan pada tahun 1995 melalui Jabatan Telekom Brunei (JTB) dengan usaha sama Universiti Brunei Darussalam. Sejak tahun itu BruNet telah mengalami perubahan menakutkan di mana dari 13,861 pelanggan pada tahun 1999 kepada 56,000 pelanggan di akhir tahun 2005.

BruNet yang boleh digunakan melalui dial terus, talian sewa dan ISDN juga menawarkan 'voice over internet', e-dagang, e-kerajaan, pendidikan jarak jauh dan kemudahan radio on-line. Sebagai ahli GRIC (Global Reach Internet Connectivity), BruNet juga telah menawarkan perayuan lebih



GAMBAR HIASAN Penggunaan Teknologi Maklumat (IT) menghasilkan kesan yang positif kepada pembangunan negara. Bagi tujuan itu kerajaan menggalakkan sektor swasta lebih inovatif dalam meningkatkan laluan internet.

80 negara sejak tahun 1998. Bagi usaha ke arah meningkatkan masyarakat yang celik IT, JTB telah menurunkan bayaran langganan pada tahun 1999 supaya lebih ramai pengguna mampu mendapatkan perkhidmatan BruNet.

BruNet juga terus meningkatkan perkhidmatannya dengan menambah talian akses laluan, menambah 'Bandwidth' internet dan memperkenalkan kemudahan-kemudahan baru. Di mana pada bulan Oktober 1998, JTB telah melengkapkan program-program peningkatannya dengan belanja B\$3.34 juta bagi membolehkan BruNet memberikan perkhidmatan serentak kepada sekurang-sekurangnya 1,000 pelanggan serta akses terus ke internet dari rumah atau pejabat melalui sumbangan berkuasa tinggi.

Memandangkan kepada penggunaan IT menghasilkan kesan yang positif ke atas proses pembangunan negara usaha meningkatkan produktiviti dan keberkesanan penggunaannya di semua peringkat pentadbiran sektor kerajaan terus diperluaskan, di samping menggalakkan pihak swasta untuk lebih inovatif dalam meningkatkan laluan internet.

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Usaha kerajaan terus memberikan galakkan secara meluas penggunaan IT

dalam sektor kerajaan telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Teknologi Maklumat bagi menyebarkan penggunaan IT dalam agensi-agensi kerajaan. Antaranya memberikan khidmat konsultasi dan bantuan teknikal serta mengenal pasti, meneliti dan menilai projek-projek IT yang diperlukan oleh sesebuah agensi kerajaan. Jabatan ini juga berperanan merancang dan menyelaras pembejalan, pemasangan, penyediaan dan pemeliharaan sumber-sumber IT, di samping mereka bentuk dan memperkembangkan perisian serta melaksanakan pemasangan sistem-sistem aplikasi yang teras dan mustahak.

Jabatan Teknologi Maklumat yang juga dikenali dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara juga berperanan meneliti, mengendalikankan pembejalan dan pemeliharaan komputer peribadi, peralatan serta perkakas (mesin) pejabat termasuk mengurus kajian audit dalaman dan membentuk piawaian kawalan mengenai IT.

Sejajar dengan pesatan penggunaan IT ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 2002 menekankan, "Perhatian terhadap kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT perlu terus diutamakan sebagai salah satu usaha memperkasa keupayaan bangsa. Kerajaan telah melancarkan beberapa projek yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi termasuk 'e-government' bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan dalam Perkhidmatan Awam dan pentadbiran kerajaan."

Dalam membina keupayaan rakyat dan penduduk negara ini supaya celik dalam bidang IT kerajaan telah menyediakan peruntukkan yang bukan sedikit ke arah mewujudkan masyarakat yang celik IT.

INFORAMA

Selain dari kerajaan dan pihak swasta, para belia juga digalakkan menggunakan IT. Bagi tujuan itu Pertandingan Komputer Kebangsaan (IN-

FORAMA) dan Perkhidmatan Teknologi Komunikasi Maklumat telah diadakan.

INFORAMA yang diperkenalkan sejak tahun 1996 bertujuan untuk menegenahkan kepentingan ICT terutama di kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar bagi mendapatkan pengetahuan meluas, kemahiran tambahan, membina profesionalisme dan menjadikan efisien dalam pekerjaan serta kehidupan seharian. Ia juga merupakan projek tahunan Kementerian Pendidikan untuk menjadi perintis jalan dalam usaha mempromosikan penggunaan ICT melalui pelbagai pertandingan, seminar, bengkel dan bermacam-macam lagi aktiviti yang berkaitan.

Dalam bulan Oktober 2003, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan telah membelanjakan B\$20.7 juta untuk melaksanakan tiga fasa inisiatif ICT. Ke arah itu semua sekolah menengah dan rendah kerajaan dilengkapi dengan kemudahan-peralatan komputer, di samping memberikan latihan dan kursus kepada guru serta pentadbir sekolah mengenai kemahiran ICT. Selain itu semua sekolah juga telah dihubungkan dengan kemudahan internet bagi mendapatkan maklumat yang bersesuaian dan berguna melalui laman web dunia.

Pada tahun 2005 sahaja Kementerian Pendidikan telah membelanjakan sebanyak B\$145 juta di bawah lima pelan strategi utama ICT selaras dengan inisiatif e-kerajaan dalam bidang pendidikan.

Bagi membina masyarakat yang celik IT terutama di kalangan para pelajar Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah semasa Majlis Sambutan Jubli Emas Maktab SOAS pada Mac 2002 yang antara lain menekankan:

"Sebagai contoh dalam era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat di seluruh dunia ketika ini, kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan telah membekalkan komputer ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara sebagai langkah memberikan pendedahan yang secukupnya kepada golongan pelajar agar mereka itu tidak ketinggalan dalam arus tamadun ICT."



KERAJAAN melalui Kementerian Pendidikan telah membelanjakan sebanyak B\$ 45 juta di bawah lima pelan strategi utama teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi membina masyarakat celik IT terutama di kalangan pelajar.

KEAMANAN DAN KESELAMATAN AGENDA UTAMA BAGI PEMBANGUNAN NEGARA

BAIK sebelum mencapai kemerdekaan, mahupun sesudah mencapai kemerdekaan, keamanan dan ketenteraman kehidupan rakyat dan negara terus-menerus mendapat perhatian dalam agenda kesejahteraan negara.

Faktor keamanan dan ketenteraman ini sememangnya amat penting kerana dengan suasana aman dan tenteram negara akan dapat menjana struktur pembangunan yang lebih berkesan selain menjamin corak kehidupan masa depan yang lebih cemerlang.

Melalui suasana aman dan damai ini tentunya akan menjamin keselamatan dengan makna menyeluruh keselamatan yang memerlukan lebih daripada perlindungan fizikal daripada tindakan-tindakan jenayah, golongan fanatik dan pelampau.

Keselamatan yang diperlukan bukan saja dalam kehidupan seharian malahan juga meliputi kepada soal-soal keselamatan dalam pekerjaan dan kesihatan yang berpanjangan serta keselamatan masa depan yang stabil selaras dengan keinginan masyarakat sejahtera.

Melihat betapa pentingnya keselamatan dan keamanan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2004 yang lalu telah bertitah, "Keamanan dan keselamatan adalah dua perkara yang paling mustahak dalam memastikan agenda pembangunan negara berjalan dengan sempurna."

Dua perkara yang disebutkan baginda itu merupakan pokok utama dalam menikmati pembangunan negara dan dalam masa yang sama juga rakyat dan penduduk sentiasa peka dan waspada terhadap apa jua perkara yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan negara.

Kejadian-kejadian jenayah berat sudah banyak berlaku yang tidak syak lagi turut membawa mesej buruk terhadap ketenteraman dan telah menjadikan orang ramai merasa cemas dan takut.

Kejadian keganasan dan kemusnahan yang berlaku di sana sini tanpa

sifat peri kemanusiaan memberikan peringatan supaya tidak memandang ringan keselamatan dan keamanan dalam negara.

Situasi ini menjadikan kerajaan dan rakyat sentiasa komited menangani aspek keselamatan terutama sekali ancaman sosial seperti penyalahgunaan dadah dan pelanggaran terhadap undang-undang dan agama, yang kesemua ini antara penyakit dalam masyarakat yang menyebabkan keamanan dan ketenteraman awam terganggu.

Dalam menjadikan keamanan terus-menerus dikecapi, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah termasuk memperkalkan pelbagai akta, undang-undang, peraturan, prosedur dan tatacara pengawalan keselamatan serta penguatkuasaan undang-undang bagi mengawal dan mencegah kemusnahan elemen-elemen negatif ke negara ini.

Langkah-langkah lain termasuklah juga memantapkan lagi 'border control' secara berkomputer di semua Pos-pos Kawalan Imigresen yang menjaga di pintu keluar masuk di sempadan negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika berucap merasmikan pelancaran Pameran Pencegahan Jenayah Sempena Hari Pasukan Polis Diraja Brunei Ke-83 Tahun yang lalu berkata, akta dan undang-undang yang dinilai kurang berkesan, dibuat pembaharuan dan pindaannya seperti Akta Imigresen yang dikenali sebagai Perintah Akta Imigresen (Pindaan) 2004 yang mengenakan hukuman-hukuman sebat mandatori bagi pesalah-pesalah imigresen yang sudah berkuat kuasa.

Dalam hubungan ini kejadian-kejadian dan jenayah termasuk pendatang-pendatang tanpa dokumen perjalanan yang sah, kedatangan orang-orang yang mencurigakan tidak harus diabaikan, malahan perlu dilaporkan kepada pihak tertentu.

Pihak tertentu seperti Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Majlis-majlis Kejiranan Kampung dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan positif untuk sama-sama menjaga keselamatan kawasan masing-masing, bekerjasama

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL
ahat.ismail@information.gov.bn

mempertahankan keamanan dan ketenteraman mukim dan kampung.

Peranan yang sama dalam mengekalkan keamanan juga ditunjangi oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan mewujudkan Kertas Dasar Pertahanan atau 'Defence White Paper' sejajar dengan keadaan dunia yang sentiasa diselubungi oleh keadaan yang tidak menentu.

Dasar Pertahanan itu antara lain menggariskan peranan dan tanggungjawab ABDB di pelbagai keupayaan strategik serta sumbangan keseluruhan rakyat yang diperlukan bagi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Pergolakan politik, peperangan di sana sini dan keganasan yang sering terjadi termasuk ancaman-ancaman keselamatan memaksa ABDB sentiasa peka dan siap sedia menghadapinya.

Dengan terbentuknya Kertas Dasar Pertahanan akan dapat mengemban dan melengkapkan ABDB menjadi pasukan pertahanan yang moden, berkeupayaan di tahap profesionalisme yang tinggi untuk mengekalkan kedaulatan negara serta berupaya menjaga kepentingan-kepentingan dalam menjamin kebebasan dan ketenteraman sejagat.

Dasar tersebut sekali gus menjadikan ABDB mempunyai kredibiliti yang tinggi berupaya menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal dihadapi dan seterusnya mewujudkan suasana aman damai.

Dasar yang lengkap, yang meliputi program penyeragaman di setiap bahagian dan unit ABDB ini turut sama mengambil kira bertambahnya kera- maian anggota dan peralatan ABDB di masa depan.

Peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh ABDB lebih luas dan sentiasa berhadapan dengan pelbagai segi ancaman keganasan yang bukan konvensional dan diburukkan lagi dengan bertambahnya jenayah melintasi sempadan.

Justeru, program tersebut yang dinamakan Perancangan Strategik antara lain mengenal pasti keperluan atau ke-



hendak pertahanan, berganding bahu dengan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Kertas Dasar Pertahanan dan Rancangan Strategik Kementerian Pertahanan merupakan langkah yang amat penting dalam menuju sistem pengurusan pertahanan yang lebih fokus dan profesional sejajar dengan tuntutan masa selai persediaan awal menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran yang dicetuskan dari era globalisasi.

Persediaan pertahanan seumpama itu merupakan langkah yang amat dialu-alukan memandangkan kita sentiasa terdedah kepada pergolakan dan isu-isu keselamatan yang boleh berlaku bilabla masa.

Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Hari Ulang Tahun ABDB Ke-43 yang lalu bertitah, "Kertas Dasar Pertahanan bukan sahaja menyumbang untuk membina keyakinan di rantau ini, malah juga untuk menyatukan kegiatan-kegiatan pertahanan yang akan turut dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain."

Selain ABDB, Pasukan Polis Diraja Brunei juga tidak terkecuali sama-sama menangani keselamatan negara. Tugas dan tanggungjawab mereka buka saja terikat kepada tugas-tugas biasa kepolisian seperti menjaga keamanan dan ketenteraman serta penguatkuasaan undang-undang, tetapi juga menjadi penghubung di antara rakyat dengan kerajaan terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Mereka sentiasa siap sedia memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira waktu dan



ANGGOTA Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang cukup terlatih sentiasa siap sedia menghadapi sebarang ancaman yang cuba menggugat ketenteraman negara.

tempat. Dengan penubuhan Jabatan Perisikan Jenayah atau Department of Criminal Intelligence baru-baru ini tentunya skop tugas anggota polis semakin berkembang dan mencabar, dengan satu matlamat penting iaitu mengekalkan keamanan dan ketenteraman.

Di peringkat serantau pula, Negara Brunei Darussalam juga terlibat dengan Pasukan Gabungan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Republik Filipina. Penyertaan dalam IMT itu merupakan tanda sumbangan negara dalam operasi luar negeri bagi mengawasi dan memantau gencatan senjata serta pelaksanaan aspek pembangunan sosioekonomi yang terkandung dalam beberapa perjanjian damai yang ditandatangani antara Kerajaan Republik Filipina bersama Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Penyertaan tersebut secara langsung memberi peluang kepada Negara Brunei Darussalam membaharui komitmennya untuk lebih banyak terlibat dalam operasi pendamai.

Penempatan Pasukan IMT menunjukkan negara-negara serantau memberi sumbangan ke arah proses damai di Mindanao.

Komitmen sedemikian sudah lama digambarkan di kalangan negara-negara anggota ASEAN untuk membangunkan Komuniti Keselamatan ASEAN di bawah Deklarasi Bali Concord II.

Kejayaan di meja rundingan ini telah membawa rantau ini lebih dekat kepada matlamat

kedamaian dan pembangunan di selatan republik itu terutama di Mindanao. Dengan ini sudah tentu memberi sumbangan signifikan kepada kedamaian dan kestabilan serantau.

Kepekaan ASEAN terhadap kedamaian dan keselamatan tidak pernah pudar disuarakan oleh kesemua pemimpin-pemimpin negara anggota, kerana ianya merupakan isu penting masa depan penduduk dalam mereliasikan konsep zon aman, bebas dan berkecuali di rantau ini.

Dalam sidang mesyuarat seperti Asia Europah (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan beberapa mesyuarat antarabangsa isu keamanan dan keselamatan juga sering mendapat tempat kerana isu tersebut boleh menggugat pertumbuhan ekonomi sejagat.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane, Laos umpamanya, kesemua kesepuluh negara anggota ASEAN sepakat bekerjasama dalam meningkatkan tahap keselamatan dalam menghadapi ancaman keselamatan.

Pada sidang itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan betapa pentingnya bagi negara anggota ASEAN untuk memastikan tindakan-tindakan para penganas tidak menjejaskan usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan program bagi meningkatkan pakatan-

pakatan penghasilan ekonomi di kalangan rantau Asia Timur.

Melihat betapa pentingnya keamanan dan keselamatan ini, Negara Brunei Darussalam bukan saja menjalin hubungan kerjasama dengan negara anggota ASEAN, malah juga memperluaskan hubungan kerjasama di luar rantau ASEAN seperti Ukraine, Pakistan, Russia, Australia dan beberapa negara-negara Asia Barat.

Hubungan kerjasama yang sudah dijalin ini tentunya memberikan impak yang terbaik untuk dimanfaatkan bagi kesejahteraan rakyat sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu hubungan kerjasama meliputi usaha sama pelbagai bidang.

Kerjasama serantau dan antarabangsa memberikan kesan seterusnya. Hubungan tersebut membuka jalan untuk membangun lebih rapat kerjasama dua hala. Ini dapat dilihat dalam usaha yang telah dilakukan untuk memperluaskan ruang lingkup kerjasama ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan pertahanan.

Justeru itulah keamanan dan keselamatan sesebuah negara amat diharapkan oleh warga penduduk untuk meneruskan kehidupan yang bebas dan pembangunan yang sempurna yang bebas daripada segala bentuk ancaman.

MENGANGKAT MARTABAT NEGARA DI PERSADA GLOBAL

I NTERAKSI Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antara-bangsa sejak mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984 semakin meningkat. Seperti negara-negara merdeka yang lain kita menjadi ahli pelbagai forum dan pertubuhan, di samping menjalin kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara sahabat.

Penglibatan negara dalam forum-forum, pertubuhan-pertubuhan serta kerjasama di pelbagai peringkat itu telah dapat menyerlahkan imej negara di persada global. Sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat kita mempunyai tanggungjawab dan hak bersuara yang sama dengan negara-negara lain.

Dasar luar dan diplomasi negara yang begitu baik menjadikan negara dihormati dan disegani oleh negara-negara sahabat dan masyarakat dunia. Dasar kita ialah menjalin persahabatan dan kerjasama yang ikhlas, saling hormat-menghormati hak dan kedaulatan masing-masing.

Pada masa yang sama kita juga berpegang kepada prinsip tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara luar sebagaimana kita tidak mahu negara asing campur tangan dalam urusan dalaman negara kita.

Brunei Darussalam sejak mencapai kemerdekaan penuh telah menjalin hubungan diplomatik bersama 143 buah negara di seluruh dunia meliputi Eropah, Timur Tengah, Afrika, Amerika, Asia, ASEAN dan Asia Pasifik.

Kerjasama dua hala dan pelbagai hala merangkumi bidang politik, ekonomi, keagamaan, pendidikan, kewangan, perhubungan, pertahanan, sosial, kebudayaan, kesihatan, sukan dan lain-lain lagi.

Bersama negara-negara dunia yang lain Negara Brunei Darussalam aktif dalam usaha mengekalkan keamanan dan kemakmuran dunia. Kita mengutuk sebarang bentuk penindasan, keganasan dan ketidakadilan.

Negara Brunei Darussalam secara langsung atau tidak langsung juga terlibat dalam menyelesaikan pertikaian antara negara. Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei dan pegawai-pegawai kerajaan telah beberapa kali terlibat menyertai pasukan pengaman atau paman-tau antarabangsa di negara-negara bertikai.

Selain pernah bertugas di Afrika Selatan dan Kemboja, sepasukan anggota angkatan bersenjata kita kini sedang menyertai pasukan Angkatan Bersenjata Malaysia dan Libya dalam misi pengaman untuk memantau gencatan senjata antara Pejuang Pembebasan Islam Moro dan Kerajaan Republik Filipina yang sedang dalam proses mencari penyelesaian politik.

BANTUAN

Ketika sebilangan negara dunia ditimpa bencana badai Tsunami pada 26 Disember 2004, Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan melawat Wilayah Aceh yang ditimpa Badai Tsunami.

OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn

Brunei Darussalam telah memberikan sumbangan derma kepada negara-negara terlibat terutamanya Aceh yang rosak terdilanda badai tersebut.

Pihak kerajaan, Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (YSHHB), pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan orang ramai memberikan sumbangan berbentuk wang, pakaian, makanan dan pelbagai peralatan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Sebuah Tabung Mangsa Bencana Tsunami juga telah ditubuhkan di bawah kendalian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk disumbangkan kepada mangsa-mangsa di negara-negara yang terlibat.

Negara Brunei Darussalam juga menghantar sukarelawan terdiri daripada para doktor, jururawat dan kakitangan perubatan Kementerian Kesihatan selain anggota-anggota ABDB dan sukarelawan awam.

Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam satu wawancara mengakui bahawa para sukarelawan perubatan Negara Brunei Darussalam telah memberikan perkhidmatan yang cukup cemerlang standing dengan negara maju.

Sementara itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Gabenor Wilayah Aceh, Tuan Yang

Terutama Dr. Ir. Mustafa Abu Bakar baru-baru ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Mengenai Komitmen YSHHB dalam membantu mangsa-mangsa Tsunami di Aceh.

MOU tersebut mengandungi 'pakej bantuan' lima projek yang keseluruhannya berjumlah B\$2 juta sumbangan YSHHB dan orang ramai. Sebelum penandatanganan MOU tersebut Yang Berhormat juga telah menyerahkan Perustakaan Masjid Baitulrahman yang siap dibaik pulih oleh YSHHB dengan menelan belanja B\$150 ribu. Selain membeli pulih YSHHB juga menyumbangkan buku-buku, perabot dan empat set komputer.

Pakej bantuan berjumlah B\$2 juta juga melibatkan projek pembinaan penempatan masyarakat di Desa Daerah Mamplan Kabupaten Leupung kira-kira 15 kilometer dari Banda Aceh.

Penempatan dinamakan 'Kampung Brunei' itu melibatkan pembinaan 70 unit rumah berukuran 36 meter persegi mengandungi dua bilik tidur, dapur, bilik mandi dan bilik tamu menelan belanja B\$600 ribu. Projek perumahan itu boleh menempatkan sekitar 200 ke 450 orang penghuni.

Projek lain ialah pembinaan Babul Mu'arrif Pasentren dilengkapi asrama yang boleh menampung 80 pelajar lelaki dan 80 pelajar perempuan. Ia juga dilengkapi dewan serbaguna, bilik makan, empat bilik darjah, tandas, blok pen-

tadbiran dan kemudahan riadah menelan belanja B\$744 ribu.

Pembinaan Pusat Kesihatan dan Pusat Anak-anak Yatim juga dirancang di sekitar kawasan tersebut. Pusat Anak-anak Yatim yang menelan belanja B\$190 ribu boleh menempatkan 60 anak yatim. Ia dilengkapi kemudahan asrama, dewan, perpustakaan, blok pentadbiran dan tempat tinggal kakitangan.

Kemudahan utama yang akan dibina melalui sumbangan YSHHB dan masyarakat Brunei ialah sebuah masjid yang boleh menampung 500 jemaah (sama dengan reka bentuk Masjid Kampong Katimahar). Masjid yang menelan belanja B\$368 ribu itu mempunyai ruang untuk diperbesar sehingga boleh menempatkan 1,000 jemaah.

Selain bencana badai Tsunami, Negara Brunei Darussalam juga menubuhkan tabung kemanusiaan untuk membantu mangsa-mangsa

Taufan Kartina yang melanda kawasan sebahagian Selatan Amerika dan bencana gempa bumi yang meranapkan beberapa kawasan di Pakistan baru-baru ini.

IKTIRAF

Kemajuan dan prasarana yang begitu baik dan moden, di samping mempunyai infrastruktur dan peralatan berteknologi canggih, Negara Brunei Darussalam telah diiktiraf sebagai negara maju.

Negara Brunei Darussalam di bawah kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapat pengiktirafan dan sanjungan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Antaranya sumbangan Negara Brunei Darussalam termasuklah menganjurkan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia-belia ASEAN dan Pertandingan Bola Sepak Belia-

belia ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bermurah hati mengurniakan Anugerah Antarabangsa bagi program antarabangsa utama untuk Pengajian Tamadun Pengajian Islam pada bulan November 1992 semasa lawatan negara baginda ke United Kingdom dan dalam lawatan pertama ke Pusat Oxford Bagi Pengajian Islam.

DAYA SAING

Untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan bangsa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah meluluskan B\$250 juta dana khusus untuk melaksanakan pelbagai program yang akan mengukuhkan pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini.

Sebanyak enam program dilaksanakan iaitu:

* Program Khas Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional yang mengandungi Skim Kepakaran Khas dan Skim Kepakaran Biasa.

* Program Biasiswa

yang mengandungi Skim Biasiswa Khas, Skim Biasiswa Biasa dan Skim Biasiswa Pendidikan.

* Program Khas Bagi Graduan Mencari Pekerjaan yang mengandungi Skim 'Employment Orientation and Job Matching' dan Skim Latihan Perkhidmatan 'Site Staff'.

* Program Khas Lepasan Sekolah iaitu Skim Latihan Kemahiran.

* Program Pembangunan Kemahiran dan Ilmu Pengetahuan yang mengandungi Skim Peningkatan Kemahiran, Skim Perkembangan Profesion Guru dan Skim Bantuan Latihan Sektor Swasta.

* Program Pembangunan Keusahawanan yang akan menyediakan Skim Memupuk Kesedaran Keusahawanan, Skim Latihan Keusahawanan dan Skim Melatih Tenaga Pengajar Keusahawanan.


Sementara itu, kajian-kajian kemungkinan (feasibility studies) juga akan dilakukan ke atas Skim Galakkan Bekerja Di Luar Negara dan Skim Perkhidmatan Nasional. Dalam meningkatkan keupayaan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah sempena menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-20 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2004 antara lain menekankan.

"..... Di samping itu, kita masih berkeinginan untuk meningkatkan infrastruktur fizikal, rancangan kemajuan jangka panjang selepas tahun 2005. Ia adalah termasuk hala tuju bentuk wawasan negara.

"Bagi tujuan ini, insya-Allah, beta dalam sedikit masa lagi akan menubuhkan sebuah badan petugas bagi mengemaskini lagi wawasan negara. Dan sehubungan dengan ini juga, sebuah badan lagi, badan perancang kemajuan jangka panjang akan ditubuhkan yang diketuai di peringkat menteri dengan peranannya untuk menyediakan rangka-rangka dan perancangan kemajuan jangka waktu 30 tahun yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2006 untuk pertimbangan kerajaan beta."



BAGINDA ketika berangkat menghadiri Mesyuarat Khas Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam di Kota Mekah.



"SUDAH lebih 20 tahun kita menikmati kemerdekaan dan kedaulatan. Dalam tempoh tersebut, kita telah membangun dan memajukan negara ini dengan sepenuh hati dan semangat." Titah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 pada 22 Februari 2005.

